Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

MODEL KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN KREATIF BAGI PERUSAHAAN BATIK DI DAERAH PENDANG, KEDAH

NOR ZAMZA ZURAIDAH BINTI MOHD NAJIB

Universiti Utara Malaysia

IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2025

MODEL KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN KREATIF BAGI PERUSAHAAN BATIK DI DAERAH PENDANG, KEDAH

Oleh
NOR ZAMZA ZURAIDAH BINTI MOHD NAJIB

Universiti Utara Malaysia

Tesis yang diserahkan kepada
Pusat Pengajian Awang Had Salleh,
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
untuk Memenuhi Keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NOR ZAMZA ZURAIDAH MOHD NAJIB

calon untuk Ijazah **PhD**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"MODEL KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN KREATIF BAGI PERUSAHAAN BATIK DI DAERAH PENDANG, KEDAH"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **04 Disember 2025.**
That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: ***04 December 2025.***

Pengerusi Viva *(Chairman for Viva)*	:	**Assoc. Prof. Ts. Dr. Juliana Aida Abu Bakar**	Tandatangan *(Signature)*
Pemeriksa Luar *(External Examiner)*	:	**Assoc. Prof. Ts. Dr. Nazlina Shaari**	Tandatangan *(Signature)*
Pemeriksa Dalam *(Internal Examiner)*	:	**Assoc. Prof. Dr. Syamsul Bahrin Zaibon**	Tandatangan *(Signature)*
Nama Penyelia I *(Name of Supervisor I)*	:	**Dr. Asmidah Alwi**	Tandatangan *(Signature)*
Nama Penyelia II *(Name of Supervisor II)*	:	**Assoc. Prof. Ts. Dr. Adzrool Idzwan Ismail**	Tandatangan *(Signature)*

Tarikh:
(Date) ***04 December 2025***

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti untuk mempamerkan tesis sarjana ini sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis doktor falsafah ini sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Perkembangan ekonomi luar bandar melalui industri kreatif, khususnya perusahaan batik sebagai industri warisan, mempunyai potensi signifikan dalam meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan komuniti luar bandar. Namun demikian, kemahiran keusahawanan kreatif masih di tahap rendah dan ini menjadi kekangan yang membataskan pertumbuhan, daya saing, serta kelestarian perusahaan batik luar bandar. Selain itu, ia dikenal pasti bahawa terdapat kekurangan kajian dalam keusahawanan kreatif, terutamanya dalam perusahaan batik luar bandar. Kajian ini bertujuan untuk membina Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi perusahaan batik luar bandar dengan berlandaskan Teori Modal Insan dan Teori Keusahawanan Sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik terhadap 83 orang peserta serta temu bual dengan sembilan orang peserta daripada komuniti daerah Pendang. Tujuh faktor telah dikenalpasti dan digunakan untuk membentuk Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif: (i) kemahiran kreatif, (ii) kemahiran vokasional, (iii) kemahiran keusahawanan, (iv) kolaborasi akademia-industri, (v) pengiktirafan agensi, (vi) persekitaran semula jadi, dan (vii) persekitaran ekonomi. Berdasarkan model ini, enam modul berkaitan keusahawanan batik telah dibangunkan dan diuji keberkesanannya terhadap kemahiran keusahawanan kreatif melalui ujian pra dan ujian pasca. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya peningkatan yang signifikan dalam tahap kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan komuniti luar bandar. Penemuan ini mengesahkan bahawa model yang dilaksanakan mampu memperkukuhkan kemahiran dalam bidang keusahawanan kreatif. Kesimpulannya, model yang dibangunkan berupaya menyumbang secara signifikan kepada penambahbaikan dasar pembangunan luar bandar, memperkaya pembangunan modul latihan keusahawanan kreatif yang kontekstual, serta memperkukuh sinergi kerjasama strategik antara agensi, akademia dan komuniti.

Kata Kunci: Kemahiran Kreatif; Keusahawanan Sosial; Industri Batik; Modal Insan; Pembangunan Komuniti Luar Bandar

Universiti Utara Malaysia

Abstract

The development of rural economies through the creative industry, particularly batik enterprises as a form of heritage industry, demonstrates significant potential in enhancing the income and well-being of rural communities. However, the level of creative entrepreneurial skills remains low, posing a constraint that limits the growth, competitiveness, and sustainability of rural batik enterprises. Furthermore, it is identified that there is a lack of research in creative entrepreneurship, particularly within the context of rural batik enterprises. This study aims to develop a Creative Entrepreneurial Skills Model for rural batik enterprises, grounded in Human Capital Theory and Social Entrepreneurship Theory. This study adopts a mixed-methods approach, involving data collection through questionnaires administered to 83 participants and interviews conducted with nine participants from the Pendang district community. Seven factors were identified and utilised in the development of the Creative Entrepreneurial Skills Model: (i) creative skills, (ii) vocational skills, (iii) entrepreneurial skills, (iv) academia-industry collaboration, (v) agency recognition, (vi) natural environment, and (vii) economic environment. Based on this model, six batik entrepreneurship modules were developed and their effectiveness in enhancing creative entrepreneurial skills was evaluated through pre-test and post-test. The findings indicate a significant improvement in the level of creative entrepreneurial skills among rural communities. These results confirm that the implemented model is effective in strengthening skills in the field of creative entrepreneurship. In conclusion, the developed model demonstrates significant potential to contribute to the enhancement of rural development policies, enrich the development of contextualised creative entrepreneurship training modules, and strengthen strategic collaborative synergies among agencies, academia, and communities.

***Keywords**: Creative Skills; Social Entrepreneurship; Batik Industry; Human Capital; Rural Community Development*

Penghargaan

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berjaya menyelesaikan tesis ini yang bertajuk Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif Bagi Perusahaan Batik di Daerah Pendang, Kedah. Perjalanan dalam menyiapkan kajian ini penuh dengan cabaran dan pengalaman yang amat berharga. Tidak mungkin saya dapat melakukannya tanpa sokongan serta dorongan daripada pelbagai pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama saya, Dr. Asmidah Alwi dan penyelia kedua, Prof. Madya Ts. Dr. Adzrool Idzwan Ismail atas segala bimbingan, dorongan, serta tunjuk ajar yang tidak ternilai sepanjang tempoh penyelidikan ini. Nasihat, sokongan akademik, serta pandangan kritikal mereka telah membantu saya dalam membentuk kajian ini dengan lebih baik dan terarah. Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Universiti Utara Malaysia atas sokongan serta kemudahan yang telah diberikan sepanjang proses penyelidikan ini.

Al-Fatihah buat semua insan tercinta iaitu ayah saya Mohd Najib Bin Hj. Salimin, ibu saya Normah bin Abdul Hamid, Rosmieza Ahmad Sayuly dan arwah datuk serta nenek saya. Walaupun sedih, tiada keluarga memberikan sokongan di sisi, alhamdulilah saya masih dapat meneruskan cita-cita saya demi menggapai impian masa hadapan saya.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada rakan-rakan SCIMPA yang sentiasa mendoakan kejayaan saya serta memberikan dorongan tanpa henti sejak dari awal perjalanan akademik ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Viva, Awang Had Salleh Graduate School (CAS) dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini. Segala ilmu, pengalaman, serta sokongan yang diberikan amat saya hargai dan akan menjadi asas dalam perjalanan akademik serta profesional saya pada masa hadapan.

Nor Zamza Zuraidah binti Mohd Najib

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna ii
Abstrak iii
Abstract iv
Penghargaan v
Isi Kandungan vi
Senarai Jadual xi
Senarai Rajah xiv
Senarai Lampiran xv
Senarai Singkatan xvi
Senarai Penerbitan xvii
BAB SATU PENGENALAN 1
1.1 Pengenalan 1
1.2 Latarbelakang Kajian 3
1.3 Penyataan Masalah 9
1.4 Jurang Kajian 17
1.5 Persoalan Kajian 19
1.6 Objektif Kajian 19
1.7 Cadangan Penyelesaian 20
1.8 Skop Kajian 21
1.9 Kepentingan Kajian 23
1.9.1 Pihak Akademik 23
1.9.2 Pihak Industri 24
1.9.3 Pihak Masyarakat dan Komuniti 24
1.9.4 Pihak Kementerian dan Pembuat Dasar 25

Universiti Utara Malaysia

1.10 Definisi Operasi 26
1.10.1 Industri Kreatif 26
1.10.2 Komuniti Desa 26
1.10.3 Keusahawanan 26
1.10.4 Batik 26
1.10.5 Keusahawanan Batik 27
1.11 Struktur Tesis 30
1.12 Rumusan 30
BAB DUA TINJAUAN LITERATUR 33
2.1 Pengenalan 33
2.2 Industri Kreatif 33
2.3 Kraftangan Sebagai Satu Produk 36
2.3.1 Status Industri Kraf di Malaysia 36
2.3.2 Kategori Kraf 37
2.3.3 Impak Kraftangan Batik 40
2.3.4 Komuniti Luar Bandar 29
2.3.5 Keusahawanan 41
2.3.6 Faktor-Faktor Dalam Kemahiran Kreatif 42
2.3.6.1 Kemahiran Kreatif… 46
2.3.6.2 Kemahiran Vokasional 50
2.3.6.3 Kemahiran Keusahawanan 55
2.3.6.4 Kolaborasi Akademia dan Industri 59
2.3.6.5 Pengiktirafan Agensi 62
2.3.6.6 Persekitaran Semulajadi 63
2.3.6.7 Persekitaran Ekonomi 66

Universiti Utara Malaysia

2.4 Jurang Kajian....68
2.5 Kerangka Teoritikal....70
2.6 Kerangka Kajian....73
2.7 Teori-Teori Berkaitan Keusahawanan Batik Dan Kemahiran Keusahawanan Kreatif....77
2.7.1 Teori Keusahawanan Sosial *(Social Entrepreneurship Theory)*....72
2.7.2 Teori Modal Insan *(Human Capital Theory)*....78
2.8 Kajian Terdahulu Berkaitan Model- Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif. 77
2.8.1 Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Kemahiran Individu....79
2.8.2 Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Proses dan Inovasi....81
2.8.3 Model Keusahawanan Ekosistem dan Konteks Sosial....82
2.9 Faktor- Faktor Lain....84
2.10 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Industri Kreatif Dan Keusahawanan Batik....87
2.11 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kemahiran Kreatif, Kemahiran Vokasional, Dan Keusahawanan....90
2.12 Rumusan....95
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN....97
3.1 Pengenalan....97
3.2 Rekabentuk Kajian....97
3.2.1 Paradigma Kajian....99
3.3 Lokasi Kajian....104
3.4 Populasi Kajian....106
3.5 Persampelan Kajian....111
3.6 Fasa Pertama -Kuantitatif....112
3.6.1 Fasa Teoritikal....114

3.6.2 Fasa Pembinaan Modul 114
3.6.3 Modul-Modul Latihan 114
3.6.3.1 Modul Melukis Batik 115
3.6.3.2 Modul Mencanting Batik 116
3.6.3.3 Modul Mewarna Batik 117
3.6.3.4 Modul Menjahit Pakaian 118
3.6.3.5 Modul Menjahit Kraf 119
3.6.3.6 Modul Keusahawanan 120
3.6.4 Pembinaan Instrumen Kajian 121
3.6.5 Pembinaan Soal Selidik 121
3.7 Kajian Rintis 122
3.7.1 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen 123
3.8 Kesahan Pakar 127
3.9 Pelaksanaan Fasa Latihan Keusahawanan 128
3.9.1 Pengedaran Soal Selidik dan Panduan Kepada Peserta 128
3.9.2 Sesi Latihan kepada Peserta 129
3.9.3 Pengurusan Data Soal Selidik 132
3.9.4 Validasi Data. 132
3.10 Pelaksanaan Fasa Kedua -Kualitatif 132
3.11 Prosedur Analisis Tematik 135
3.12 Kaedah Pengumpulan Data 137
3.13 Analisis Data 138
3.13 Rumusan 138
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN 142
4.1 Pengenalan 142
4.2 Objektif Kajian 1: Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Keusahawanan Kreatif melalui Industri Batik 143
4.2.1 Faktor 1: Kemahiran Kreatif 143
4.2.2 Faktor 2: Kemahiran Vokasional 144
4.2.3 Faktor 3: Kemahiran Keusahawanan 144
4.2.4 Faktor 4: Kolaborasi Akademia-Industri dalam Pemindahan Ilmu dan Inovasi 145

Universiti Utara Malaysia

4.2.5 Faktor 5: Pengiktirafan Agensi sebagai Pemangkin Keyakinan dan Akses Pasaran 145

4.2.6 Faktor 6: Persekitaran Semulajadi sebagai Sumber dan Tarikan Ekopelancongan 146

4.2.7 Faktor 7: Persekitaran Ekonomi Melalui Penglibatan Komuniti 146

4.3 Objektif Kajian 2: Menguji Keberkesanan Modul Kemahiran Keusahawanan Kreatif Dalam Meningkatkan Kemahiran Usahawan Luar Bandar Melalui Industri Batik. 147

4.3.1 Maklumat Demografik Responden. 149

4.3.2 Latihan dna Kursus 150

4.3.3 Dana dan Bantuan, Agensi dan Bantuan. 151

4.4 Analisis Statistik Diskriptif 152

4.4.1 Modul Melukis Batik. 153

4.4.2 Modul Mencanting Batik 155

4.4.3 Modul Mewarna Batik 157

4.4.4 Modul Menjahit Pakaian. 159

4.4.5 Modul Menjahit Kraf. 161

4.4.6 Modul Keusahawanan. 164

4.5 Kemahiran Peserta 130

4.6 Peratusan Kemahiran Peserta 194

4.7 Kursus Kemahiran 195

4.8 Demografik Respondent Temubual. 198

4.9 Dapatan Temubual 199

4.9.1 Tema 1: Kursus Jahitan Pakaian 199

4.9.2 Tema 2: Kursus Keusahawanan 200

Universiti Utara Malaysia

4.9.3 Tema 3: Kursus Perniagaan (Pengurusan dan Operasi).....201
4.10 Tema Dapatan Temubual 202
4.11 Objektif 3: Membina Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif melalui Industri Batik. 203
4.11 Rumusan. 205
BAB LIMA PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN IMPLIKASI KAJIAN.....206
5.1 Pengenalan.....206
5.2 Ringkasan Kajian 206
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 207
5.3.1 Faktor-Faktor Peningkatan Kemahiran Keusahawanan 207
5.3.2 Keberkesanan Modul Keusahawanan Batik.....216
5.3.3 Penguasaan Ilmu dan Kemahiran Teknikal (*Hard Skills*).....217
5.3.4 Pembangunan Keusahawanan dan Pengurusan *(Entrepreneurial Literacy)* 217
5.3.5 Peningkatan Kemahiran Insaniah *(Soft Skills)*.....218
5.3.6 Relevans Kontekstual Modul.....218
5.4 Pembinaan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif.....219
5.5 Limitasi Kajian. 224
5.6 Sumbangan Kajian. 225
5.6.1 Sumbangan Akademik.....225
5.6.2 Sumbangan Praktikal dan Industri.....226
5.7 Implikasi Kajian.....227
5.7.1 Implikasi Terhadap Teori 227
5.7.1.1 Teori Pembangunan Insan (Becker, 1964) 227
5.7.1.2 Teori Keusahawanan Sosial (Dees, 2001).....227

Universiti Utara Malaysia

5.8 Implikasi Terhadap Amalan 228
5.8.1 Latihan Berasaskan Komuniti dan Kontekstual. 228
5.8.2 Pengukuhan Jaringan Kolaboratif. 228
5.8.3 Pemanfaatan Persekitaran Semula Jadi. 228
5.9 Implikasi Terhadap Dasar..... 228
5.9.1 Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB). 228
5.9.2 Penyepaduan Pelbagai Agensi..... 229
5.9.3 Pembangunan Modul Piawaian Nasional. 229
5.10 Cadangan Kajian Akan Datang 229
5.10.1 Kajian Longitudinal untuk Menilai Kesan Jangka Panjang 229
5.10.2 Replikasi Model dalam Konteks Industri Kreatif Lain 230
5.10.3 Kajian Perbandingan Antara Kawasan Bandar dan Luar Bandar 230
5.6.5 Integrasi Elemen Digitalisasi dan Ekonomi Gig 231
5.11 Kesimpulan..... 231
RUJUKAN 233

Universiti Utara Malaysia

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Klasifikasi Dasar Industri Kreatif (DIKN)....4
Jadual 1.2 Pendapatan isi rumah berdasarkan kategori....12
Jadual 1.3 Status Pendapatan purata isi rumah di Pendang....14
Jadual 2.1 Klasifikasi Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN)....34
Jadual 2.2 Bilangan Usahawan Berdaftar....42
Jadual 2.3 Faktor Kemahiran....46
Jadual 2.4 Faktor Kemahiran Kreatif....50
Jadual 2.5 Faktor Kemahiran Vokasional....54
Jadual 2.6 Faktor Kemahiran Keusahawanan....59
Jadual 2.7 Faktor Kolaborasi Akademia dan Industri....61
Jadual 2.8 Faktor Pengiktirafan Agensi....63
Jadual 2.9 Faktor Persekitaran Semula Jadi....65
Jadual 2.10 Faktor Persekitaran Ekonomi....68
Jadual 2.11 Faktor Lain.... 86
Jadual 3.1 Kebolehcayaan Instrumen Kajian Rintis....126
Jadual 3.2.Soal Kaji Selidik Kajian Rintis.... 126
Jadual 3.3 Profil Pakar.....127
Jadual 4.1 Maklumat Demografik…. 149
Jadual 4.2 Maklumat Berkaitan Kursus/Latihan Responden….150
Jadual 4.3 Maklumat dan bantuan…. 151
Jadual 4.4 Skala Likert Tujuh (7) Pemeringkatan.... 152
Jadual 4.5 Perbezaan Min Ujian Pra dan Min Ujian Pasca Modul Melukis Batik….....154
Jadual 4.6 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Melukis Batik....155
Jadual 4.7 Perbezaan Min Ujian Pra dan Min Ujian Pasca Modul Mencanting Bati.....156
Jadual 4.8 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mencanting Batik. 157
Jadual 4.9 Perbezaan Min Ujian Pra dan Min Ujian Pasca Modul Mewarna Batik.....158

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.10 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mewarna Batik.....159
Jadual 4.11 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Menjahit Pakaian 160
Jadual 4.12 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menjahit Pakaian… 160
Jadual 4.13 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Menjahit Kraf. 163
Jadual 4.14 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menjahit Kraf… 163
Jadual 4.15 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Keusahawanan Satu Kerjaya 164
Jadual 4.16 Perbezaan Min Keseluruhan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Keusahawanan Satu Kerjaya 169
Jadual 4.17 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Keusahawanan Satu Kerjaya..... 170
Jadual 4.18 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Komunikasi Dalam Perniagaan… 172
Jadual 4.19 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Komunikasi dalam Perniagaan 173
Jadual 4.20 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Diri 174
Jadual 4.21 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Diri…..... 175
Jadual 4.22 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Mengenal Potensi Diri… 176
Jadual 4.23 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Potensi Diri…..... 177
Jadual 4.24 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Menetapkan Matlamat Diri 178
Jadual 4.25 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Matlamat Diri… 179
Jadual 4.26 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Kewangan..... 181

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.27 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Kewangan.....182
Jadual 4.28 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Simpan Kira.....182
Jadual 4.29 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Simpan Kira..... 185
Jadual 4.30 Perbezaan Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Modul Asas Jualan Dan Jualan Atas Talian 187
Jadual 4.31 Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Asas Jualan Dan Jualan Atas Talian… 187
Jadual 4.32 Perbezaan Min Bagi Keseluruhan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kemahiran Keusahawanan.....188
Jadual 4.33 Peratusan Bagi Kemahiran Peserta 194
Jadual 4.34 Peratusan Kursus Kemahiran. 195
Jadual 4.35 Kursus Kemahiran.....197
Jadual 4.3.6 Demografik Responden.....198
Jadual 4.37 Tema Dapatan Temubual… 202
Jadual 4.38 Perbandingan Dapatan Kuantitatif Dan Kualitatif… 205
Jadual 5.1 Prinsip Utama Dan Peranan Teori…….....220

Universiti Utara Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 1.1: Pendapatan Per Kapita Mengikut Negeri....12
Rajah 1.2: Kerangka Teoritikal Kajian....15
Rajah 1.3: Kerangka kajian 17
Rajah 2.1: Statistik Bilangan Usahawan Dan Bilangan Tenaga Kerja....37
Rajah 2.2: Pencapaian Rekaan Baru….38
Rajah 2.3: Kerangka Teoritikal Kajian....72
Rajah 2.4: Kerangka Kajian. 76
Rajah 2.5: Model Kreativiti dalam Keusahawanan. 80
Rajah 2.6: Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif. 81
Rajah 2.7: Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Proses dan Inovasi.... 82
Rajah 2.8: Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Ekonomi dan Konteks Sosial.....82
Rajah 3.1: Rekabentuk Kajian.... 98
Rajah 3.2: *Explanatory Sequential Design*....99
Rajah 3.3: Kerangka Kajian. 101
Rajah 3.4: Fasa Data Kajian Campuran… 102
Rajah 3.5: Peta Lokasi Kampung Paya Mak Insun, Pendang, Kedah....104
Rajah 3.6: Bengkel Komuniti Batik Cyntok di Kampung Paya Mak Insun, Pendang Kedah. 106
Rajah 3.7: Penentu Saiz....110
Rajah 3.8: Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif.... 112
Rajah 3.9: Carta Alir Rekabentuk Modul….114
Rajah 3.10: Modul Melukis Batik. 115
Rajah 3.11: Modul Mencanting Batik… 116
Rajah 3.12: Modul Warna Batik....117
Rajah 3.13: Modul Menjahit Pakaian....118
Rajah 3.14: Modul Menjahit Kraf 119
Rajah 3.15: Modul Keusahawanan....120
Rajah 3.16: Peserta diajar untuk Melukis Motif Batik.... 129
Rajah 3.17: Peserta Belajar Mencanting Batik.....130

Rajah 3.18: Peserta Melukis dan Memotong Pola Kain.....130
Rajah 3.19: Peserta Sedang Menjawab Soal Selidik. 131
Rajah 3.20: Sesi Latihan Modul Keusahawanan Kreatif..... 131
Rajah 3.21: Carta Alir Prosedur Data Kualitatif..... 134
Rajah 3.22: Trangulasi Kaedah Campuran…..... 137
Rajah 5.1: Model Pemerkasaan Ekonomi Desa Menerusi Industri Batik… 221

Universiti Utara Malaysia

Senarai Lampiran

Lampiran A Surat Kutipan Data.....260
Lampiran B Borang Soalan selidik.....261
Lampiran C Persetujuan Temu Bual 278
Lampiran D Protokol Temubual….....280
Lampiran E Soalan Temubual.....281
Lampiran F Analisis Kajian 283
Lampiran G Gambar Aktiviti Peserta.....296
Lampiran H Modul Melukis Batik.....297
Lampiran I Modul Mencanting Batik.....298
Lampiran J Modul Mewarna Batik 299
Lampiran K Modul Menjahit Pakaian.....300
Lampiran L Modul Menjahit Kraf.....301
Lampiran M Modul Keusahawanan… 302
Lampiran N Lantikan dan Maklum Balas Pakar. 303

Universiti Utara Malaysia

Senarai Singkatan

DIKN	Dasar Industri Kreatif Negara
UNCTAD	*United Nations Conference on Trade and Development Bersatu*
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
ISO	Pertubuhan Penstandardan Antarabangsa
B40	Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% bawah RM4,49.00
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
UNESCO	*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*
UNDP	*United Nations Development Programme*
DOA	*Department of Agriculture*
DOSM	*Department of Statistic Malaysia*
MOTAC	*Ministry of Tourism, Arts and Culture*
OECD	*Organisation for Economic Co-operation and Development*
PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
TVET	*Technical and Vocational Education and Training*
KEMAS	*Community Development Department*
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
NGO	*Non-Governmental Organization*
MARA	Majlis Amanah Rakyat
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
KPLB	*Ministry of Rural and Regional Development*
SPSS 27	*Statistical Package for the Social Sciences 27*
RISDA	*Rubber Industry Smallholders Development Authority*
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
SMART	(Specific, Measurable, Achievable, Relevant, Time-bound)
DPLB	Dasar Pembangunan Luar Bandar
IPEK	Pembangunan Indeks Pemerkasaan Ekonomi Komuniti
CFA	*Confirmatory Factor Analysis*
SEM	*Structural Equation Modeling*

Universiti Utara Malaysia

Senarai Penerbitan

Jurnal:

- Nor Zamza Zuraidah Mohd Najib, Asmidah Alwi, & Adzrool Idzwan Ismail. (2025). Rural Community Empowerment Model through the Batik Entrepreneurship Approach. *International Journal of Multicultural Education* (IJME), 26(3), 317–326. https://doi.org/10.5281/zenodo.15448524

Universiti Utara Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan ekonomi luar bandar adalah antara agenda terpenting bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran inklusif serta seimbang di antara kawasan yang pesat membangun seperti bandar dan juga di kawasan pedalaman. Komuniti yang berada di kawasan luar bandar sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran, di antaranya kadar kemiskinan, kekurangan peluang pekerjaan, penghijrahan golongan muda ke bandar, dan akses terhad kepada sumber pendidikan dan teknologi (Ismail et al., 2021). Oleh itu, pendekatan yang bersifat holistik dan lestari perlu dirangka bagi meningkatkan kemahiran agar mereka mampu berdikari dan memainkan peranan aktif dalam pembangunan ekonomi setempat.

Universiti Utara Malaysia

Salah satu strategi yang semakin mendapat perhatian dalam konteks pembangunan ekonomi luar bandar ialah pendekatan keusahawanan sosial, yang bukan sahaja menumpukan kepada keuntungan ekonomi, malah memberi penekanan kepada penyelesaian masalah sosial dan peningkatan kesejahteraan komuniti setempat (Dees, 2001; Yusoff & Madar, 2023). Melalui pendekatan ini, komuniti luar bandar berupaya memanfaatkan potensi sumber tempatan seperti kraftangan, pertanian, industri warisan dan pelancongan desa untuk membangunkan perusahaan yang mampan serta berdaya saing.

Di samping itu, pelaburan dalam modal insan melalui pendidikan, latihan kemahiran, dan pembangunan kapasiti komuniti menjadi pemacu utama kepada peningkatan produktiviti dan daya saing ekonomi desa (Becker, 1964; Kementerian Ekonomi Malaysia, 2023). Pembangunan modal insan dapat memperkasakan komuniti luar bandar melalui kemahiran teknikal dan keusahawanan. Ia juga dapat membina keyakinan, kepimpinan, dan kemampuan membuat keputusan secara kolektif, yang penting dalam memastikan kelestarian perusahaan berasaskan komuniti.

Namun begitu, dalam konteks industri kreatif luar bandar seperti perusahaan batik, cabaran utama yang sering dihadapi bukan sekadar berkaitan kekurangan kemahiran teknikal, tetapi lebih mendasar kepada kelemahan kemahiran keusahawanan kreatif. Walaupun ramai pengusaha batik luar bandar memiliki kemahiran vokasional asas dalam penghasilan batik, kekurangan keupayaan mengintegrasikan kreativiti, inovasi dan kemahiran keusahawanan menyebabkan perusahaan yang diusahakan sukar berkembang, kurang berdaya saing dan bergantung kepada pasaran terhad. Keadaan ini menuntut satu pendekatan pembangunan kemahiran yang lebih sistematik dan kontekstual, khususnya dalam membangunkan kemahiran keusahawanan kreatif sebagai asas kepada kelestarian dan pemerkasaan perusahaan batik luar bandar.

Sehubungan itu, pembangunan satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang bersesuaian dengan konteks sosioekonomi luar bandar menjadi keperluan penting bagi menyokong perkembangan perusahaan batik secara mampan, seterusnya menyumbang kepada pemerkasaan ekonomi komuniti luar bandar seperti di daerah Pendang, Kedah.

Universiti Utara Malaysia

1.2 Latarbelakang Kajian

Industri kreatif adalah pengeluar atau penyedia perkhidmatan dengan kandungan artistik yang dianggap kreatif dan signifikan dari segi budaya meliputi aspek makro dan mikro ekonomi serta keterampilan, bakat yang berpotensi untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan dengan menghasilkan harta intelek (Ruth Towse dan Trilce Navarrete Hernández, 2020; dan Dasar Industri Kreatif Negara 2009).

Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) telah menyelaraskan definisi industri kreatif sebagai pengetahuan yang berpotensi untuk menjana hasil dan merangkumi konsep, membuat dan menyampaikan barangan dan perkhidmatan intelek atau seni yang ketara dan tidak ketara melalui kreativiti dan modal intelek sebagai sumber utama serta sistem klasifikasi industri untuk kegunaan statistik dan analisis ekonomi (UNCTAD, 2008 & Christiaan De Beukelaer, 2014).

Universiti Utara Malaysia

Mobilisasi dan kemampuan serta bakat individu atau kumpulan berdasarkan daya kreativiti, penciptaan inovasi dan pengunaan teknologi adalah tafsiran dalam Industri kreatif di Malaysia. Ia juga adalah sumber pendapatan negara serta serasi dengan budaya dan nilai murni kepelbagaian etnik di Malaysia (Saidon, 2013).

Selain itu, industri kreatif juga merupakan keterampilan bakat yang dapat menjana peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek (DIKN, 2023). Jadual 1.1 di bawah menunjukkan klasifikasi bidang dalam industri kreatif di mana DIKN terbahagi 3 kategori iaitu i) Industri Kreatif Multimedia melibatkan bidang penerbitan, pengiklanan, seni reka dan animasi dan kandungan digital; ii) Industri Kreatif Seni Budaya dan iii) Industri Kreatif Warisan Budaya yang meliputi muzium, arkib, pemulihan dan pemuliharaan (Dasar Industri Kreatif Negara, 2023).

Jadual 1.1

Klasifikasi Dasar Industri Kreatif (DIKN)

Industri Kreatif Multimedia	**Industri Kreatif Seni Budaya**	**Industri Kreatif Warisan Budaya**
Penerbitan Filem dan TV	Kraf	Muzium
Pengiklanan	Seni Visual	Arkib
Seni Reka	Seni Muzik	Pemulihan
Animasi dan Kandungan Digital	Seni Persembahan	Pemuliharaan
	Penulisan Kreatif	
	Fesyen dan Tekstil	

(Sumber: Dasar Industri Kreatif Negara, 2023).

Di Malaysia, sektor industri kreatif menyumbang begitu banyak hasil iaitu sebanyak RM 29.4 billion terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019. Hal ini juga berpotensi besar untuk terus berkembang dan memberikan sumbangan terhadap ekonomi negara dalam jangka masa yang berterusan (Bernama, 2019).

Universiti Utara Malaysia

Di samping itu, pendekatan industri kreatif telah membantu industri desa di Malaysia melalui pelbagai usaha yang telah dijalankan dengan adanya bantuan atau galakan industri kreatif dari segi membuat promosi bagi penghasilan produk kraf yang dihasilkan oleh komuniti luar bandar.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kraftangan Malaysia adalah menyediakan sebuah platform jualan atas talian bagi produk kraftangan iaitu *Mycraff Shoppe* yang berkonsepkan capaian tahap antarabangsa tapi beridentitikan tempatan (Kraftangan Malaysia 2021). Tambahan pula, pelbagai perkhidmatan lain disediakan seperti bahan mentah, rekaan produk, maklumat pembelian dan informasi berkenaan kraftangan yang telah dihasilkan. Kira-kira 400 usahawan kraftangan yang diantaranya merupakan pembuat, pembekal serta pengedar (Kraftangan Malaysia, 2020). Usahawan juga boleh memasarkan produk dan perkhidmatan menggunakan platform e-pemasaran (Albasri et al., 2022).

Universiti Utara Malaysia

Pengklasifikasikan industri kraf di Malaysia merujuk kepada hasil logam, hasil tanah, hasil hutan, tekstil dan aneka kraf (Kraftangan Malaysia, 2012). Manakala batik adalah dalam kategori kraf dan tekstil. Istilah batik dipercayai tercipta daripada perkataan Jawa iaitu ambatik atau tritik. Akhiran “tik” dalam setiap perkataan diterjemahkan kepada titik-titik kecil. Penghasilan Batik di Malaysia terbahagi kepada dua teknik penghasilan iaitu batik lukis tangan (batik canting) serta batik cap (batik terap atau blok), (Syed Shaharuddin et al., 2021).

Kemunculan batik sukar dipastikan, kerana aktiviti mencelup fabrik pada zaman dulu bermula di India, Mesir, Parsi, Turki, China dan Jepun (Harun et al. 2014). Pada zaman dahulu, masyarakat Melayu membuat batik dengan menggunakan cop seperti kayu, kentang dan umbut pisang (Che Yaacob et al., 2019).

Kini peralatan cop batik diperbuat daripada logam dapat menghasilkan corak batik yang halus dan teliti (Nik Ahmed, 2015). Di Indonesia iaitu di daerah Sumatera corak yang disebut batik pelangi telah diperkenalkan sejak tahun 1770. Teknik pembuatan batik secara mengikat dan mewarna di kenali sebagai batik pelangi. Kain yang diimport dari Thailand adalah jenis kain *Pereir,* dan menggunakan pewarna semulajadi dari buah dan kulit kayu. Batik pelangi hanya menggunakan warna biru dan hitam.

Di Malaysia pula, aktiviti membuat batik popular di sekitar pantai timur, namun di negeri utara masih kurang kedengaran tentang aktiviti membatik ini. Kemunculan Cyntok Bhatik tercetus apabila ia menjadi salah satu ikon baru dari negeri Kedah. Terdapat sembilan motif serta mempunyai reka bentuk industri yang bernombor 19a E 0063-0101. Ia telah diilhamkan oleh Adzrool Idzwan Ismail pada tahun 2019. Motif Cyntok Bhatik direka bentuk berasaskan flora yang ada di dalam persekitaran bumi Sintok iaitu berasaskan bahagian pokok bunga kertas dan juga pokok Sintok.

Pokok Sintok dipilih sebagai ikon bumi Sintok itu sendiri dan pokok bunga kertas yang juga merupakan tumbuhan berada sekitar Universiti Utara Malaysia (Ismail et al., 2021). Keusahawanan Cyntok Bhatik dipelopori oleh beberapa usahawan Cyntok Bhatik yang bergiat aktif di dua daerah komuniti iaitu komuniti Kampung Paya Mak Insun, Pendang dan Kampung Lebai Saman, Padang Terap, Kedah.

Kini usahawan-usahawan batik ini mempunyai bengkel sendiri dan berkembang sejajar dengan perkembangan penerimaan dan permintaan terhadap produk-produk Cyntok Bhatik.

Justeru itu, keusahawanan adalah merupakan satu bidang yang di ceburi oleh komuniti luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup sesebuah komuniti (Talib et al., 2012). Keusahawanan batik di Malaysia pada awalnya kemunculanya di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu. Ia dipelopori oleh golongan wanita yang sangat aktif mengusahakan batik dan songket (Mohd Noor et al., 2021). Contohnya seperti Arfah Batik dan Nordin Batik.

Kemahiran keusahawanan kreatif merujuk kepada keupayaan individu mengintegrasikan kreativiti, inovasi dan kemahiran keusahawanan bagi menjana nilai ekonomi dan sosial yang mampan. Dalam konteks industri batik luar bandar, kemahiran ini bukan sahaja melibatkan kecekapan menghasilkan produk yang bernilai estetik, tetapi turut merangkumi kebolehan mengenal pasti peluang pasaran, membangunkan idea baharu, mengurus sumber secara strategik serta menyesuaikan perniagaan dengan perubahan persekitaran ekonomi dan pasaran.

Bagi perusahaan batik di kawasan luar bandar, kemahiran keusahawanan kreatif memainkan peranan penting kerana kebanyakan pengusaha bergantung kepada kemahiran tradisional dan pengalaman praktikal tanpa pendedahan sistematik kepada latihan keusahawanan. Keadaan ini menyebabkan potensi kreativiti sedia ada tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan daya saing, kepelbagaian produk dan nilai tambah ekonomi.

Universiti Utara Malaysia

Kekangan dari segi inovasi reka bentuk, strategi pemasaran dan pengurusan perniagaan sering menjadi faktor yang membataskan pertumbuhan dan kelestarian perusahaan batik luar bandar.

Selain itu, kemahiran keusahawanan kreatif turut berkait dengan keupayaan pengusaha mentransformasikan nilai warisan dan budaya tempatan kepada produk komersial tanpa menghakis identiti asalnya. Dalam industri batik, keseimbangan antara pemeliharaan tradisi dan keperluan pasaran moden memerlukan tahap kreativiti dan keusahawanan yang tinggi, khususnya dalam aspek reka bentuk, penjenamaan dan penyesuaian produk mengikut kehendak pengguna semasa.

Walau bagaimanapun, sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian keusahawanan kreatif lebih tertumpu kepada pembangunan model umum dalam konteks industri kreatif bandar, manakala kajian yang memfokuskan kepada perusahaan batik luar bandar masih terhad. Kebanyakan model sedia ada juga bersifat konseptual dan kurang diuji secara empirikal dalam konteks industri warisan desa.

Justeru, wujud keperluan untuk membangunkan satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang lebih kontekstual dan berasaskan realiti pengusaha batik luar bandar bagi menyokong pemerkasaan ekonomi luar bandar dan kelestarian industri batik.

Komuniti luar bandar atau masyarakat luar bandar adalah golongan yang menghasilkan kerja tangan yang masih menggunakan kaedah tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang. Komuniti luar bandar berfungsi sebagai pemangkin pembangunan masyarakat di luar bandar.

Komuniti luar bandar memainkan peranan untuk menguruskan komuniti dengan berkesan (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2020).

Sehubungan itu, latihan bidang keusahawanan sangat penting bagi membantu komuniti luar bandar meningkatkan kemahiran dan pendapatan (Tambi et al., 2018 & Yusoff & Abdul Aziz 2019).

1.3 Penyataan Masalah

Ketidakseimbangan pembangunan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar masih merupakan isu struktural yang berpanjangan dalam konteks pembangunan negara Malaysia. Walaupun pelbagai dasar dan inisiatif pembangunan luar bandar telah dilaksanakan, sebahagian besar komuniti luar bandar masih bergantung kepada sektor ekonomi tradisional yang berproduktiviti rendah, berpendapatan tidak stabil serta berdaya saing terhad. Keadaan ini menjadikan usaha pemerkasaan ekonomi luar bandar bersifat rapuh dan kurang mampan dalam jangka panjang, khususnya dalam menghadapi perubahan ekonomi dan persaingan pasaran yang semakin kompleks.

Universiti Utara Malaysia

Kajian lepas menunjukkan bahawa pembangunan kemahiran dan latihan keusahawanan yang terancang mampu meningkatkan pendapatan isi rumah serta daya tahan ekonomi komuniti desa (Becker, 1964; Tambi et al., 2018; Yusoff & Madar, 2023). Namun demikian, masih terdapat kekurangan kajian empirikal yang membangunkan dan menilai secara menyeluruh satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan dalam konteks industri batik luar bandar.

Tambahan pula, integrasi teori modal insan (Becker, 1964) dan keusahawanan kreatif dalam membentuk satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang holistik masih belum diteroka secara mendalam, khususnya di negeri-negeri utara seperti Kedah.

Ketiadaan model kemahiran keusahawanan kreatif yang berstruktur dan berasaskan bukti empirikal menyukarkan pihak berkepentingan seperti agensi pembangunan luar bandar, institusi pendidikan, dan pemain industri untuk merangka intervensi yang berkesan dan lestari bagi memperkasa pengusaha batik luar bandar. Oleh itu, terdapat satu keperluan mendesak untuk membangunkan satu Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif yang bersesuaian dengan konteks sosioekonomi luar bandar, khususnya bagi perusahaan batik di daerah Pendang, Kedah.

Sehubungan itu, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengisian jurang pengetahuan dan amalan dengan membangunkan satu model yang sistematik dan kontekstual, yang bukan sahaja berupaya meningkatkan pendapatan dan daya saing pengusaha batik luar bandar, malah menyokong kelestarian warisan budaya serta pembangunan ekonomi luar bandah secara menyeluruh.

Selain itu, kegiatan aktiviti usahawan luar bandar ini melibatkan mereka yang pada dasarnya adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah yang hampir keseluruhannya tergolong dari B40 (Siwar et al., 2019; Nor Hasimet al., 2022). Merujuk Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), berdasarkan sruktur pengagihan pendapatan isi rumah di Malaysia, terdapat beberapa golongan yang dikelaskan iaitu B40, M40 dan T20.

Golongan B40 dikategorikan sebagai berpendapatan rendah berdasarkan pendapatan bulanan yang kurang dari RM 4,850. Selain itu, M40 pula adalah isi rumah yang dikategorikan sebagai berpendapatan sederhana iaitu antara RM 4,851 hingga RM 10, 970. Akhir sekali, isi rumah T20 memperoleh pendapatan lebih daripada RM10,971 hingga 15,041 keatas (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), sebagaimana Jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2

Pendapatan Isi Rumah Berdasarkan Kategori

Kumpulan		Median (RM)	Purata (RM)	Had Pendapatan (RM)
B40	B1	1,929	1,849	Kurang dari 2,500
	B2	2,786	2,803	2,501 – 3,170
	B3	3,556	3,561	3,171 – 3,970
	B4	4,387	4,395	3,971 – 4,850
M40	M1	5,336	5,346	4,851 – 5,880
	M2	6,421	6,477	5,881 – 7,100
	M3	7,828	7,841	7,101 – 8,700
	M4	9,695	9,730	8,701 – 10,970
T20	T1	12,586	12,720	10,971 – 15,040
	T2	19,781	24,293	15,041 ke atas

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022)

Ekonomi luar bandar di Malaysia amat penting untuk pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara terutamanya dalam menyediakan sumber makanan, produk tempatan, dan sebagai penyumbang kepada kestabilan sosio-ekonomi luar bandar.

Namun begitu, statistik dan laporan ekonomi menunjukkan bahawa kawasan luar bandar masih tertinggal dari segi pembangunan ekonomi berbanding kawasan bandar. Misalnya, berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), negeri Kedah yang mewakili zon utara, mencatatkan antara pendapatan per kapita yang paling rendah iaitu RM23,119 setahun, jauh di bawah purata nasional (Rajah 1.1).



Negeri	KDNK Per Kapita (RM)
W.P Kuala Lumpur	124,232
W.P. Labuan	78,032
Pulau Pinang	58,527
Sarawak	57,635
Selangor	55,568
Melaka	47,779
Negeri Sembilan	47,452
Pahang	39,275
Johor	38,646
Perak	34,433
Sabah	26,674
Perlis	24,216
Kedah	**23,119**
Kelantan	14,643
MALAYSIA	**47,324**

Rajah 1.1. Pendapatan Per Kapita Mengikut Negeri

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021)

Daerah Pendang dipilih sebagai lokasi kajian kerana daerah ini mencerminkan realiti sebenar cabaran ekonomi luar bandar di negeri Kedah dan Malaysia secara amnya. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022), Pendang merupakan antara daerah yang mencatatkan purata dan median pendapatan isi rumah terendah di negeri Kedah, dengan pendapatan median hanya RM3,801 sebulan. Kedudukan ini menunjukkan tahap kesejahteraan ekonomi isi rumah yang rendah serta kebergantungan tinggi kepada sektor pekerjaan berkemahiran rendah dan tidak formal, sekali gus menjadikan Pendang sesuai sebagai intervensi model kemahiran keusahawanan kreatif.

Universiti Utara Malaysia

Keadaan ini menyebabkan penduduk terdedah kepada ketidaktentuan pendapatan dan kekurangan mobiliti ekonomi, namun pada masa yang sama memiliki potensi besar untuk diperkasa melalui pembangunan kemahiran dan keusahawanan yang bersesuaian dengan konteks luar bandar.

Pendang turut mempunyai keunikan dari segi kewujudan dan perkembangan perusahaan batik luar bandar yang berasaskan komuniti, seperti inisiatif keusahawanan batik di Kampung Paya Mak Insun dan kawasan sekitarnya. Aktiviti ini menunjukkan bahawa komuniti setempat telah memiliki kemahiran kreatif dan vokasional asas dalam penghasilan batik, namun masih berdepan dengan kekangan dari aspek kemahiran keusahawanan kreatif, pemasaran, penjenamaan dan penggunaan teknologi digital. Keadaan ini menjadikan Pendang lokasi yang relevan untuk mengkaji bagaimana kemahiran keusahawanan kreatif boleh dibangunkan secara sistematik bagi meningkatkan daya saing dan kelestarian perusahaan batik luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Tambahan pula, berbanding daerah lain di Kedah yang lebih dominan dari segi sektor perindustrian atau pelancongan, Pendang masih kurang diberi tumpuan dalam pembangunan industri kreatif secara formal. Kekurangan kajian empirikal dan model intervensi khusus yang memfokuskan kepada perusahaan batik di daerah ini mewujudkan satu jurang pengetahuan dan amalan yang signifikan.

Oleh itu, pemilihan Pendang bukan sahaja bertepatan dari segi keperluan sosioekonomi, malah memberi nilai tambah kepada literatur dan amalan pembangunan ekonomi luar bandar melalui penerokaan konteks yang masih kurang dikaji.

Jadual 1.3 dibawah.

Status Pendapatan purata isi rumah di Pendang

Bil	Daerah	Pendapatan Purata	Pendapatan Median
1.	Langkawi	6,087	5,250
2.	Kubang Pasu	6,221	5,201
3.	Kota Setar	5,959	4,751
4.	Pokok Sena	5,494	4,668
5.	Kulim	5,636	4,498
6.	Kuala Muda	5,624	4,200
7.	Yan	4,637	4,080
8.	Bandar Baharu	4,565	3,922
9.	Padang Terap	4,858	3,902
10.	Pendang	4,986	3,801
11.	Sik	5,053	3,703
12.	Baling	4,263	3,400

(Sumber: DOSM, Pendapatan purata isi rumah daerah negeri Kedah, 2022)

Secara keseluruhannya, Pendang dipilih sebagai lokasi kajian kerana kombinasi faktor tahap pendapatan yang rendah, dominasi isi rumah B40, kewujudan perusahaan batik luar bandar berasaskan komuniti, serta potensi peningkatan kemahiran melalui pembangunan kemahiran keusahawanan kreatif.

Justifikasi ini turut menjadikan Pendang satu konteks kajian yang sesuai dan signifikan untuk membangunkan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif yang kontekstual, berasaskan bukti empirikal, dan berpotensi untuk diaplikasikan di kawasan luar bandar lain yang mempunyai ciri sosioekonomi yang seumpama.

Universiti Utara Malaysia

Di daerah Pendang, Kedah, perusahaan batik wujud dan berkembang dalam skala kecil berasaskan komuniti, terutamanya di Kampung Paya Mak Insun dan kawasan sekitarnya. Pengusaha batik di daerah ini lazimnya memiliki kemahiran vokasional dan teknikal asas dalam penghasilan batik seperti mencanting, mewarna dan mereka corak. Walau bagaimanapun, kemahiran teknikal ini tidak disertai dengan kemahiran keusahawanan kreatif yang menyeluruh, menyebabkan perusahaan batik luar bandar kekal pada tahap sara diri, kurang berdaya saing dan sukar berkembang sebagai perniagaan yang mampan.

Isu utama yang dikenal pasti bukan sekadar berkaitan kekurangan modal atau bantuan kewangan, tetapi lebih mendasar kepada kelemahan kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan pengusaha batik luar bandar. Kemahiran keusahawanan kreatif merangkumi keupayaan mengintegrasikan kreativiti dan inovasi dengan pengurusan perniagaan, strategi pemasaran, penjenamaan produk serta pemanfaatan teknologi digital secara bersepadu. Tanpa kemahiran ini, pengusaha batik cenderung bergantung kepada kaedah tradisional, pasaran tempatan yang terhad serta jaringan perniagaan yang sempit, sekali gus menyukarkan penembusan ke pasaran yang lebih luas dan berdaya saing.

Situasi ini menjadi lebih kritikal apabila majoriti pengusaha batik luar bandar di Pendang terdiri daripada isi rumah kategori B40, dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM4,850, tahap pendidikan formal yang terhad serta penglibatan dalam pekerjaan tidak formal dan berpendapatan tidak menentu (DOSM, 2022). Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan ekonomi isi rumah, malah mendorong penghijrahan golongan belia ke bandar dan melemahkan kesinambungan ekonomi luar bandar.

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa pembangunan modal insan melalui latihan kemahiran dan keusahawanan memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan produktiviti serta kesejahteraan ekonomi komuniti luar bandar. Kajian oleh Tambi et al. (2018) dan Yusoff dan Abdul Aziz (2019) mendapati bahawa latihan keusahawanan yang terancang mampu meningkatkan tahap kemahiran, keyakinan diri dan pendapatan isi rumah luar bandar. Dapatan ini disokong oleh kajian lebih terkini oleh Nor Hashim et al. (2022) serta Yusoff dan Madar (2023) yang menunjukkan bahawa pembangunan kemahiran keusahawanan berasaskan konteks setempat bukan sahaja meningkatkan keupayaan menjana pendapatan, malah memperkukuh daya tahan ekonomi dan kesejahteraan sosial komuniti luar bandar secara mampan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks perusahaan batik luar bandar, program latihan dan bantuan yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi didapati bersifat jangka pendek, terpisah dan tidak berasaskan satu kerangka kemahiran keusahawanan kreatif yang sistematik serta kontekstual dengan realiti sosioekonomi luar bandar. Kekangan ini menyebabkan impak latihan terhadap peningkatan kemahiran, daya saing dan kelestarian perusahaan batik desa masih bersifat terhad.

Tambahan pula, walaupun teori Modal Insan (Becker, 1964) sering digunakan untuk menjelaskan hubungan antara latihan dan peningkatan produktiviti, integrasi teori ini dengan pendekatan keusahawanan kreatif dalam membentuk satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang holistik masih belum diteroka secara mendalam, khususnya dalam konteks perusahaan batik di negeri-negeri utara seperti Kedah.

Universiti Utara Malaysia

Ketiadaan model kemahiran keusahawanan kreatif yang berstruktur dan berasaskan bukti empirikal menyukarkan pihak berkepentingan seperti agensi pembangunan luar bandar, institusi pendidikan dan pemain industri untuk merangka intervensi yang berkesan, bersasar dan lestari.

Oleh itu, terdapat satu keperluan mendesak untuk membangunkan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi Perusahaan Batik di Daerah Pendang, Kedah yang mengambil kira kekuatan dalaman komuniti luar bandar serta sokongan luaran institusi, bagi meningkatkan daya saing, kelestarian perusahaan batik dan pemerkasaan ekonomi komuniti luar bandar secara menyeluruh.

1.4 Jurang kajian

Walaupun terdapat peningkatan jumlah kajian berkaitan kemahiran kreatif, keusahawanan dan pembangunan ekonomi luar bandar, sorotan literatur menunjukkan beberapa jurang kajian yang ketara.

Universiti Utara Malaysia

Pertama, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek kemahiran teknikal atau vokasional secara terasing, tanpa mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan dalam satu kerangka model yang holistik, khususnya dalam konteks industri batik luar bandar.

Kedua, sebahagian besar kajian berkaitan keusahawanan luar bandar menilai keberkesanan program latihan secara umum, tanpa membangunkan satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang berasaskan bukti empirikal dan disesuaikan dengan realiti sosioekonomi komuniti luar bandar.

Kajian yang menguji keberkesanan modul latihan secara sistematik melalui pendekatan pra dan pasca latihan dalam industri batik juga masih terhad.

Ketiga, dari sudut konteks geografi, kebanyakan kajian berkaitan industri batik dan keusahawanan kreatif lebih tertumpu di negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu, manakala kajian empirikal yang memfokuskan kepada perusahaan batik desa di negeri-negeri utara seperti Kedah, khususnya di daerah Pendang, masih kurang diterokai.

Akhir sekali, integrasi teori Modal Insan dengan pendekatan keusahawanan kreatif dalam membangunkan model kemahiran keusahawanan kreatif yang kontekstual dan boleh diaplikasikan secara praktikal dalam perusahaan batik luar bandar masih belum dibangunkan secara menyeluruh. Jurang ini menuntut satu kajian yang bukan sahaja membina model secara konseptual, malah menguji keberkesanannya secara empirikal dalam meningkatkan kemahiran dan daya saing pengusaha batik luar bandar.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang kajian tersebut melalui pembangunan dan penilaian Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi Perusahaan Batik di Daerah Pendang, Kedah, yang diharapkan dapat menyumbang kepada pengembangan literatur serta amalan pembangunan ekonomi luar bandar berasaskan industri kreatif.

Universiti Utara Malaysia

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan berikut:

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan kreatif untuk industri batik bagi menghasilkan model yang berkesan?

2. Adakah modul Keusahawanan batik kreatif berkesan dalam meningkatkan kemahiran usahawan luar bandar melalui industri batik?

3. Bagaimana membina model kemahiran keusahawanan kreatif bagi perusahaan batik?

1.6 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif bagi kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan kreatif melalui industri batik.

2. Menguji keberkesanan Modul kemahiran Keusahawanan kreatif dalam meningkatkan kemahiran usahawan luar bandar melalui industri batik.

3. Membina Model kemahiran keusahawanan kreatif melalui industri batik.

Universiti Utara Malaysia

1.7 Cadangan Penyelesaian

Selari dengan permasalahan kajian yang telah dibincangkan, khususnya kelemahan kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan pengusaha batik luar bandar di daerah Pendang, kajian ini mencadangkan satu pendekatan penyelesaian yang bersifat sistematik, holistik dan kontekstual. Cadangan penyelesaian utama bagi menangani isu ini ialah melalui pembangunan dan penilaian Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi Perusahaan Batik, yang disesuaikan dengan realiti sosioekonomi komuniti luar bandar.

Cadangan penyelesaian ini berasaskan premis bahawa pemerkasaan perusahaan batik luar bandar tidak boleh bergantung semata-mata kepada bantuan kewangan atau latihan teknikal jangka pendek, sebaliknya memerlukan pembangunan modal insan yang menyeluruh. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pembangunan satu model yang mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan sebagai teras utama kepada peningkatan daya saing dan kelestarian perusahaan batik luar bandar.

Secara khusus, kajian ini mencadangkan pembangunan Modul Kemahiran Keusahawanan Kreatif yang dibina berdasarkan dapatan empirikal kajian kuantitatif dan kualitatif, serta disokong oleh Teori Modal Insan dan pendekatan keusahawanan kreatif. Modul ini merangkumi latihan kemahiran kreatif dalam penghasilan batik, pengukuhan kemahiran vokasional, serta pembangunan kemahiran keusahawanan seperti pengurusan perniagaan, pemasaran, penjenamaan produk dan pemanfaatan teknologi digital.

Universiti Utara Malaysia

Bagi memastikan keberkesanan cadangan penyelesaian ini, kajian ini turut mencadangkan pengujian modul melalui reka bentuk kajian pra dan pasca latihan bagi menilai perubahan tahap kemahiran keusahawanan kreatif peserta sebelum dan selepas intervensi. Pendekatan ini membolehkan keberkesanan modul dinilai secara empirikal dan berasaskan bukti, sekali gus menyumbang kepada pembangunan satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang boleh dijadikan rujukan oleh agensi pembangunan luar bandar, institusi pendidikan dan pemain industri.

Secara keseluruhannya, cadangan penyelesaian yang dikemukakan dalam kajian ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kemahiran dan pendapatan pengusaha batik luar bandar, malah menyokong kelestarian warisan budaya, memperkukuh daya tahan ekonomi komuniti luar bandar serta menyediakan asas kepada pembangunan industri batik yang lebih berdaya saing dan mampan.

Universiti Utara Malaysia

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini memfokuskan kepada pembangunan dan penilaian kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan komuniti luar bandar yang terlibat dalam perusahaan batik di Kampung Paya Mak Insun, daerah Pendang, Kedah. Pemilihan lokasi kajian ini adalah berasaskan kemunculan awal dan perkembangan perusahaan Cyntok Bhatik yang berasaskan komuniti, serta realiti sosioekonomi kawasan tersebut yang didominasi oleh isi rumah berpendapatan rendah.

Dari segi skop responden, kajian ini melibatkan komuniti luar bandar yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perusahaan batik, khususnya golongan B40, suri rumah dan ibu tunggal.

Golongan ini dipilih kerana mereka merupakan kumpulan sasaran utama dalam program pembangunan ekonomi luar bandar serta mempunyai potensi besar untuk diperkasa melalui pembangunan kemahiran keusahawanan kreatif. Kajian ini tidak merangkumi pengusaha batik berskala besar atau perusahaan berorientasikan industri, sebaliknya memberi tumpuan kepada perusahaan batik luar bandar berskala kecil dan berasaskan komuniti.

Skop kajian ini juga terhad kepada pengukuran dan penilaian kemahiran keusahawanan kreatif, yang merangkumi tiga dimensi utama iaitu kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan. Aspek lain seperti keuntungan kewangan jangka panjang, pengembangan pasaran antarabangsa atau analisis rantaian bekalan industri batik secara menyeluruh tidak menjadi fokus utama kajian ini.

Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran dengan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif bagi membina dan menilai model yang dicadangkan. Skop masa kajian pula terhad kepada tempoh pelaksanaan modul dan pengujian keberkesanan melalui ujian pra dan pasca latihan, tanpa menilai kesan jangka panjang secara longitudinal.

Secara keseluruhannya, skop kajian ini dirangka bagi memastikan kajian kekal fokus, mendalam dan bersesuaian dengan objektif yang ditetapkan, serta mampu menghasilkan dapatan yang relevan dan bermakna dalam konteks pembangunan perusahaan batik luar bandar dan pemerkasaan ekonomi komuniti luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dikenal pasti mempunyai kepentingan yang signifikan dari sudut akademik, industri, komuniti serta penggubalan dasar, khususnya dalam konteks pembangunan ekonomi luar bandar berasaskan industri kreatif. Pembangunan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi Perusahaan Batik di Daerah Pendang, Kedah bukan sahaja menyumbang kepada pengayaan ilmu pengetahuan, malah berpotensi memberi impak praktikal dan strategik kepada pelbagai pihak berkepentingan.

1.9.1 Pihak Akademik

Dari perspektif akademik, kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna kepada pengembangan literatur dalam bidang keusahawanan kreatif, pembangunan modal insan dan pemerkasaan komuniti luar bandar. Secara khusus, kajian ini menyumbang kepada pengisian jurang kajian melalui pembangunan satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan dalam konteks industri batik luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Selain itu, kajian ini memperluas aplikasi Teori Modal Insan dengan mengadaptasikannya ke dalam konteks industri kreatif luar bandar, sekali gus memperkukuh pemahaman hubungan antara pembangunan kemahiran, kreativiti dan kelestarian ekonomi komuniti. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan rujukan oleh penyelidik dan akademik sebagai asas kepada kajian lanjutan, sama ada dalam bentuk kajian perbandingan, kajian longitudinal atau penerokaan model yang sama dalam industri kreatif lain.

1.9.2 Pihak Industri

Bagi pihak industri, khususnya perusahaan batik luar bandar dan pemain industri kreatif berskala kecil, kajian ini menyediakan satu kerangka praktikal yang boleh dijadikan panduan dalam meningkatkan daya saing dan kelestarian perniagaan. Model dan modul kemahiran keusahawanan kreatif yang dibangunkan berpotensi dijadikan penanda aras dalam penambahbaikan standard latihan, pembangunan kapasiti usahawan serta reka bentuk program intervensi yang lebih tersusun dan berimpak tinggi.

Selain itu, hasil kajian ini boleh membantu pihak industri memahami kepentingan integrasi kreativiti dan keusahawanan dalam memperkukuh nilai tambah produk batik, meningkatkan kebolehpasaran serta mengembangkan jaringan pasaran secara lebih strategik, termasuk melalui pemanfaatan teknologi digital dan penjenamaan produk.

Universiti Utara Malaysia

1.9.3 Pihak Masyarakat atau Komuniti

Dari sudut komuniti luar bandar, kajian ini memberi manfaat langsung kepada pengusaha batik dan ahli komuniti yang terlibat melalui peningkatan kemahiran keusahawanan kreatif secara sistematik dan berstruktur. Pelaksanaan modul latihan yang dibangunkan berpotensi meningkatkan keupayaan komuniti dalam menjana pendapatan, mengurus perusahaan secara lebih berkesan serta membina keyakinan diri sebagai usahawan.

Kajian ini juga menyumbang kepada pemerkasaan sosial komuniti luar bandar dengan menyediakan peluang ekonomi yang lebih mampan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerjaan tidak formal dan berpendapatan rendah. Dalam jangka panjang, pemerkasaan kemahiran keusahawanan kreatif ini berpotensi mengurangkan penghijrahan belia ke bandar serta menyokong kesinambungan warisan budaya batik dalam kalangan generasi setempat.

1.9.4 Pihak Kementerian dan Pembuat Dasar

Bagi pihak kementerian dan agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Kraftangan Malaysia, kajian ini menyediakan data empirikal dan bukti berasaskan penyelidikan yang boleh dijadikan asas dalam perancangan, penilaian dan penambahbaikan dasar serta program pembangunan ekonomi luar bandar.

Dapatan kajian ini berpotensi menyokong penggubalan dasar yang lebih bersasar dan berimpak tinggi dalam pembangunan industri kreatif luar bandar, khususnya perusahaan batik. Selain itu, model kemahiran keusahawanan kreatif yang dibangunkan boleh dijadikan rujukan dalam pelaksanaan program transformasi ekonomi luar bandar berasaskan seni warisan, selari dengan aspirasi pembangunan ekonomi inklusif dan lestari negara.

Universiti Utara Malaysia

1.10 Definisi Operasi

Berikut adalah definisi operasional bagi kajian ini:

1.10.1 Industri kreatif

Industri kreatif adalah merujuk kepada sektor yang merangkumi perniagaan yang menggunakan kreativiti, bakat, dan harta intelek untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang inovatif yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, dengan potensi untuk menjana peluang pekerjaan. Industri kreatif yang dimaksudkan dalam kajian ini melibatkan industri tekstil iaitu perusahaan batik dan jahitan.

1.10.2 Komuniti Luar Bandar

Komuniti luar bandar merupakan penduduk kampung di Kedah, khususnya yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan kecil seperti membuat batik dan kraf. Ia melibatkan sebuah daerah terpilih yang menjalankan perusahaan batik iaitu di Kampung Paya Mak Insun, Pendang, Kedah. Komuniti ini aktif menjalankan aktiviti keusahawanan secara kecilan seperti membuat batik, membuat kraf dan jahitan.

1.10.3 Keusahawanan

Keusahawanan adalah berkait dengan masyarakat luar bandar yang bersedia untuk menjadi usahawan dan menjalankan aktiviti perniagaan serta perusahaan kecil di sekitar kampung. Keusahawanan bermaksud usaha menjana pendapatan melalui perniagaan kecil yang menekankan inovasi dan pengurusan kendiri dalam perniagaan.

Kajian ini menerapkan unsur keusahawanan melalui beberapa modul yang memfokuskan asas untuk menjadi seorang usahawan iaitu modul keusahawanan satu kerjaya, komunikasi dalam perniagaan, potensi diri, pengurusan diri,pengurusan kewangan, matlamat diri, pengurusan simpan kira dan asas jualan dan jualan atas talian.

1.10.4 Batik

Batik adalah produk tekstil tradisional yang dihasilkan melalui teknik canting atau terap, termasuk inovasi Cyntok Bhatik. Batik juga merujuk kepada aktiviti membuat batik yang dijalankan oleh usahawan batik serta peserta yang menjalankan latihan di bengkel batik di sebuah komuniti iaitu di kampung Paya Mak Insun, Pendang Kedah.

1.10.5 Keusahawanan Batik

Keusahawanan batik dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti keusahawanan yang melibatkan penghasilan, pengurusan dan pemasaran produk batik oleh komuniti luar bandar melalui pengaplikasian kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan secara bersepadu. Ia merangkumi keupayaan individu atau kumpulan usahawan batik untuk menjana pendapatan melalui perusahaan batik yang berasaskan kreativiti, inovasi reka bentuk, pengurusan perniagaan kecil serta strategi pemasaran dan penjenamaan yang bersesuaian dengan konteks luar bandar.

Dalam konteks definisi operasi kajian ini, keusahawanan batik diukur melalui tahap penguasaan peserta terhadap komponen-komponen berikut:

1. Kemahiran kreatif batik, termasuk kebolehan mereka bentuk corak, mencanting dan mewarna batik secara kreatif dan inovatif;

Universiti Utara Malaysia

2. Kemahiran vokasional batik, merangkumi kecekapan teknikal dalam proses penghasilan batik yang berkualiti dan konsisten;

3. Kemahiran keusahawanan, termasuk pengurusan perniagaan, penetapan harga, pemasaran, penjenamaan produk dan penggunaan platform digital;

4. Keupayaan menjana pendapatan, yang dinilai melalui perubahan tahap pendapatan atau potensi pendapatan hasil perusahaan batik selepas mengikuti latihan;

5. Penglibatan dalam modul keusahawanan batik, yang merangkumi penyertaan dan pencapaian dalam modul latihan keusahawanan batik yang dibangunkan dalam kajian ini.

1.10.6 Kemahiran Keusahawanan Kreatif

Kemahiran keusahawanan kreatif dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan individu untuk mengintegrasikan kreativiti dan kebolehan inovatif dengan kemahiran keusahawanan dalam membangunkan dan mengurus perusahaan batik secara berkesan. Dalam konteks perusahaan batik luar bandar, kemahiran keusahawanan kreatif merangkumi gabungan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan yang diaplikasikan secara bersepadu bagi menjana pendapatan, meningkatkan nilai tambah produk serta memastikan kelestarian perusahaan batik.

Universiti Utara Malaysia

Dalam kajian ini, kemahiran kreatif yang terlibat ditakrifkan secara operasional melalui beberapa komponen utama, iaitu:

a) Kemahiran melukis batik, iaitu kebolehan menghasilkan reka bentuk dan corak batik secara manual yang mencerminkan kreativiti, keunikan dan identiti tempatan;

b) Kemahiran mencanting batik, iaitu kemahiran teknikal asas dalam mengaplikasikan lilin bagi menghasilkan corak batik yang kemas, terperinci dan konsisten;

c) Kemahiran mewarna batik, iaitu kebolehan memilih kombinasi warna serta mengaplikasikan teknik pewarnaan yang sesuai bagi meningkatkan kualiti estetika dan daya tarikan produk batik.

Universiti Utara Malaysia

Bagi tujuan kajian ini, peserta komuniti telah mengikuti latihan kemahiran keusahawanan kreatif melalui modul-modul latihan yang dibangunkan secara berperingkat. Keberkesanan latihan ini diukur menggunakan instrumen soal selidik melalui ujian pra dan ujian pasca bagi menilai perubahan tahap kemahiran peserta sebelum dan selepas mengikuti keseluruhan modul latihan, selaras dengan objektif kajian untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan pengusaha batik luar bandar.

1.11 Struktur Tesis

Bab Satu: Pengenalan yang membentangkan keseluruhan latar belakang penyelidikan, penyataan masalah, objektif, persoalan, signifikan kajian, skop, istilah utama, dan rangka kerja teori. Fokus utama kajian pada adalah untuk memperkasakan ekonomi luar bandar melalui pendekatan keusahawanan batik.

Bab Dua: Membentangkan kajian lalu yang berkaitan dengan tesis ini dan teori-teori yang menyokong kajian ini.

Bab Tiga: Bab ini menerangkan tentang kaedah pelaksanaan kajian yang merangkumi prosedur, rekabentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, persampelan kajian, pembangunan instrumen, fasa teoritikal, fasa pembinaan, fasa pengesahan, fasa pengumpulan data dan rumusan bab.

Bab Empat: Bab ini menceritakan tentang hasil dapatan kajian yang merangkumi demografik responden, dapatan ujian pra dan ujian pasca dan temubual dapatan bagi menjawab kesemua objektif kajian.

Bab Lima: Bab lima membincangankan dapatan dan justifikasi yang sesui berdasarkan dapatan dan objektif kajian ini. Bab ini juga memberikan kesimpulan dan implikasi cadangan penyelidik untuk kajian akan datang.

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini membentangkan asas konseptual dan kontekstual kajian yang bertujuan membangunkan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi Perusahaan Batik di Daerah Pendang, Kedah.

Penulisan dimulakan dengan perbincangan mengenai latar belakang pembangunan ekonomi luar bandar dan peranan industri kreatif, khususnya perusahaan batik, sebagai pemangkin kepada pemerkasaan ekonomi komuniti luar bandar. Perbincangan ini menekankan bahawa walaupun perusahaan batik mempunyai potensi ekonomi dan nilai warisan yang tinggi, kelestariannya masih bergantung kepada tahap kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan pengusaha luar bandar.

Seterusnya, bab ini mengupas secara mendalam penyataan masalah kajian yang menonjolkan kelemahan kemahiran keusahawanan kreatif sebagai permasalahan utama yang menghalang perkembangan dan daya saing perusahaan batik luar bandar di Pendang. Penjelasan tentang konteks sosioekonomi kawasan kajian, termasuk dominasi isi rumah B40, pendapatan yang rendah serta keterbatasan peluang ekonomi, mengukuhkan keperluan kepada satu intervensi pembangunan kemahiran yang bersifat sistematik dan kontekstual.

Universiti Utara Malaysia

Bab ini turut membincangkan jurang kajian yang wujud dalam literatur terdahulu, khususnya kekurangan kajian empirikal yang membangunkan dan menilai satu model kemahiran keusahawanan kreatif yang mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan dalam konteks industri batik luar bandar. Berdasarkan jurang tersebut, persoalan kajian dan objektif kajian dirangka secara jelas dan selari dengan permasalahan yang dikenal pasti, bagi memastikan hala tuju kajian kekal fokus dan berstruktur.

Selain itu, bab ini turut menghuraikan cadangan penyelesaian melalui pembangunan modul dan model kemahiran keusahawanan kreatif, skop kajian, kepentingan kajian serta definisi operasional bagi istilah-istilah utama yang digunakan. Perbincangan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang reka bentuk kajian, kumpulan sasaran serta sumbangan kajian kepada pihak akademik, industri, komuniti dan pembuat dasar.

Secara keseluruhan, bab ini menyediakan landasan yang kukuh bagi pelaksanaan kajian ini dan menjadi asas kepada perbincangan teori serta sorotan literatur dalam Bab Dua. Diharapkan kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan ilmu dalam bidang keusahawanan kreatif dan pembangunan modal insan, malah berpotensi menjadi pemangkin kepada pemerkasaan ekonomi luar bandar, kelestarian warisan batik serta pembangunan sosioekonomi luar bandar yang lebih inklusif dan mampan di peringkat nasional.

Universiti Utara Malaysia

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang konsep-konsep penting yang terlibat dalam tesis ini terutamanya berkaitan industri kreatif yang melibatkan tekstil dan kraf. Tinjauan literatur terdahulu fokus berkaitan keusahawanan batik dan kemahiran keusahawanan kreatif. Ia merangkumi penjelasan konsep industri kreatif, keusahawanan batik, dan teori-teori utama yang menyokong kajian ini. Pendekatan teoritikal bertujuan memberikan asas pemikiran dalam membina model kemahiran keusahawanan kreatif di kawasan luar bandar.

2.2 Industri Kreatif

Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) di Malaysia bermula pada tahun 2009, ia adalah satu polisi kreatif yang komprehensif bagi dasar industri negara oleh kerajaan Malaysia (Barker et al., 2017). Industri kreatif merupakan sektor yang membantu pertumbuhan ekonomi yang cepat dalam meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan (Prasetya & Widyawati, 2017; UNESCO & UNDP 2013). Industri kreatif adalah budaya penting dalam memahami dan melihat bagaimana sektor industri kreatif berkembang (Tschang & Ted, 2009).

Lai dan Ricky (2017) mendapati sektor industri kreatif melibatkan mereka yang bekerja dalam bidang pengiklanan; seni bina; seni, barangan antik dan kraf; reka bentuk; hiburan digital; filem dan video; muzik; seni persembahan; penerbitan dan percetakan; perisian dan pengkomputeran; televisyen dan radio.

DIKN mempunyai empat belas sub sektor dan ia terbahagi kepada tiga kategori iaitu Multimedia Kreatif, Kreatif Seni Budaya, dan Warisan Budaya Kreatif . Berdasarkan Jadual 2.1 dapat disimpulkan bahawa istilah kreatif ada terdapat dalam setiap tiga kategori. Istilah kreatif penting kerana ia akan saling melengkapi kesemua kategori seperti kategori Industri kreatif Multimedia yang merangkumi bidang penerbitan filem dan TV, pengiklanan,seni reka dan animasi dan kandungan digital, manakala kategori kedua pula ialah industri kreatif seni budaya di mana kraf, seni visual,seni muzik,seni persembahan,penulisan kreatif dan fesyen dan tekstil. Kategori ketiga ialah industri kreatif warisan budaya bagi menyatukan muzium, arkib, pemuliharaan dan pemulihan. DIKN menekankan peranan industri kreatif yang berpotensi untuk membantu memupuk keharmonian dan kesepaduan (Barker et al., 2017). Kraf telah dikategorikan dalam kategori kedua yang merupakan kategori penting untuk membantu menjana ekonomi negara melalui penghasilan produk kraftangan (Reid, Neil & Jay Gatrell, 2017 & Nyawo, Jabulani, & Betty Mubangizi, 2015).

Universiti Utara Malaysia

Jadual 2.1

Klasifikasi DIKN bagi industri kreatif

Industri Kreatif Multimedia	**Industri Kreatif Seni Budaya**	**Industri Kreatif WarisanBudaya**
Penerbitan Filem dan TV	Kraf	Muzium
Pengiklanan	Seni Visual	Arkib
Seni Reka	Seni Muzik	Pemulihan
Animasi dan Kandungan Digital	Seni Persembahan	Pemuliharaan
	Penulisan Kreatif	
	Fesyen dan Tekstil	

(Sumber: Dasar Industri Kreatif Negara, 2009)

Industri kreatif Negara telah menyumbang 1.9 peratus atau RM29.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2022 pula menyatakan bahawa *MyCreative Ventures* dan Cendana mengadakan beberapa program seperti pinjaman kebangkitan perniagaan industri kreatif, program pilihan industri kraf, program pembiayaan showcase seni visual, program pembiayaan muzik bebas bagi membantu memperkasakan ekonomi seni persembahan, seni visual dan kraf.

Berdasarkan Jadual 2.1 dapat disimpulkan bahawa istilah kreatif ada terdapat dalam setiap tiga kategori. Istilah kreatif penting kerana ia akan saling melengkapi kesemua kategori seperti kategori Industri kreatif Multimedia yang merangkumi bidang penerbitan filem dan TV, pengiklanan,seni reka dan animasi dan kandungan digital, manakala kategori kedua pula ialah industri kreatif seni budaya di mana kraf, seni visual,seni muzik,seni persembahan,penulisan kreatif dan fesyen dan tekstil. Kategori ketiga ialah industri kreatif warisan budaya bagi menyatukan muzium, arkib, pemuliharaan dan pemulihan. DIKN menekankan peranan industri kreatif yang berpotensi untuk membantu memupuk keharmonian dan kesepaduan (Barker et al., 2017). Kraf telah dikategorikan dalam kategori kedua yang merupakan kategori penting untuk membantu menjana ekonomi negara melalui penghasilan produk kraftangan (Reid, Neil & Jay Gatrell, 2017 & Nyawo, Jabulani, & Betty Mubangizi, 2015).

Universiti Utara Malaysia

2.3 Kraftangan sebagai satu Produk


Kraf dapat definisikan sebagai satu aktiviti kreatif berkemahiran dan penelitian proses-proses yang perlu dilalui untuk menghasilkan seni anyaman (Peter Dolmer, 1997). Kraf juga merujuk kepada aktiviti kreatif oleh manusia yang mempunyai fungsi estetik dimana kraf dan kemahiran diperolehi secara turun-temurun (Kennedy, 2010; Cominelli & Greffe, 2012). Seterusnya, Tweneboah-Koduah dan Adusei (2016) menyatakan bahawa kemahiran dan bakat istimewa pembuat kraf adalah cara bekerja dengan menggunakan bahan-bahan yang mudah. Manakala Nascimento (2009) pula mendapati bahawa produk kraf mempunyai sifat keaslian dan boleh dilihat sebagai sebahagian daripada warisan budaya.

2.3.1 Status Industri Kraf di Malaysia

Pada tahun 2020, status usahawan yang berdaftar di bawah seliaan Kraftangan Malaysia adalah seramai 6,042 orang. Daripada jumlah tersebut, dapat dilihat bahawa terdapat sedikit peningkatan sebanyak 3.9% jika dibandingkan dengan penglibatan usahawan pada tahun 2019 iaitu hanya 5,816. Selain itu, jualan kraf pula menunjukkan penurunan sebanyak 55.1% bersamaan dengan RM 233.3 juta pada tahun 2020 berbanding RM 519.7 juta yang dicatatkan pada tahun 2019 akibat pandemik yang melanda dunia.

Rajah di bawah menunjukkan perbezaan bilangan usahawan, tenaga kerja dan pendapatan hasil kraf yang dicatatkan bagi tahun 2019 dan 2020 (Laporan Tahunan Perbadanan Kraftangan Malaysia, 2020)

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.1. Statistik Bilangan Usahawan Dan Bilangan Tenaga

(Sumber: Laporan Tahunan Perbadanan Kraftangan Malaysia, 2020)

2.3.2 Kategori Kraf

Malaysia menghasilkan beberapa jenis Kraf. Ia dapat dikategorikan kepada beberapa pecahan iaitu aneka kraf (Makhitha, 2016), etnik kraf (Arshad dan Mohd Zaihidee, 2015), hasil rimba (Yusof dan Nor Afzan Mohamad, 2014) , seramik (Amboro et al., 2016 ; & John et al., 2018) logam (Hendranto dan Widiyanti, 2019) dan tekstil (Perbadanan Kraftangan Malaysia, 2021 dan Abdullah, et al., 2019 dan Curtin et al., 2019).

Aneka kraf merangkumi pelbagai hasil kraf berasaskan manik, siput, mutiara dan lain-lain lagi (Hazman et al., 2020). Beberapa contoh seperti lukisan pisau palet (Hadiansyah et al., 2021), bunga roti (Syrell dan Ryan, 2017) , lukisan gelas (Wahyusukma et al., 2022), bonsai tiruan (Handayani et al., 2021).

Bagi kraf hasil rimba seperti fiber daripada kelapa yang menghasilkan produk seperti penyapu, alas kaki dan pelapik bekas tahan panas (Jabatan Pertanian Malaysia, 2016). kulit kerang sebagai gelang, senduk, tatah, manik, loket, cincin, patung (Sonawane, 2018), seramik pula menggunakan tanah liat untuk menghasilkan produk seperti pasu, tembikar dan pinggan mangkuk (Irfan et al., 2019). Kraf logam adalah seperti penghasilan cincin, rantai serta alatan perhiasan logam (San Choi et al., 2020) dan kraf yang terakhir adalah kraf tekstil. Kraf ini merujuk kepada penghasilan pakaian serta produk kraftangan yang dihasilkan menggunakan kain, benang dan penggunaan mesin (Jie Chen et al., 2018).

Merujuk kepada Rajah 2.2 didapati bidang tekstil mempunyai 958 rekaan baharu yang bersedia untuk dikomersialkan serta di ketengahkan (Perbadanan Kraftangan Malaysia, 2019). Hasil kraf tekstil yang mendapat permintaan yang tinggi dan dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi Malaysia adalah hasil kraf batik.

Universiti Utara Malaysia



	TEKSTIL TEXTILE	HASIL RIMBA FOREST-BASED	HASIL TANAH EARTH-BASED	HASIL LOGAM METAL-BASED	ANEKA KRAF VARIOUS CRAFTS	JUMLAH TOTAL
Bil. Rekaan Baharu *No. of New Designs*	958	545	156	184	48	1,891
Bil. Rekaan Dikomersialkan *No. of Designs Commercialised*	713	421	45	120	106	1,405
Produk VM2020 *VM2020 Products*	195	196	201	136	260	988

Rajah 2.2. Pencapaian rekaan baru, rekaan yang dikomersialkan dan produk mengikut kategori bidang kraf tahun 2019.

(Sumber: Perbadanan Kraftangan Malaysia, 2019)

2.3.3 Impak Kraftangan Batik

Batik adalah salah satu penerusan warisan tradisional hingga kini. Penampilannya penuh dengan rahsia, dan masih ada ahli sejarah seni mempertikaikan perkara ini. Suatu ketika dahulu, ahli arkeologi juga mengeluarkan kenyataan memberi pendapat berdasarkan teori bahawa batik sebenarnya dilahirkan di sebuah wilayah di Timur (Fathurrahman, 2017). Konsep asal pembuatan batik berasal dari peradaban utama dunia Mesir, walaupun istilah batik sebenarnya berasal dari sebuah negara di Kepulauan Melayu (Kusrianto,2024).

Perkataan “Batik” nampaknya berasal dari Indonesia dari perkataan Melayu untuk “titik” dan perkataan Jawa “Mba” ertinya “menulis”. Oleh itu “batik” bererti “menulis titik-titik” yang berupa titik titik atau berupa bunga-bunga dan lain motif kecil-kecil di atas permukaan kain putih. Dalam pada itu, untuk mewujudkan motif-motif adalah bergantung pada zaman dan ruang (Ramli, 2007).

Universiti Utara Malaysia

Di Malaysia, definisi batik bermaksud pasti reka bentuk dan corak khusus. Proses ini adalah sekunder. Istilah batik di Malaysia juga merangkumi reka bentuk corak berkaitan dengan motif tertentu (Abdullah, 2019). Sejarah batik di Malaysia sukar dikenalpasti sejarah asal usul pembangunannya. Sukar mencari artifak dalam bentuk batik Itu adalah halangan pertama bagi penyelidik awal. Perkembangan batik di Malaysia memerlukan kepada kemahiran yang tinggi (Yaacob,2019).

Selain itu, faktor lain yang turut mempengaruhi industri batik adalah pewarnaan. Perkembangan pewarnaan kain bertepatan dengan perkembangan pewarnaan benang iaitu bermula dengan pembuatan songket tenun dan ikat tenun. Sebelum batik dikenali pembuatan kain batik pelangi juga dihasilkan dengan teknik pewarnaan kain asas berikat. Corak dilakar pada permukaan kain untuk menghasilkan pelbagai kesan warna pencelupan. Dikatakan bahawa teknologi ini telah dipengaruhi secara langsung oleh India dan China.

Kini, kraftangan batik adalah satu produk kreatif yang memberi impak besar kepada ekonomi Malaysia (Laporan Pelancongan MOTAC, 2019). Penghasilan kraftangan ini telah memberikan satu peluang kepada komuniti desa untuk menjana pendapatan bagi kelangsungan hidup mereka.

2.3.4 Komuniti Luar Bandar

Epistemologi atau 'communité' dalam bahasa Perancis kuno membawa maksud 'komuniti' juga dipanggil 'communitas' dalam bahasa Latin yang dicerakin kepada dua kosa kata iaitu (cum, "dengan/bersama" + munus, "pemberian"). Komuniti adalah masyarakat yang menetap di dalam suatu kawasan (Mohd Syariefudin et al., 2017).

Luar bandar pula merujuk kepada semua jenis penempatan kampung, pekan dan kawasan- kawasan kecil yang lain dengan purata 10,000 orang atau kurang dengan menjadikan aktiviti pertanian dari alam semula jadi sebagai sumber (Dasar perancangan Fizikal Negara 2030, 2018). Oleh itu komuniti luar bandar merupakan sesebuah komuniti yang berada di luar bandar terbatas kepada ruang, fizikal dan ekologi serta jarak rumah yang berdekatan (Mohd Syariefudin et al., 2017).

2.3.5 Keusahawanan

Kerajaan dan agensi di Malaysia menyediakan pelbagai program, skim dan inisiatif bagi menyokong usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME) batik serta sektor kraf agar terus berkembang dan mampu bersaing di pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Antara bentuk bantuan dan sokongan kerajaan dan agensi seperti bantuan kewangan atau geran untuk memulakan atau mengembang perniagaan seperti geran mikro (SME Corp, 2015).

Selain itu kerajaan dan agensi juga menyediakan latihan jangka pendek seperti kursus kemahiran dalam penghasilan batik, reka bentuk, pewarnaan, teknik tradisional, moden dan latihan berkaitan pemasaran digital serta pengurusan kewangan. Kerajaan juga menyokong sektor awam untuk memakai batik supaya meningkatkan permintaan dan kesedaran masyarakat terhadap batik seperti kempen batik Malaysia. Ini sebagai galakan serta sokongan semangat kepada usahawan di Malaysia.

Keusahawanan merupakan satu fenomena yang dikaitkan dengan aktiviti keusahawanan, pengembangan aktiviti ekonomi dengan mengenal pasti, mengeksploitasi produk, proses atau pasaran baharu dan membantu menangani isu alam sekitar (Blundel et al., 2019 & OECD, 2016; pp 12-13). Keusahawanan batik terawal di mulakan di pantai timur iaitu Kelantan,Terengganu dan Pahang. Antara ushawan terawal di Kelantan adalah Nordin Batik Sdn Bhd di bawah naungan Tuan Haji Nordin Mahmood pada tahun 29 Oktober 1993.

Manakala di Terengganu Noor Arfa Batik dipelopori oleh Wan Mohamed Ariffin Wan Long, warisan seawal 1970 dan di Pahang pula Puan Amalia Abdul Hayu merupakan Usahawan Muda mengusaha mewarisi bakat ayahnya iaitu Encik Abdul Hanyu dalam pembuatan Batik *Exclusive* di Kg. Cherating Lama, Kuantan Pahang. Ini adalah antara usahawan-usahawan dalam industri batik yang mempunyai perniagaan yang berskala besar. Namun begitu, terdapat ramai usahawan kecil yang turut menghasilkan batik berskala kecil. Jadual 2.2 adalah bilangan usahawan sehingga tahun 2023 iaitu sebanyak 823 usahawan. Data sehingga tahun 2023 sahaja yang telah dikemaskini oleh pihak Kraftangan Malaysia.

Jadual 2.2

Bilangan Usahawan Berdaftar mengikut Tahun

Tahun	Bilangan Usahawan Batik Berdaftar
2019	651
2021	775
2022	767
2023	823

(Sumber: Kraftangan Malaysia, 2023)

2.3.6 Faktor-faktor Kemahiran Keusahawanan Kreatif

Jadual 2.3 merumuskan dapatan kajian-kajian terdahulu berkaitan faktor-faktor kemahiran yang menyokong pembangunan keusahawanan kreatif dalam industri batik. Berdasarkan jadual tersebut, tujuh faktor dikenal pasti, iaitu kemahiran kreatif, kemahiran vokasional, kemahiran keusahawanan, kolaborasi akademia dan industri, pengiktirafan agensi, persekitaran semula jadi dan persekitaran ekonomi.

Universiti Utara Malaysia

Kemahiran kreatif dikenal pasti sebagai faktor penting dalam keusahawanan batik sebagaimana dibincangkan oleh Abdullah et al., Hasaan dan Ghaddafi (2018) serta Mohd Yusof dan Tahir (2021). Kajian-kajian ini menekankan bahawa kreativiti merangkumi keupayaan menghasilkan idea baharu, mencipta motif yang unik serta melakukan inovasi terhadap reka bentuk sedia ada. Dalam konteks industri batik, kemahiran kreatif membolehkan pengusaha menyesuaikan motif tradisional dengan kehendak pasaran semasa tanpa menghilangkan identiti warisan.

Manakala, **kemahiran vokasional** pula merujuk kepada kecekapan teknikal dalam proses penghasilan batik, termasuk kemahiran mencanting, mewarna dan kemasan produk. Berdasarkan Jadual 2.3, faktor ini dibincangkan oleh Kayan et al. (2010), Nur Kholifah et al. (2020) dan Abdul Wahid et al. (2017). Kajian-kajian tersebut menegaskan bahawa penguasaan kemahiran vokasional yang kukuh mempengaruhi kualiti dan ketekalan produk batik.

Universiti Utara Malaysia

Tanpa kemahiran teknikal yang mencukupi, produk yang dihasilkan berisiko mengalami kecacatan, sekali gus menjejaskan kepercayaan pelanggan. Oleh itu, kemahiran vokasional berperanan sebagai asas kepada penghasilan produk batik yang berkualiti dan memenuhi piawaian pasaran.

Kemahiran keusahawanan turut dikenal pasti sebagai faktor kritikal sebagaimana dilaporkan oleh Muhammad Arshad et al. (2018), Mohd Noor et al. (2021), Zakaria et al. (2019) serta Muhamad Akhsan dan Osman, (2019). Kajian-kajian ini menekankan bahawa keupayaan mengurus perniagaan, merancang pemasaran serta mengawal aliran kewangan amat penting dalam memastikan kelangsungan perusahaan batik. Dalam konteks industri kreatif luar bandar, kelemahan dalam kemahiran keusahawanan menyebabkan pengusaha sukar mengembangkan perniagaan walaupun mempunyai kemahiran teknikal yang baik. Justeru, kemahiran keusahawanan dilihat sebagai faktor yang menghubungkan penghasilan produk kreatif dengan kejayaan ekonomi pengusaha.

Pengiktirafan agensi merupakan faktor yang dibincangkan oleh Abdul Manan (2021) serta Mohd Yusof dan Tahir (2021). Berdasarkan kajian-kajian ini, sokongan dan pengiktirafan daripada agensi berkaitan membantu meningkatkan kredibiliti pengusaha batik serta membuka peluang kepada latihan, pembiayaan dan pasaran yang lebih luas. Pengiktirafan rasmi juga berfungsi sebagai jaminan kualiti kepada pengguna, sekali gus meningkatkan keyakinan terhadap produk batik tempatan. Faktor ini menunjukkan bahawa sokongan institusi memainkan peranan penting dalam memperkukuh keusahawanan kreatif di peringkat luar bandar.

Faktor **persekitaran semula jadi** diketengahkan dalam kajian Kraftangan Malaysia (2019) dan Ibrahim (2021). Kajian-kajian ini menegaskan bahawa sumber alam, landskap luar bandar dan elemen budaya setempat menjadi inspirasi utama dalam penciptaan motif batik. Persekitaran semula jadi bukan sahaja mempengaruhi aspek estetika, malah menyumbang kepada keaslian dan identiti produk batik.

Oleh itu, persekitaran semula jadi dilihat sebagai faktor sokongan yang memperkayakan nilai budaya dan komersial industri batik luar bandar.

Persekitaran ekonomi dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi keupayaan pengusaha batik untuk berkembang secara mampan, seperti yang dibincangkan oleh Meerangani (2019), Yaacob et al., (2015), Jabatan Muzium Negara (2017), Maran et al. (2021), Muhammad Waqas Khalid et al. (2019), Narwan dan Mulia (2019), Ullah Khan et al. (2021), serta Abbasi et al. (2021). Kajian-kajian ini menekankan kepentingan akses kepada modal, kestabilan pasaran dan sokongan ekonomi dalam mengembangkan perusahaan kreatif. Persekitaran ekonomi yang kondusif membolehkan pengusaha meningkatkan skala pengeluaran, memperluas jaringan pasaran dan menjamin kelangsungan perniagaan dalam jangka panjang.

Secara keseluruhannya, Jadual 2.3 menunjukkan bahawa keusahawanan kreatif dalam industri batik luar bandar dipengaruhi oleh gabungan kemahiran individu, sokongan institusi serta persekitaran luaran. Kefahaman terhadap faktor-faktor ini menjadi asas penting dalam pembinaan kerangka konseptual kajian ini.

Jadual 2.3

Faktor-Faktor Kemahiran

Bil	Faktor	Sumber						
		Abdullah et al.,&Hasaan & Ghaddafi (2018)& Mohd Yusof & Tahir (2021)	Kayan et al., (2010) & Nur Kholifah et al., (2020) & Abdul Wahid et al., (2017)	Muhammad Arshad et al., (2018)& Mohd Noor et al., (2021)& Zakaria et al., (2019)& Muhammad Akhsan & Osman, (2019)	Abdul Manan, (2021) & Mohd Yusof & Tahir (2021	Kraftangan Malaysia, (2019) & Ibrahim, (2021)	Meerangani,(2019) & Yaacob et al., (2015) & Jabatan Muzium Negara, (2017).	Maran et al., (2021). Muhammad Waqas Khalid et al., (2019) Narwan & Mulia (2019) Ullah Khan et al., (2021) Abbasi et al., (2021)
1.	Kemahiran Kreatif	√						
2.	Kemahiran Vokasional		√					
3.	Kemahiran Keusahawanan			√				
4.	Kolaborasi Akademia-Industri				√			
5.	Pengiktirafan Agensi							
6.	Persekitaran Semulajadi					√		
7.	Persekitaran Ekonomi						√	√

Universiti Utara Malaysia

2.3.6.1 Kemahiran Kreatif

Kemahiran kreatif merupakan komponen teras dalam industri kreatif, khususnya dalam konteks perusahaan batik yang berasaskan ekspresi seni, inovasi reka bentuk dan nilai estetika. Secara konseptual, kemahiran kreatif merujuk kepada keupayaan individu untuk menghasilkan idea baharu, mentafsir semula elemen budaya, serta menterjemah imaginasi kepada bentuk visual yang bernilai ekonomi (Abdullah et al., 2019; Hasaan & Ghaddafi, 2018; Mohd Yusof & Tahir, 2021).

Dalam industri batik, kemahiran kreatif tidak boleh dilihat sebagai bakat semula jadi semata-mata, sebaliknya sebagai kemahiran yang boleh diperkukuh melalui latihan berstruktur dan pendedahan berterusan.

Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa kemahiran kreatif dalam industri tekstil dan kraf bukan sahaja menyumbang kepada keunikan produk, malah menjadi faktor penentu daya saing dalam pasaran yang semakin kompetitif. Menurut UNESCO (2022), industri kreatif desa yang berjaya adalah industri yang mampu menggabungkan kreativiti tradisional dengan inovasi kontemporari bagi memenuhi citarasa pasaran moden tanpa menjejaskan identiti budaya. Hal ini selari dengan dapatan Noraini et al. (2022) yang mendapati bahawa produk batik yang mengintegrasikan elemen reka bentuk moden dan naratif budaya tempatan mempunyai nilai pasaran yang lebih tinggi berbanding batik konvensional.

Dalam konteks perusahaan batik, kemahiran kreatif merangkumi beberapa aktiviti asas seperti melukis corak batik, mencanting dan mewarna, yang memerlukan tahap ketelitian, kefahaman motif, serta sensitiviti estetik yang tinggi. Kemahiran melukis batik melibatkan keupayaan menghasilkan reka bentuk motif yang kreatif, seimbang dan mempunyai identiti tersendiri. Kajian oleh Hassan dan Muammar Ghaddafi (2018) menegaskan bahawa keupayaan menghasilkan lakaran motif yang berkualiti memerlukan latihan berterusan dan pemahaman mendalam terhadap elemen seni, simbolisme dan konteks budaya.

Universiti Utara Malaysia

Namun begitu, kajian lebih terkini oleh Yusoff dan Tahir (2021) serta Maran et al. (2021) mendapati bahawa ramai pengusaha batik luar bandar masih cenderung mengulang motif tradisional tanpa inovasi, menyebabkan produk sukar menembusi pasaran baharu. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran kreatif dalam kalangan pengusaha batik luar bandar masih bersifat rutin dan teknikal, bukan kreatif strategik yang berorientasikan pasaran.

Selain itu, kemahiran mencanting batik merupakan kemahiran teknikal yang mempunyai nilai kreatif tinggi kerana ia menentukan ketepatan, kehalusan dan kerumitan motif. Menurut Mohd Yusof dan Tahir (2021), penguasaan teknik mencanting lanjutan seperti teknik tindanan, teknik garam, teknik *manutex* dan teknik sapuan berus bukan sahaja meningkatkan kualiti visual batik, malah membolehkan pengusaha menghasilkan variasi produk yang lebih inovatif. Walau bagaimanapun, kajian oleh Zakaria et al. (2019) menunjukkan bahawa kekangan latihan lanjutan menyebabkan ramai pengusaha hanya menguasai teknik asas, sekali gus mengehadkan potensi kreatif mereka.

Dari aspek kemahiran mewarna batik, pemilihan warna dan teknik pewarnaan memainkan peranan penting dalam menentukan daya tarikan dan nilai komersial produk. Curtin et al. (2019) dan Abdullah et al. (2020) menegaskan bahawa kombinasi warna yang selari dengan trend pasaran global serta penggunaan pewarna mesra alam dapat meningkatkan penerimaan pengguna, terutamanya dalam pasaran antarabangsa. Namun, kajian oleh Ibrahim (2021) mendapati bahawa pengusaha batik luar bandar sering berdepan kekangan pengetahuan berkaitan teori warna dan inovasi bahan, menyebabkan produk kurang konsisten dari segi kualiti dan estetika.

Universiti Utara Malaysia

Secara kritikal, literatur menunjukkan bahawa kemahiran kreatif dalam industri batik desa masih belum dibangunkan secara sistematik dan bersepadu. Kebanyakan latihan yang diberikan lebih menumpukan kepada aspek teknikal penghasilan berbanding pembangunan kreativiti strategik yang merangkumi inovasi reka bentuk, pemahaman pasaran dan penjenamaan produk. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan satu pendekatan latihan kemahiran kreatif yang lebih holistik dan kontekstual, selari dengan keperluan pasaran dan realiti sosioekonomi komuniti luar bandar.

Sehubungan itu, kajian ini menekankan kemahiran kreatif sebagai salah satu faktor utama dalam pembentukan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif, yang bukan sahaja menilai keupayaan teknikal pengusaha batik, tetapi juga keupayaan mereka untuk berinovasi, menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran dan mengekalkan kelestarian perusahaan batik luar bandar seperti ditunjukkan dalam jadual 2.4.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 2.4

Faktor Kemahiran Kreatif

Bil	Sumber	Faktor
1.	Abdullah et al., 2019)	
2.	Hassan & Ghaddafi (2018).	
3.	Mohd Yusof & Tahir (2021)	Kemahiran kreatif
4.	Ibrahim,(2021)	
5.	Noraini et al., (2022)	

Universiti Utara Malaysia

2.3.6.2 Kemahiran Vokasional

Kemahiran vokasional merujuk kepada kecekapan teknikal dan praktikal yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan secara berkesan, cekap dan konsisten. Dalam konteks industri kreatif desa, khususnya perusahaan batik, kemahiran vokasional memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti produk, kecekapan proses pengeluaran serta kebolehpercayaan hasil kerja (UNESCO, 2021).

Kemahiran ini merangkumi penguasaan teknik penghasilan batik, penggunaan bahan dan peralatan, kawalan kualiti serta pematuhan kepada piawaian pengeluaran Kemahiran vokasional adalah satu aliran yang diiktiraf bagi membentuk individu berkemahiran tinggi secara teknikal dengan pengaplikasian sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) bagi memenuhi keperluan industri (Kayan, et al., 2010). Manakala bagi pendapat Nur Kholifah et al., (2020) tujuan pendidikan vokasional adalah memberikan pendedahan kepada individu yang berkebolehan dari sudut kemahiran bagi memenuhi keperluan pekerjaan. Institusi yang berkait dengan TVET ialah Giat Mara, KEMAS, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara dan Instutut Kemahiran Mara.

Dalam kajian Ramly dan Shaari (2019), pengendalian peralatan yang betul perlulah dikuasai dengan sebaik mungkin dalam menghasilkan pola pakaian iaitu dengan menjalani kursus kemahiran dan teknikal vokasional bagi program fesyen TVET. Namun, penguasaan kemahiran bagi mendapatkan ukuran badan yang tepat dilihat berkurang dalam kalangan pelajar. Oleh itu, latihan yang diberikan di TVET dapat meningkatkan keupayaan pelajar bagi menguasai kemahiran tersebut apabila disertakan dengan pelbagai jenis aktiviti keusahawan yang bersesuaian.

Literatur menunjukkan bahawa kemahiran vokasional merupakan asas kepada produktiviti dan kelestarian perusahaan kecil dan sederhana, terutamanya dalam sektor berasaskan kemahiran seperti industri kraf dan tekstil tradisional. Menurut ILO (2020), latihan vokasional yang berkesan mampu meningkatkan kecekapan kerja, mengurangkan pembaziran sumber dan memperkukuh daya saing perusahaan mikro di kawasan luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Namun demikian, latihan vokasional yang bersifat mekanikal dan terpisah daripada konteks keusahawanan sering gagal menghasilkan impak jangka panjang terhadap pembangunan perusahaan.

Dalam perusahaan batik, kemahiran vokasional merangkumi beberapa aspek utama seperti penyediaan kain dan bahan, teknik mencanting dan pewarnaan, kawalan suhu dan bahan kimia, serta proses kemasan akhir produk. Kajian oleh Haron et al. (2019) dan Razali et al. (2021) mendapati bahawa penguasaan kemahiran vokasional yang tidak konsisten menyebabkan variasi kualiti produk batik, sekali gus menjejaskan kepercayaan pengguna dan potensi pasaran. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran vokasional bukan sekadar keupayaan menghasilkan produk, tetapi turut melibatkan pemahaman terhadap standard kualiti dan keperluan pasaran.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa latihan vokasional dalam kalangan pengusaha batik luar bandar masih berdepan beberapa kekangan struktur. Menurut Noorizan et al. (2021), kebanyakan program latihan yang dilaksanakan lebih menumpukan kepada pemindahan kemahiran asas secara jangka pendek, tanpa penilaian sistematik terhadap tahap penguasaan peserta atau kesinambungan latihan. Keadaan ini menyebabkan kemahiran yang diperoleh sukar diperkukuh dan diaplikasikan secara konsisten dalam operasi perusahaan.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia Malaysia (2022) menegaskan bahawa latihan vokasional yang tidak disepadukan dengan elemen inovasi dan keusahawanan berisiko melahirkan tenaga kerja yang cekap dari segi teknikal tetapi lemah dari sudut penyesuaian pasaran.

Dalam konteks perusahaan batik desa, kelemahan ini dapat dilihat apabila pengusaha memiliki kemahiran menghasilkan batik, namun gagal menyesuaikan teknik pengeluaran dengan keperluan pelanggan, trend pasaran atau permintaan produk bernilai tambah.

Kajian oleh Salleh dan Omar (2022) turut menekankan bahawa kemahiran vokasional perlu dibangunkan secara progresif dan kontekstual, khususnya bagi komuniti luar bandar yang terlibat dalam industri kreatif. Latihan vokasional yang efektif bukan sahaja perlu meningkatkan kecekapan teknikal, tetapi juga membina kefahaman tentang proses kerja, pengurusan masa, kos pengeluaran dan kawalan kualiti. Tanpa integrasi elemen- elemen ini, kemahiran vokasional berisiko kekal sebagai kemahiran rutin yang tidak menyumbang secara signifikan kepada pembangunan keusahawanan.

Secara kritikal, literatur menunjukkan bahawa kemahiran vokasional dalam perusahaan batik luar bandar masih dibangunkan secara terpisah daripada kemahiran kreatif dan kemahiran keusahawanan. Pendekatan ini membataskan potensi pengusaha untuk memanfaatkan kemahiran vokasional sebagai asas kepada inovasi produk dan pengembangan perniagaan. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk merangka latihan vokasional yang bersepadu dengan kreativiti dan keusahawanan, selari dengan keperluan pasaran serta realiti sosioekonomi komuniti luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Sehubungan itu, kajian ini mengangkat kemahiran vokasional sebagai salah satu faktor utama dalam pembentukan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif, menekankan pembangunan kemahiran teknikal berkualiti, konsisten dan berorientasikan pasaran sebagai prasyarat kepada kelestarian perusahaan batik luar bandar. Ia bersesuaian seperti ditunjukkan dalam jadual 2.5

Jadual 2.5

Faktor Kemahiran Vokasional

Bil	Sumber	Faktor
1.	Kayan et al., (2010)	
2.	Nur Kholifah et al., (2020)	
3.	Abdul Wahid et al., (2017)	
		Kemahiran Vokasional
4.	Ramly dan Shaari (2019),	
5.	UNESCO, 2021	
6.	Kementerian Sumber Manusia Malaysia, (2022)	
7.	Salleh & Omar (2022)	

Universiti Utara Malaysia

2.3.6.3 Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan merujuk kepada keupayaan individu untuk mengenal pasti peluang, mengurus sumber, membuat keputusan strategik dan menyesuaikan perniagaan dengan perubahan persekitaran pasaran. Dalam konteks perusahaan batik luar bandar, kemahiran keusahawanan bukan sahaja berkaitan dengan kebolehan memulakan perniagaan, tetapi merangkumi pengurusan operasi, pemasaran, penjenamaan, pengurusan kewangan serta kebolehan memanfaatkan rangkaian sokongan dan teknologi digital secara berkesan (Gibb, 2019; OECD, 2020).

Penglibatan pelbagai agensi antaranya Majlis Amanah Rakyat Mara (MARA, Pusat Giat Mara, dan Institut latihan kemahiran di tubuhkan telah menawarkan pelbagai bidang kemahiran. Antara bidang kemahiran tersebut ialah merangkumi aspek spiritual, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan operasi, pemasaran serta teknologi maklumat dan komunikasi (Majlis Amanah Rakyat Mara, 2019). Kemahiran keusahawanan merupakan salah satu bidang kemahiran dalam bidang industri perniagaan. Muhamad Akhsan dan Osman, (2019) menyatakan bahawa kemahiran keusahawanan melibatkan pengetahuan, kreativiti dan perhubungan sosial.

Selain itu, pendidikan keusahawanan mempengaruhi efikasi kendiri keusahawanan, seterusnya merangsang semangat keusahawanan bagi seseorang individu (Muhammad Arshad et al., 2018). Kajian mendapati dorongan pembentukan usahawan wanita batik dan songket, asasnya adalah pengaruh keluarga yang terdiri daripada proses sosialisasi keluarga, kemahiran keluarga, minat, dan sumbangan kepada keluarga.

Universiti Utara Malaysia

Oleh itu, penglibatan mereka dalam keusahawanan batik dan songket dapat dikaitkan dengan asuhan dan pendedahan berterusan dari keluarga untuk membentuk usahawan wanita (Mohd Noor et al., 2021). Kejayaan dan kemahiran keusahawanan memainkan peranan penting dalam membantu kejayaan perniaga kecil (Zakaria & Harun, 2019).

Selain itu, literatur terkini menegaskan bahawa kemahiran keusahawanan merupakan faktor penentu kepada kelestarian perusahaan mikro dan kecil di kawasan luar bandar. Menurut OECD (2020), usahawan luar bandar yang memiliki kemahiran keusahawanan yang kukuh lebih berupaya menyesuaikan model perniagaan, mempelbagaikan produk dan menembusi pasaran baharu. Walau bagaimanapun, dalam konteks industri kreatif desa, termasuk perusahaan batik, kemahiran keusahawanan sering menjadi aspek yang paling lemah berbanding kemahiran teknikal pengeluaran.

Kajian oleh Noorizan et al. (2021) dan Razali et al. (2021) menunjukkan bahawa pengusaha batik luar bandar di Malaysia kebanyakannya mempunyai kemahiran menghasilkan batik, namun kurang pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pengurusan perniagaan, strategi pemasaran dan penjenamaan produk. Kelemahan ini menyebabkan perusahaan batik beroperasi secara tidak formal, bergantung kepada pasaran tempatan yang terhad dan tidak mempunyai perancangan perniagaan jangka panjang. Situasi ini mengukuhkan dapatan Kuratko (2020) yang menyatakan bahawa kekurangan kemahiran keusahawanan sering menjadi punca kegagalan perusahaan mikro walaupun produk yang dihasilkan berkualiti.

Universiti Utara Malaysia

Selain itu, transformasi digital dan perubahan tingkah laku pengguna pasca pandemik COVID-19 telah meningkatkan keperluan kepada kemahiran keusahawanan digital, termasuk penggunaan media sosial, e-dagang dan pemasaran dalam talian. UNCTAD (2021) dan World Bank (2022) menegaskan bahawa pengusaha kecil yang tidak memiliki kemahiran digital berisiko ketinggalan dalam rantaian nilai ekonomi. Dalam konteks perusahaan batik luar bandar, kajian oleh Yusoff dan Madar (2023) mendapati bahawa pengusaha yang mempunyai kemahiran pemasaran digital dan penjenamaan dalam talian menunjukkan peningkatan jualan dan capaian pasaran yang lebih luas berbanding pengusaha yang bergantung kepada jualan secara konvensional.

Walau bagaimanapun, latihan keusahawanan yang disediakan kepada komunitiluar bandar sering bersifat umum, berskala kecil dan tidak mengambil kira konteks sebenar industri kreatif luar bandar. Menurut Salleh et al. (2022), program latihan keusahawanan yang tidak kontekstual gagal membina keupayaan membuat keputusan strategik dan tidak memberi impak jangka panjang terhadap prestasi perusahaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan perlu dibangunkan secara khusus mengikut keperluan industri, tahap pendidikan dan realiti sosioekonomi komuniti sasaran.

Dari sudut kritikal, literatur juga menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan tidak boleh dibangunkan secara terpisah daripada kemahiran kreatif dan kemahiran vokasional. Henry (2020) menegaskan bahawa dalam industri kreatif, keusahawanan perlu bersifat kreatif dan adaptif, iaitu keupayaan untuk menukar idea kreatif dan kemahiran teknikal kepada nilai ekonomi yang mampan.

Universiti Utara Malaysia

Tanpa integrasi ini, pengusaha berisiko menjadi pengeluar produk semata-mata tanpa keupayaan mengembangkan perniagaan secara strategik.

Sehubungan itu, kajian ini menegaskan kepentingan kemahiran keusahawanan sebagai komponen utama dalam pembentukan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif, yang mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan secara bersepadu. Pendekatan ini diyakini mampu meningkatkan keupayaan pengusaha batik luar bandar dalam mengurus perusahaan secara lebih strategik, berdaya saing dan lestari, selari dengan tuntutan pembangunan ekonomi luar bandar kontemporari. Seperti jadual 2.6.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 2.6

Faktor Kemahiran Keusahawanan

Bil	Sumber	Faktor
1.	Muhammad Arshad et al., (2018)	
2.	Gibb, (2019)	
3.	Zakaria et al., (2019)	
4.	Muhamad Akhsan & Osman, (2019)	Kemahiran Keusahawanan
5.	Mohd Noor et al., (2021)	
6.	Noorizan et al., (2021)	
7.	Razali et al. (2021)	
8.	Salleh et al. (2022),	

Universiti Utara Malaysia

2.3.6.4 Kolaborasi Akademia dan Industri

Kolaborasi antara akademia dan industri dikenal pasti sebagai mekanisme penting dalam memperkukuh pemindahan ilmu, pembangunan kemahiran dan inovasi dalam industri kreatif luar bandar.

Dalam konteks perusahaan batik, kolaborasi ini membolehkan penggabungan pengetahuan akademik, penyelidikan terapan dan keperluan praktikal industri bagi meningkatkan daya saing dan kelestarian perusahaan kecil berasaskan komuniti (Etzkowitz & Leydesdorff, 2020).

Kolaborasi dengan industri, kerajaan, komuniti, universiti dan lain-lain turut memberi nilai tambah kepada individu atau usahawan yang terlibat . Manfaat utama hasil kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk universiti dengan masyarakat dalam aktiviti seperti pembangunan bakat, penyelidikan dan inovasi, rangkaian professional dan global telah terbukti contohnya usahawan dapat mempromosi jenama, produk, dan perkhidmatan mereka serta mendapat tajaan atau sumbangan dana dari agensi (Abdul Manan, 2021). Selain itu, pengurusan organisasi dan kerjasama luar adalah penting bagi membantu usahawan berjaya (Mohd Yusof & Tahir, 2021). Kolaborasi amat penting bagi meningkatkan jaringan serta memantapkan lagi usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Universiti Utara Malaysia

Kajian terkini menunjukkan bahawa kolaborasi akademia–industri berupaya meningkatkan keupayaan inovasi, kecekapan pengeluaran dan kebolehpasaran produk industri kreatif luar bandar. Menurut OECD (2021), komuniti yang terlibat secara aktif dalam jaringan kolaboratif dengan institusi pendidikan tinggi menunjukkan tahap penyesuaian pasaran dan pembangunan produk yang lebih baik. Namun begitu, dalam konteks luar bandar, kolaborasi ini sering terhad kepada projek jangka pendek tanpa kesinambungan strategik.

Kajian oleh Azman et al. (2022) mendapati bahawa pengusaha kraf luar bandar yang terlibat dalam program kolaborasi bersama universiti menunjukkan peningkatan dari segi reka bentuk produk dan pemahaman pasaran, tetapi impaknya berkurangan apabila tiada mekanisme susulan dan sokongan berterusan. Hal ini menunjukkan bahawa kolaborasi akademia–industri perlu dirangka secara sistematik dan berasaskan keperluan sebenar komuniti, bukan sekadar pemindahan pengetahuan secara sehala.

Dalam kajian ini, kolaborasi akademia–industri dilihat sebagai faktor sokongan luaran yang penting dalam memperkukuh kemahiran keusahawanan kreatif, khususnya melalui pembangunan modul latihan, bimbingan teknikal dan sokongan penyelidikan berterusan. Seperti ditunjukkan dalam jadual 2.7.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 2.7

Faktor Kolaborasi Akademia Dan Industri

Bil	Sumber	Faktor
1.	Abdul Manan, (2021)	Kolaborasi akademia dan industri
2.	Mohd Yusof & Tahir, (2021).	
3.	OECD, (2021),	
4.	Azman et al. (2022)	

2.3.6.5 Pengiktirafan Agensi

Pengiktirafan dan sokongan agensi kerajaan serta institusi pembangunan memainkan peranan penting dalam memperkukuh keyakinan, pengesahan dan akses pasaran bagi perusahaan batik luar bandar. Pengiktirafan ini merangkumi sokongan latihan, pensijilan, bantuan teknikal serta penglibatan dalam program pembangunan ekonomi desa (World Bank, 2021). Penglibatan dan pengiktirafan agensi adalah satu penglibatan penting bagi menjayakan sesuatu program atau latihan. Antaranya agensi yang terlibat seperti Kraftangan Malaysia yang memberikan bantuan informasi maklumat berkaitan industri batik di Malaysia. (Kraftangan Malaysia, 2019).

Manakala Kementerian pelancongan Malaysia juga membantu dari segi mempromosikan produk kraftangan yang akan dihasilkan oleh komuniti luar bandar. Peserta atau individu diberikan sijil tamat latihan tanda pengiktirafan dan pengtauliahan oleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (Ibrahim, 2021). Pengiktirafan agensi penting kerana ia akan membuktikan bahawa usahawan tersebut mencapai satu tahap yang telah diiktiraf oleh negara.

Kajian oleh Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah (2022) menunjukkan bahawa pengusaha luar bandar yang menerima pengiktirafan rasmi dan sokongan agensi mempunyai tahap penyertaan pasaran dan kebolehan mengekalkan perusahaan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kajian oleh Salleh dan Rahman (2023) mendapati bahawa sokongan agensi sering bersifat fragmentasi, berorientasikan output jangka pendek dan kurang disepadukan dengan pembangunan kemahiran keusahawanan secara menyeluruh.

Universiti Utara Malaysia

Secara kritikal, pengiktirafan agensi tanpa pembangunan kemahiran yang berterusan berisiko mewujudkan kebergantungan komuniti kepada bantuan luaran. Oleh itu, pengiktirafan agensi perlu dilihat sebagai pemangkin yang menyokong pembangunan kemahiran keusahawanan kreatif, bukannya pengganti kepada keupayaan dalaman komuniti. Seperti ditunjukkan di jadual 2.8.

Jadual 2.8

Faktor Pengiktirafan Agensi

Bil	Sumber	Faktor
1.	Kraftangan Malaysia, (2019)	Pengiktirafan Agensi
2.	Ibrahim, (2021)	
3.	Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah (2022)	
4.	Salleh & Rahman (2023)	

Universiti Utara Malaysia

2.3.6.6 Persekitaran Semulajadi

Persekitaran semula jadi merupakan faktor kontekstual yang signifikan dalam membentuk landskap keusahawanan kreatif luar bandar, khususnya dalam industri batik yang bergantung kepada sumber bahan mentah, warisan alam dan konteks geografi setempat. Ia juga merujuk kepada interaksi sesama makhluk hidup dalam ekosistem semulajadi (Khairul Azhar Meerangani, 2019). Tahap kesedaran terhadap alam sekitar bergantung kepada individu atau usahawan (Mohd Rafi Yaacob et al., 2015).

Persekitaran semulajadi adalah antara elemen penting dalam penghasilan batik dan motif (Jabatan Muzium Negara, 2017). Oleh yang demikian elemen persekitaran mempengaruhi pengusaha batik dan membantu usahawan dalam membangunkan perniagaan mereka.

Laporan oleh UNESCO (2022) menegaskan bahawa industri kreatif berasaskan komuniti yang berakar pada sumber semula jadi dan warisan tempatan mempunyai potensi tinggi untuk mengekalkan keaslian produk serta memperkukuh identiti budaya. Dalam konteks batik luar bandar, elemen alam seperti flora, fauna dan landskap setempat sering diterjemahkan ke dalam motif, sekali gus meningkatkan nilai simbolik dan estetika produk.

Namun, literatur juga menunjukkan bahawa kebergantungan yang tinggi terhadap persekitaran semula jadi membawa cabaran tersendiri. Isu kelestarian sumber, perubahan iklim dan ketidaktentuan bekalan bahan mentah boleh meningkatkan kos pengeluaran serta menjejaskan kesinambungan perusahaan kecil. Walaupun pendekatan lestari sering dipromosikan sebagai kelebihan strategik, tidak semua pengusaha luar bandar mempunyai pengetahuan, modal atau sokongan teknikal untuk mengurus sumber semula jadi secara mampan. Keadaan ini mendedahkan jurang antara idealisme pembangunan lestari dan realiti operasi perusahaan batik luar bandar.

Kajian oleh UNDP (2021) turut menekankan bahawa perusahaan kreatif luar bandar yang berjaya memanfaatkan sumber semula jadi secara lestari memperoleh kelebihan dari segi naratif produk dan penjenamaan hijau.

Universiti Utara Malaysia

Walau bagaimanapun, dapatan ini lebih banyak menumpukan kepada konteks dasar dan program pembangunan, manakala perbincangan empirikal mengenai kemampuan sebenar pengusaha mikro untuk mengekalkan amalan lestari masih terhad. Justeru, persekitaran semula jadi perlu dilihat bukan sekadar sebagai sumber kelebihan kompetitif, tetapi juga sebagai faktor risiko yang memerlukan sokongan sistemik dan pengupayaan kemahiran yang berterusan. Seperti jadual 2.9.

Jadual 2.9

Faktor Persekitaran Semulajadi

Bil	**Penulis dan Sumber**	**Faktor**
1.	Mohd Rafi Yaacob et al., (2015)	
2.	Khairul Azhar Meerangani, (2019)	
		Persekitaran Semulajadi
3.	Jabatan Muzium Negara, (2017).	
4.	UNDP, (2021)	
5.	UNESCO, (2022)	

Universiti Utara Malaysia

2.3.7 Persekitaran Ekonomi

Jadual 2.10 menununjukkan bahawa selain persekitaran semula jadi, persekitaran ekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan daya tahan dan pertumbuhan keusahawanan kreatif luar bandar. Faktor seperti kestabilan ekonomi setempat, kos bahan mentah, kuasa beli pengguna, akses pasaran dan infrastruktur logistik memberi kesan langsung terhadap prestasi perusahaan batik. Dalam banyak konteks luar bandar, ketidaktentuan ekonomi dan peningkatan kos operasi sering mengehadkan keupayaan pengusaha untuk mengembangkan skala perniagaan walaupun produk yang dihasilkan berkualiti tinggi.

Ini adalah satu konstruk yang merangkumi pembangunan komuniti, psikologi, pendidikan, ekonomi, pergerakan dan organisasi sosial (Cheryl Czuba,1999; dan Narwan & Mulia (2019). Ekonomi komuniti dapat didefinasikan sebagai pendapatan sekumpulan (Othman et al., 2019). Menurut kajian Maran et al., (2021), faktor ekonomi adalah merangkumi aspek seperti pelaburan, pembelian bahan mentah, akses pasaran, infrastuktur dan intensif buruh yang mempengaruhi pemerkasaan keusahawanan luar bandar. Namun kajian Abbasi et al., (2021) pula mendapati ekonomi dapat meningkatkan taraf kehidupan dan memberi peluang pekerjaan serta pendapatan kepada penduduk kampung. Wanita di Pakistan menceburi bidang pertanian bagi meningkatkan pendapatan mereka dan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan (Khalid et al., (2019) dan Ullah Khan et al., 2021).

Universiti Utara Malaysia

Kajian terdahulu sepertimana dinyatakan di atas telah menegaskan bahawa perusahaan kreatif desa sering beroperasi dalam ekosistem ekonomi yang rapuh, dicirikan oleh pasaran terhad dan pergantungan kepada sokongan luar. Walaupun terdapat inisiatif pembangunan dan bantuan kewangan, keberkesanan sokongan tersebut banyak bergantung kepada keupayaan pengusaha menyesuaikan strategi perniagaan dengan perubahan ekonomi. Tanpa adaptasi terhadap dinamika pasaran, termasuk peralihan kepada pemasaran digital dan rangkaian nilai yang lebih luas, perusahaan batik luar bandar berisiko kekal pada tahap sara diri.

Secara kritikal, faktor persekitaran ekonomi tidak boleh dinilai secara terasing daripada kemahiran keusahawanan kreatif. Literatur menunjukkan bahawa kelemahan dalam pengurusan kos, perancangan kewangan dan strategi pasaran menjadikan perusahaan luar bandar lebih terdedah kepada kejutan ekonomi. Oleh itu, persekitaran ekonomi perlu difahami sebagai faktor luaran yang berinteraksi secara langsung dengan kapasiti dalaman pengusaha. Tanpa pengupayaan kemahiran yang bersesuaian, sokongan ekonomi semata-mata tidak mencukupi untuk menjamin kelestarian jangka panjang industri batik luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 2.10

Faktor Persekitaran Ekonomi

Bil	Sumber	Faktor
1.	Muhammad Waqas Khalid et al., (2019)	
2.	Narwan & Mulia (2019)	
3	Maran et al., (2021)	Ekonomi
4.	Ullah Khan et al., (2021)	
5.	Abbasi et al., (2021)	

Universiti Utara Malaysia

2.4 Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibincangkan, beberapa jurang kajian utama dapat dikenal pasti dalam konteks pembangunan keusahawanan kreatif industri batik luar bandar. Pertama, walaupun kajian-kajian terdahulu secara konsisten menegaskan kepentingan kemahiran kreatif, vokasional dan keusahawanan dalam menyokong perusahaan industri kreatif, kebanyakan kajian tersebut membincangkan setiap komponen kemahiran secara berasingan. Pendekatan ini menyebabkan kekurangan model bersepadu yang menghubungkan ketiga-tiga elemen kemahiran tersebut secara sistematik, khususnya dalam konteks industri batik luar bandar yang bersifat mikro, berasaskan komuniti dan warisan budaya.

Kedua, dari sudut konteks empirikal, kajian yang membangunkan serta menilai keberkesanan Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif secara khusus dalam perusahaan batik luar bandar masih terhad. Kekurangan ini lebih ketara dalam konteks negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia, termasuk Kedah, yang mempunyai potensi industri batik luar bandar tetapi sering kurang diberi perhatian dalam kajian empirikal berasaskan komuniti. Justeru, dapatan sedia ada masih belum mencerminkan realiti operasi, cabaran dan keupayaan sebenar pengusaha batik luar bandar di wilayah tersebut.

Ketiga, literatur menunjukkan bahawa faktor sokongan luaran seperti pengiktirafan agensi, kolaborasi akademia-industri serta persekitaran semula jadi dan ekonomi sering dibincangkan sebagai pemangkin pembangunan keusahawanan kreatif. Namun begitu, perbincangan tersebut kebanyakannya bersifat konseptual atau dasar, tanpa pengujian empirik yang menyeluruh bagi menilai peranan faktor-faktor ini sebagai komponen bersepadu dalam satu model pembangunan kemahiran keusahawanan kreatif yang sistematik. Kekurangan bukti empirik ini membataskan keupayaan literatur untuk menawarkan panduan praktikal kepada agensi pembangunan luar bandar dan penggubal dasar.

Keempat, dari perspektif teori, masih terdapat kekurangan kajian yang mengintegrasikan Teori Modal Insan dengan pendekatan keusahawanan kreatif dalam pembinaan model pembangunan yang bersifat kontekstual dan aplikatif.

Kebanyakan kajian terdahulu cenderung menggunakan kerangka teori terpisah, tanpa menjelaskan bagaimana pelaburan dalam kemahiran individu berinteraksi dengan faktor konteks luaran bagi menjana pemerkasaan ekonomi luar bandar yang mampan.

Jurang ini menunjukkan keperluan kepada model yang bukan sahaja kukuh dari sudut teori, tetapi juga relevan dari segi pelaksanaan di peringkat komuniti.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang-jurang yang dikenal pasti melalui pembangunan dan penilaian Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi perusahaan batik di Daerah Pendang, Kedah. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang secara signifikan kepada pengayaan literatur keusahawanan kreatif, menyediakan panduan praktikal kepada pengusaha dan agensi pembangunan luar bandar, serta menyokong pembentukan dasar pembangunan ekonomi luar bandar berasaskan industri kreatif secara lebih berfokus dan berkesan.

2.5 Kerangka Teoritikal


Kajian ini adalah berasaskan kepada dua (2) teori utama yang mendasari kajian ini, iaitu Teori Keusahawanan Sosial (Dees, 2001) dan Teori Modal Insan (Becker, 1964). Dua teori ini saling melengkapi dalam membangunkan meningkatkan kemahiran keusahawanan kreatif. Teori Keusahawanan Sosial menyediakan jalan penyelesaian inovatif terhadap isu setempat melalui aktiviti ekonomi, iaitu keusahawanan sebagai pemangkin penyelesaian masalah sosial.

Seterusnya, Teori Modal Insan pula membekalkan kemahiran dan kapasiti untuk memastikan kejayaan dan kelestarian inisiatif tersebut. Dengan itu, pelaburan latihan dapat meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan komuniti.

Universiti Utara Malaysia

Rajah 2.3 menunjukkan hubungan antara dua teori utama dengan impaknya terhadap peningkatan kemahiran keusahawanan kreatif, yang mana ianya dirangkumkan bersama dalam suatu kerangka bagi teori kajian ini. Dengan pendekatan bersepadu ini, komuniti luar bandar dapat berkembang dari segi ekonomi secara berdikari, berinovasi dan mampan**,** sesuai dengan matlamat pembangunan luar bandar dan pengurangan kemiskinan.

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.3. Kerangka Teoritikal Kajian

Universiti Utara Malaysia

2.6 Kerangka Kajian

Rajah 2.4 menunjukkan kerangka kajian yang dibangunkan khusus bagi membentuk Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif untuk Perusahaan Batik di Daerah Pendang, Kedah. Kerangka ini mengambil kira realiti sosioekonomi, budaya dan persekitaran setempat yang mempengaruhi pembangunan perusahaan batik luar bandar, serta menggabungkan pembangunan kemahiran individu dengan sokongan ekosistem tempatan secara bersepadu. Kerangka kajian ini diasaskan kepada premis bahawa perusahaan batik di daerah Pendang bukan sekadar aktiviti ekonomi, tetapi merupakan industri warisan desa yang bergantung kepada kreativiti, kemahiran teknikal dan keupayaan keusahawanan pengusaha tempatan untuk berkembang secara mampan.

Dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar merangkumi tiga domain kemahiran utama yang dikenal pasti sebagai keperluan kritikal bagi pengusaha batik di daerah Pendang, iaitu kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan. Kemahiran kreatif merujuk kepada keupayaan pengusaha batik menghasilkan reka bentuk dan corak batik yang beridentiti tempatan, bernilai estetik dan berdaya saing. Dalam konteks Pendang, kemahiran ini meliputi kebolehan melukis batik, mencanting batik dan mewarna batik yang dipengaruhi oleh unsur budaya, alam sekitar dan warisan komuniti setempat. Kemahiran kreatif ini menjadi asas kepada pembezaan produk batik luar bandar berbanding produk industri berskala besar.

Kemahiran vokasional pula merujuk kepada keupayaan teknikal pengusaha dalam menterjemahkan reka bentuk kreatif kepada produk siap yang berkualiti, khususnya melalui kemahiran menjahit pakaian dan menjahit kraf.

Universiti Utara Malaysia

Dalam perusahaan batik luar bandar di Pendang, kemahiran vokasional ini penting bagi memastikan hasil batik bukan sahaja cantik dari segi visual, tetapi juga memenuhi keperluan fungsi dan kehendak pasaran. Manakala kemahiran keusahawanan pula merangkumi keupayaan pengusaha batik mengurus diri dan perniagaan secara sistematik. Domain ini merangkumi kefahaman keusahawanan sebagai satu kerjaya, kemahiran komunikasi, asas pengurusan diri, kebolehan mengenal potensi diri, asas jualan dan jualan atas talian, pengurusan kewangan, simpan kira serta keupayaan menetapkan matlamat perniagaan. Kemahiran ini amat penting dalam konteks Pendang, di mana kebanyakan perusahaan batik beroperasi pada skala kecil dan berasaskan komuniti. Ketiga-tiga domain kemahiran ini saling melengkapi dan membentuk asas kepada pembangunan keupayaan pengusaha batik luar bandar secara menyeluruh.

Kerangka kajian ini juga turut menekankan peranan faktor sokongan yang membentuk ekosistem keusahawanan kreatif di daerah Pendang. Faktor sokongan ini bertindak sebagai pemudah cara yang menguatkan hubungan antara pembangunan kemahiran dan pembentukan keusahawanan kreatif. Kolaborasi antara akademia dan industri dilihat sebagai medium pemindahan ilmu, kemahiran dan inovasi kepada pengusaha batik luar bandar, khususnya melalui latihan, bimbingan dan pembangunan modul keusahawanan kreatif yang bersesuaian dengan keperluan tempatan.


Penglibatan dan pengiktirafan agensi pula merujuk kepada sokongan institusi dan agensi berkaitan yang dapat meningkatkan legitimasi perusahaan batik luar bandar, memperluas jaringan pasaran serta menggalakkan penyertaan berterusan pengusaha dalam aktiviti keusahawanan.

Universiti Utara Malaysia

Manakala persekitaran semula jadi di daerah Pendang turut mempengaruhi pembangunan perusahaan batik, sama ada melalui sumber inspirasi reka bentuk, suasana komuniti atau kebergantungan kepada sumber tempatan. Persekitaran yang kondusif menyokong proses kreativiti dan kesinambungan aktiviti perusahaan batik. Persekitaran ekonomi pula adalah merangkumi peluang pasaran, kestabilan permintaan dan akses kepada saluran pemasaran, termasuk pemasaran digital, yang menentukan kebolehlaksanaan kemahiran keusahawanan kreatif dalam menjana pendapatan sebenar bagi pengusaha batik luar bandar.

Seterusnya adalah pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar bagi kajian ini adalah kemahiran keusahawanan kreatif. Pada akhir kajian ini suatu model kemahiran keusahawanan kreatif dapat dihasilkan, di mana suatu satu model bersepadu yang menggabungkan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan dengan sokongan ekosistem tempatan. Secara keseluruhannya, kerangka kajian ini menegaskan bahawa pembangunan perusahaan batik di daerah Pendang memerlukan pendekatan yang holistik dan berasaskan konteks tempatan. Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif yang dicadangkan bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan literatur keusahawanan kreatif, malah menyediakan asas praktikal untuk meningkatkan kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi perusahaan batik di Kedah.

Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.4. Kerangka Kajian

2.7 Teori-Teori Berkaitan Keusahawanan Batik Dan Kemahiran Keusahawanan kreatif

Dalam memahami dinamik keusahawanan batik sebagai pemangkin pemerkasaan ekonomi luar bandar, beberapa teori utama telah dikenal pasti sebagai asas pemikiran dan kerangka analisis yang relevan. Antara teori yang signifikan adalah Teori Keusahawanan Sosial (Dees, 2001) dan Teori Modal Insan (Becker, 1964). Dua teori ini menjelaskan pelbagai aspek penting dalam pembangunan keusahawanan dan kesannya terhadap kesejahteraan komuniti luar bandar.

2.7.1 Teori Keusahawanan Sosial *(Social Entrepreneurship Theory)*

Dees (2001) memperkenalkan konsep keusahawanan sosial sebagai satu bentuk keusahawanan yang menggabungkan inovasi perniagaan dengan misi sosial. Teori ini menyatakan bahawa usahawan sosial bukan sekadar mengejar keuntungan, tetapi turut menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi komuniti.

Universiti Utara Malaysia

Dalam konteks keusahawanan batik luar bandar, teori ini sangat relevan kerana aktiviti batik bukan sahaja menjana pendapatan, malah turut mengekalkan warisan budaya serta memperkasa golongan yang terpinggir seperti wanita dan belia luar bandar.Sebagai contoh, pengusaha batik sosial yang melatih ibu tunggal di luar bandar dalam kemahiran pembuatan dan pemasaran batik bukan sahaja memberi peluang pekerjaan, malah memperkukuh jaringan sosial dan nilai komuniti.

Kajian oleh Abdullah dan Ramli (2022) menunjukkan bahawa keusahawanan sosial berasaskan batik memberi impak positif terhadap kesejahteraan komuniti melalui pendekatan lestari yang berfokuskan nilai tempatan dan tanggungjawab sosial.

2.7.2 Teori Modal Insan *(Human Capital Theory)*

Teori Modal Insan yang diasaskan oleh Becker (1964) menyatakan bahawa pelaburan dalam pendidikan, latihan, dan pengalaman kerja akan meningkatkan produktiviti individu serta memberi pulangan dalam bentuk peningkatan pendapatan dan kesejahteraan. Dalam konteks keusahawanan batik, teori ini menekankan kepentingan pembangunan kapasiti komuniti luar bandar melalui latihan kemahiran seperti teknik pewarnaan batik, reka bentuk moden, pemasaran digital dan pengurusan perniagaan kecil.

Pelaburan dalam modal insan juga dapat mempercepatkan penyesuaian komuniti luar bandar terhadap perubahan teknologi dan kehendak pasaran. Yusoff dan Khalid (2021) dalam kajian mereka menyatakan bahawa latihan batik yang berstruktur di kawasan luar bandar berjaya meningkatkan kualiti produk dan keupayaan bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Universiti Utara Malaysia

Teori Keusahawanan Sosial menyarankan model perniagaan berorientasikan nilai sosial, Teori Modal Insan menumpukan kepada pelaburan dalam kemahiran dan pengetahuan, manakala Teori Ekosistem Keusahawanan merupakan faktor persekitaran yang mendukung pertumbuhan keusahawanan.

Selain itu, kerjasama antara agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO, dan usahawan tempatan adalah penting untuk menyediakan persekitaran yang menyokong inovasi dan kelestarian perusahaan batik. Contohnya, bantuan geran modal, latihan berterusan, dan peluang promosi melalui platform e-dagang telah membuktikan kejayaannya dalam meningkatkan kelangsungan industri batik di kawasan luar bandar.

Secara keseluruhannya, dua teori yang dibincangkan membentuk asas kukuh bagi menjelaskan bagaimana keusahawanan batik boleh dimanfaatkan sebagai pemacu pemerkasaan ekonomi luar bandar dan meningkatkan kemahiran keusahawanan kreatif. Integrasi teori-teori ini dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif keusahawanan batik dapat memberikan impak yang mampan terhadap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan komuniti luar bandar.


2.8 Kajian-kajian terdahulu berkaitan Model-Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif

Kajian berkaitan keusahawanan kreatif menunjukkan bahawa kebanyakan pengkaji terdahulu telah membangunkan model kemahiran keusahawanan kreatif dalam bentuk kerangka visual (rajah) bagi menerangkan hubungan antara kreativiti, kemahiran dan keusahawanan. Namun, ianya masih bersifat umum, konseptual dan dibangunkan dalam konteks industri kreatif formal. Kekangan ini mewujudkan keperluan untuk membangunkan satu model yang lebih kontekstual, praktikal dan berorientasikan komuniti desa bagi menyokong pemerkasaan ekonomi berasaskan industri warisan. Secara umumnya, model-model kemahiran keusahawanan kreatif yang dibangunkan oleh pengkaji terdahulu boleh dikategorikan kepada tiga pendekatan utama, iaitu model berasaskan kemahiran individu, model berasaskan proses keusahawanan, dan model berasaskan ekosistem serta konteks sosial.

2.8.1 Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Kemahiran Individu

Antara model awal yang sering dirujuk ialah model keusahawanan kreatif yang menekankan kemahiran individu sebagai teras, seperti kreativiti, inovasi dan keupayaan keusahawanan.


Fillis dan Rentschler (2010) membangunkan satu model konseptual visual yang menunjukkan hubungan langsung antara kreativiti, orientasi keusahawanan dan prestasi perniagaan kreatif. Model ini menggambarkan kreativiti sebagai pemacu utama inovasi dan kelebihan daya saing usahawan kreatif.



Rajah 2.5. Model Kreativiti dalam Keusahawanan (Fillis & Rentschler,2010)

Selain itu, Chang dan Wyszomirski (2015) turut mengemukakan model kemahiran keusahawanan kreatif yang memaparkan gabungan kemahiran kreatif, kemahiran pengurusan dan kemahiran keusahawanan dalam bentuk rajah berlapis. Walaupun model ini memberikan visualisasi yang jelas tentang dimensi kemahiran individu, ia lebih menumpukan kepada konteks profesional dan industri kreatif bandar.

Universiti Utara Malaysia




Rajah 2.6. Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif (Chang & Wyszomirski, 2015)

Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan analisis yang dibuat, kedua-dua model ini memperlihatkan kekuatan dari segi visualisasi kemahiran individu, namun kurang menekankan konteks komuniti, warisan budaya dan realiti sosioekonomi luar bandar, menjadikannya terhad untuk diaplikasikan secara langsung dalam pemerkasaan ekonomi luar bandar.

2.8.2 Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Proses dan Inovasi

Pendekatan seterusnya menekankan keusahawanan kreatif sebagai satu proses berperingkat, bermula daripada penjanaan idea kreatif, pembangunan produk sehingga ke pengkomersialan. De Bruin (2018) serta Lounsbury dan Glynn (2019) membangunkan model keusahawanan kreatif dalam bentuk rajah aliran proses, yang memaparkan kreativiti sebagai input utama kepada inovasi dan nilai ekonomi.




Source: Linan (2007)

Rajah 2.7. Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Proses dan Inovasi (De Bruin (2018) & Glynn (2019)

Model proses ini membantu menjelaskan perjalanan keusahawanan secara sistematik, namun kebanyakannya diasaskan dalam konteks perusahaan kreatif formal dan organisasi yang mempunyai sumber yang mencukupi. Walaupun rajah proses ini memperjelaskan aliran keusahawanan kreatif, model ini kurang mengambil kira keterbatasan sumber, tahap kemahiran dan struktur sokongan yang lazim dihadapi oleh komuniti luar bandar, khususnya dalam industri warisan seperti batik.

2.8.3 Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Ekosistem dan Konteks Sosial

Pendekatan yang lebih kontemporari melihat keusahawanan kreatif sebagai sebahagian daripada ekosistem sosial dan budaya. Spigel (2017) memperkenalkan *Entrepreneurial Ecosystem Model* yang sering digambarkan melalui rajah ekosistem, merangkumi elemen budaya, jaringan sosial, modal insan, institusi dan sokongan dasar.



Rajah 2.8. Model Keusahawanan Kreatif Berasaskan Ekosistem dan Konteks Sosial (Spigel,2017)

Model ekosistem ini turut disokong oleh kajian Comunian dan England (2020) serta Oakley dan Ward (2018) yang menekankan peranan komuniti, nilai budaya dan warisan dalam menyokong keusahawanan kreatif. Walaupun rajah ekosistem ini bersifat holistik dan kontekstual, kebanyakan model ini terlalu makro dan konseptual, serta tidak menghuraikan secara terperinci bagaimana kemahiran keusahawanan kreatif boleh dibangunkan melalui intervensi latihan atau modul komuniti.

Sorotan terhadap model-model terdahulu menunjukkan bahawa visualisasi model banyak membantu dalam menjelaskan hubungan antara kreativiti, kemahiran dan keusahawanan.

Namun demikian, kebanyakan model sedia ada masih mempunyai beberapa keterbatasan utama, iaitu:

1. Penekanan berlebihan kepada kemahiran individu tanpa integrasi konteks komuniti luar bandar.
2. Model proses dan ekosistem yang kurang praktikal untuk diaplikasikan dalam latihan lapangan.
3. Ketiadaan model visual bersepadu yang menggabungkan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan nilai warisan budaya dalam satu kerangka.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar suatu model kemahiran keusahawan kreatif yang lebih kontekstual, praktikal dan berorientasikan komuniti luar bandar dapat dibina bagi menyokong pemerkasaan ekonomi desa berasaskan industri warisan kreatif.

Universiti Utara Malaysia

2.9 Faktor -faktor Lain

Berdasarkan Jadual 2.11, sorotan literatur menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor lain yang turut dikaitkan dengan pemerkasaan ekonomi luar bandar, antaranya motivasi, pengiktirafan, sikap, keyakinan diri, warisan keluarga, perancangan dan pengurusan, gaya hidup, minat, kesedaran diri, kemahiran dan pengetahuan, modal dan dana serta pemasaran yang baik. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini tidak dimasukkan ke dalam kerangka konseptual kajian atas beberapa pertimbangan metodologi dan fokus penyelidikan.

Pertama, kebanyakan faktor tersebut bersifat individual dan psikososial, serta bertindak sebagai pemboleh ubah sokongan atau perantara *(mediating/supporting variables)* yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan keusahawanan secara tidak langsung. Kajian ini sebaliknya memberi penekanan kepada faktor teras yang bersifat boleh dibentuk, distruktur dan diintervensi melalui modul keusahawanan batik, khususnya dalam konteks pemerkasaan komuniti desa secara sistematik. Kedua, faktor seperti motivasi, minat, sikap, keyakinan diri dan kesedaran diri sering kali dipengaruhi oleh pengalaman latihan, pendedahan kemahiran dan sokongan ekosistem, serta sukar diukur secara objektif tanpa reka bentuk psikometrik yang khusus. Oleh itu, faktor-faktor ini dianggap sebagai hasil tidak langsung kepada pelaksanaan intervensi keusahawanan, bukannya faktor utama yang membentuk struktur model kajian ini.

Universiti Utara Malaysia

Ketiga, faktor seperti modal, dana dan pemasaran pula lebih berkait dengan konteks luaran dan dasar sokongan makro, yang berada di luar skop kawalan penyelidik dan komuniti sasaran kajian. Kajian ini memfokuskan kepada pemerkasaan ekonomi luar bandar melalui pendekatan pembangunan kapasiti dalaman *(internal capacity building)* komuniti batik, sejajar dengan matlamat untuk membangunkan model yang praktikal dan boleh direplikasi tanpa kebergantungan tinggi kepada faktor luaran.

Akhir sekali, pemilihan faktor dalam kerangka kajian ini dibuat secara selektif dan berfokus, bertujuan memastikan model yang dibangunkan adalah ringkas, bersepadu dan relevan dengan konteks kajian lapangan. Faktor-faktor lain yang dikenal pasti melalui sorotan literatur kekal signifikan dari sudut teori, namun diletakkan sebagai rujukan sokongan dan cadangan untuk kajian lanjutan pada masa hadapan.

Jadual 2.11

Faktor-faktor lain

Bil	**Faktor**	**Sumber**					
		Shaari, & Rahman, (2017)	Bennetet al., (2018)	Awang Othman, & Sa'at (2021).	Ullah Khan et al.,& Hussain (2021)	Mohd Yusof &Tahir (2021)	Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof & Zurinah Tahir, 2021.
1.	Motivasi	√					
2.	Pengiktirafan		√				
3.	Sikap			√		√	
4.	Keyakinan diri				√		
5.	Warisan keluarga			√			
6.	Perancangan dan pengurusan				√		
7.	Gaya hidup		√				
8.	Minat					√	
9.	Kesedaran diri					√	
10.	Kemahiran dan pengetahuan					√	
11.	Modal dan dana						√
12.	Pemasaran yang baik						√

Universiti Utara Malaysia

2.10 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Industri Kreatif dan Keusahawanan Batik

Industri kreatif telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor berpotensi tinggi dalam menjana pertumbuhan ekonomi mampan. *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD, 2022) mentakrifkan industri kreatif sebagai aktiviti ekonomi yang melibatkan penciptaan, pengeluaran dan pengedaran barangan dan perkhidmatan yang menggunakan kreativiti dan modal intelek sebagai input utama. Ini termasuk seni reka, muzik, seni persembahan, warisan budaya, penerbitan, filem, animasi dan juga kraftangan tradisional seperti batik.

Menurut Howkins (2001), industri kreatif kini menjadi enjin pertumbuhan ekonomi moden dengan menyumbang kepada nilai tambah negara dan pembentukan pekerjaan baharu. Di Malaysia, Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang diperkenalkan pada tahun 2009 mengiktiraf potensi ekonomi sektor ini, terutamanya dalam meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar melalui pengkomersialan hasil seni dan budaya tempatan. Flew dan Cunningham (2010) menyatakan bahawa penglibatan masyarakat luar bandar dalam industri kreatif bukan sahaja membawa manfaat ekonomi, malah memperkukuhkan identiti budaya dan daya tarikan pelancongan.

Oleh itu, pengembangan industri kreatif di peringkat komuniti berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan desa yang lebih seimbang dan inklusif. Di Malaysia, batik berkembang pesat di negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Menurut Zawawi et al. (2021), keusahawanan batik bukan sahaja bertujuan memelihara warisan budaya, tetapi juga sebagai mekanisme menjana pendapatan melalui pemodenan teknik, reka bentuk dan strategi pemasaran.

Universiti Utara Malaysia

Keusahawanan batik telah menunjukkan keupayaan untuk berinovasi dalam aspek reka bentuk moden, penggunaan bahan mesra alam, serta penggunaan teknologi digital dalam promosi dan pemasaran. Kajian Noraini et al. (2022) menyatakan penggunaan media sosial seperti Instagram dan TikTok dalam mempromosikan batik telah membuka pasaran baharu terutamanya dalam kalangan belia dan pembeli antarabangsa.

Namun begitu, usahawan batik luar bandar masih berdepan cabaran seperti kekurangan modal, akses kepada latihan kemahiran keusahawanan, isu pengeluaran berskala kecil, serta kekangan untuk menembusi pasaran global. Tambahan pula, penglibatan generasi muda dalam industri batik masih rendah, menimbulkan kebimbangan terhadap kelestarian industri ini pada masa hadapan (Hassan & Azmi, 2020). Oleh itu, suatu tindakan proaktif terhadap keusahawanan kreatif hendaklah dilakukan bagi memastikan pemerkasaan komuniti luar bandar dapat direalisasikan.

Universiti Utara Malaysia

Keusahawanan kreatif merupakan satu bentuk keusahawanan yang menumpukan kepada penciptaan nilai berdasarkan kreativiti, budaya dan inovasi. Dalam konteks komuniti luar bandar, keusahawanan kreatif berpotensi untuk memperkasakan golongan rentan termasuk wanita, belia, dan warga emas. Melalui pendekatan ini, komuniti bukan sahaja menjadi penerima manfaat ekonomi, malah berperanan sebagai pengeluar dan pemilik nilai budaya.

Dalam hal ini, keusahawanan kreatif membolehkan komuniti luar bandar mengurus dan mengkomersialkan hasil budaya mereka sendiri, seperti batik, tenunan, ukiran kayu dan makanan tradisional.

Program pembangunan keusahawanan batik di kawasan luar bandar Terengganu telah meningkatkan pendapatan keluarga sebanyak 20% dalam tempoh dua tahun, selain memperkukuh hubungan sosial dan jaringan perniagaan dalam komuniti (Ismail & Rahman (2021). Ini membuktikan bahawa keusahawanan kreatif dapat menjadi alat yang efektif dalam memerangi kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Beberapa kajian empirikal telah meneliti hubungan antara penglibatan dalam industri kreatif dan pembangunan sosioekonomi. Kajian oleh Aziz et al. (2020) terhadap usahawan kraftangan wanita di Sabah mendapati bahawa peningkatan kemahiran reka bentuk dan akses kepada platform e-dagang telah memberikan impak langsung terhadap peningkatan jualan dan kesejahteraan keluarga.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi dan NGO telah membantu usahawan meningkatkan daya saing produk mereka. Dees (2001) pula menekankan bahawa keusahawanan sosial, termasuk yang berasaskan budaya mampu menangani masalah sosial. Antara masalah sosial seperti pengangguran dan peminggiran komuniti luar bandar dengan menyediakan penyelesaian yang berasaskan sumber tempatan. Kejayaan model Grameen di Bangladesh yang menggabungkan seni kraf dan mikrokredit menjadi contoh bagaimana keusahawanan kreatif dapat memperkukuh ketahanan ekonomi komuniti.

Universiti Utara Malaysia

Di Malaysia, beberapa inisiatif seperti Program Pembangunan Usahawan MARA, INSKEN, e-Usahawan dan sokongan daripada Kraftangan Malaysia telah membantu pembangunan industri kreatif luar bandar. Namun, keberkesanan program ini masih perlu dikaji secara lebih holistik, terutamanya dari segi pengukuran impak dan kemampanan jangka panjang.

2.11 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kemahiran Kreatif, Kemahiran Vokasional, dan Kemahiran Keusahawanan

Ekonomi luar bandar tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian atau pekerjaan tradisional, tetapi telah berkembang kepada pelbagai bentuk aktiviti ekonomi baharu yang melibatkan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan keusahawanan. Ketiga-tiga elemen ini telah dikenal pasti sebagai antara pemacu utama kepada transformasi sosioekonomi luar bandar di negara membangun, termasuk Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

Dalam konteks ini, kemahiran kreatif merujuk kepada kebolehan menghasilkan sesuatu yang bernilai estetik dan ekonomi; kemahiran vokasional memberi penekanan kepada aspek teknikal dan praktikal; manakala keusahawanan pula menghubungkan kedua-dua kemahiran tersebut dengan nilai komersial dan pembangunan pasaran. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa intervensi pembangunan komuniti luar bandar melalui gabungan ketiga-tiga kemahiran ini boleh menghasilkan impak yang mampan terhadap pendapatan, keupayaan kendiri, dan kesejahteraan komuniti.

Namun begitu, tahap integrasi dan keberkesanan pendekatan ini berbeza mengikut latar sosioekonomi, sokongan dasar dan tahap penglibatan komuniti. Kemahiran kreatif seringkali dikaitkan dengan ekspresi budaya tempatan seperti seni tekstil batik, tenunan, ukiran, kraf tangan dan reka bentuk visual.

Dalam banyak komuniti luar bandar, kemahiran ini diwarisi turun-temurun namun tidak dikembangkan secara sistematik sebagai sumber ekonomi. Florida (2002) memperkenalkan konsep "kumpulan kelas kreatif" yang berpotensi tinggi untuk membentuk ekonomi masa hadapan, dan dalam konteks luar bandar, kelas ini boleh wujud melalui platform seperti koperasi kraf atau galeri komuniti.

Kajian oleh Musa et al. (2021) mendapati masyarakat luar bandar di Perlis yang mengkomersialkan seni anyaman tradisional berjaya menembusi pasaran pelancongan dan e-dagang. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa nilai produk kreatif meningkat apabila direka bentuk semula dengan mengambil kira citarasa moden serta disertakan naratif budaya *(cultural storytelling).*

Namun demikian, beberapa kekangan telah dikenalpasti seperti ketiadaan latihan formal, kekurangan akses kepada sumber reka bentuk kontemporari, dan ketidaksediaan komuniti untuk berinovasi. Dalam kajian oleh Azhar dan Salina (2020), didapati bahawa walaupun 70% penduduk luar bandar di Kelantan memiliki kemahiran asas dalam kraf batik, hanya 15% yang benar-benar mengkomersialkannya kerana tiada pendedahan kepada nilai pasaran dan perancangan perniagaan.

Universiti Utara Malaysia

Implikasinya, kemahiran kreatif memerlukan suntikan strategik dari segi latihan reka bentuk moden, galakan pembinaan jenama tempatan, dan peluang kolaborasi rentas generasi untuk memastikan ia dapat menyumbang kepada pendapatan yang stabil. Dengan itu, komuniti luar bandar khasnya dari peringkat remaja lagi hendaklah mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran yang berkaitan seperti kemahiran kreatif, kemahiran keusahawanan dan juga kemahiran vokasional. Kemahiran vokasional memberi tumpuan kepada aspek teknikal dan praktikal dalam penghasilan produk atau perkhidmatan. Dalam kajian pembangunan luar bandar, kemahiran ini memainkan peranan penting kerana ia membolehkan individu memanfaatkan sumber setempat dengan cara yang lebih produktif dan efisien.

Kajian oleh Mohd Nor et al. (2022) meneliti keberkesanan Program Kemahiran Vokasional MARA terhadap belia luar bandar yang mengikuti latihan menjahit, membaiki motosikal, kulinari dan pertanian fertigasi. Kajian tersebut mendapati bahawa 63% peserta berjaya membuka perniagaan kecil selepas tamat latihan, dan 41% daripada mereka menjana pendapatan bulanan melebihi RM2,000 peningkatan ketara berbanding sebelum latihan.

Menurut UNESCO (2018), latihan vokasional bukan sahaja memperkasakan komuniti dari sudut ekonomi, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan identiti, jati diri dan pengurangan kadar migrasi belia ke bandar. Di Malaysia, pendekatan TVET *(Technical and Vocational Education and Training)* telah dijadikan teras dalam pembangunan tenaga kerja mahir termasuk di kawasan luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Namun begitu, kajian oleh Hassan dan Idris (2021) menunjukkan bahawa kekurangan pengiktirafan sosial terhadap pekerjaan vokasional serta kurangnya jaringan dengan industri menyebabkan graduan vokasional luar bandar sukar menembusi pasaran pekerjaan atau gagal membina perniagaan sendiri. Oleh itu, latihan kemahiran vokasional memerlukan sokongan ekosistem yang menyeluruh seperti pensijilan, akses kepada peralatan, mentor profesional, dan peluang pasaran ke arah bidang keusahawanan yang lebih mantap.

Keusahawanan berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan kemahiran kreatif dan vokasional dengan nilai ekonomi yang boleh dikomersialkan. Dalam konteks luar bandar, keusahawanan sosial dan mikro memainkan peranan yang lebih penting berbanding keusahawanan berskala besar, kerana ia lebih relevan dengan kapasiti dan sumber komuniti tempatan.

Kajian oleh Fauzi et al. (2022) membuktikan bahawa wanita luar bandar yang dilatih dalam kemahiran menjahit dan pengurusan mikroperniagaan dapat membina rangkaian perniagaan kecil, yang bukan sahaja menambah pendapatan keluarga malah mencipta pekerjaan untuk jiran sekitar. Keusahawanan dalam konteks ini tidak semestinya memerlukan modal besar, tetapi memerlukan literasi kewangan, pengetahuan pemasaran digital dan keyakinan untuk mengambil risiko.

Keusahawanan batik di luar bandar mempunyai potensi eksport apabila dilengkapi dengan latihan reka bentuk dan strategi e-dagang. Namun, faktor kejayaan paling kritikal ialah sokongan institusi termasuk dana mikro, inkubator perniagaan dan pasaran yang telus (Yunus dan Abdullah, 2020).

Oleh itu, keusahawanan perlu dilihat bukan sahaja sebagai satu bentuk pekerjaan, tetapi sebagai satu sistem yang mampu menggerakkan keseluruhan komuniti jika dilaksanakan dengan struktur sokongan yang sesuai.Gabungan antara kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan keusahawanan mewujudkan satu rangkaian nilai yang saling melengkapi dan memperkukuh.

Apabila komuniti desa mempunyai kemahiran kreatif dalam menghasilkan produk unik, kemahiran vokasional dalam menghasilkan produk secara berkualiti dan konsisten, serta kemahiran keusahawanan untuk menembusi pasaran, maka mereka tidak hanya menjadi pekerja, tetapi pencipta ekonomi setempat.

Model-model pembangunan yang berjaya seperti di Bandung melalui program kampung kreatif atau Grameen Shakti di Bangladesh membuktikan bahawa pembentukan modal insan berasaskan kemahiran ini telah membawa perubahan ketara kepada ekonomi komuniti luar bandar. Dalam konteks Malaysia, program seperti DesaMall@KPLB**,** *Rural Business Challenge* dan Kraftangan Malaysia telah cuba menerapkan elemen ini, namun kesannya masih memerlukan kajian jangka panjang untuk diukur secara menyeluruh.

Oleh itu, kajian ini berhasrat membina satu model pemerkasaan ekonomi luar bandar melalui keusahawanan batik yang mengintegrasikan elemen kemahiran, modal insan, dan inovasi, berdasarkan dapatan kajian lapangan yang akan diperoleh.

Universiti Utara Malaysia

2.12 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang sorotan literatur berkaitan pembangunan ekonomi luar bandar, keusahawanan kreatif dan industri batik dengan menumpukan kepada permasalahan utama kajian, iaitu kelemahan kemahiran keusahawanan kreatif dalam kalangan pengusaha batik luar bandar. Perbincangan literatur menunjukkan bahawa walaupun perusahaan batik mempunyai potensi ekonomi dan nilai warisan yang tinggi, kelestariannya masih terjejas akibat pendekatan pembangunan kemahiran yang bersifat terpisah, tidak sistematik dan kurang kontekstual dengan realiti sosioekonomi komuniti luar bandar. Sorotan kajian berkaitan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan secara konsisten menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran teknikal semata-mata tidak mencukupi untuk memastikan daya saing dan kelangsungan perusahaan batik luar bandar.

Sebaliknya, kemahiran tersebut perlu diintegrasikan dengan keupayaan keusahawanan dan sokongan persekitaran yang sesuai bagi membolehkan pengusaha menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran dan keperluan ekonomi semasa. Perbincangan ini mengukuhkan keperluan kepada satu pendekatan bersepadu dalam pembangunan kemahiran keusahawanan kreatif.

Dari sudut teori, literatur menyokong penggunaan Teori Modal Insan dalam menerangkan hubungan antara pembangunan kemahiran dan peningkatan produktiviti, namun aplikasinya dalam konteks industri kreatif luar bandar didapati lebih berkesan apabila digabungkan dengan pendekatan keusahawanan sosial yang menekankan pemerkasaan komuniti dan penyelesaian masalah sosioekonomi setempat.

Gabungan kedua-dua perspektif teori ini menyediakan asas konseptual yang kukuh bagi pembangunan model kajian.

Secara keseluruhannya, sintesis literatur dalam Bab Dua memperlihatkan keperluan untuk membangunkan satu Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif yang mengintegrasikan kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan, serta mengambil kira faktor sokongan luaran yang relevan. Dapatan literatur ini secara langsung menyokong pemilihan pendekatan kaedah campuran dalam kajian ini bagi meneroka faktor-faktor berkaitan secara mendalam dan menilai keberkesanan model yang dicadangkan, seterusnya menyediakan asas kepada perbincangan metodologi dalam Bab Tiga.

UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan


Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan kreatif melalui industri batik. Selain itu untuk menguji keberkesanan modul kemahiran keusahawanan kreatif dalam meningkatkan kemahiran usahawan luar bandar melalui industri batik. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk membina model kemahiran keusahawanan kreatif bagi industri Batik. Bab ini juga membincangkan tentang prosedur pelaksanaan kajian yang mana ianya melibatkan reka bentuk, populasi, sampel kajian, instrumen kajian dan seterusnya prosedur pelaksanaan kajian. Prosedur kajian yang terlibat adalah kajian rintis, prosedur pengumpulan data, penyemakkan data kajian serta prosedur penganalisisan data, iaitu melibatkan data kuantitatif dan kualitatif.

Universiti Utara Malaysia

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan satu pendekatan atau kaedah digunakan dalam sesuatu kajian. Ia juga adalah aspek utama bagi mendapatkan dapatan yang baik dan menjawab segala persoalan kajian yang dibina oleh penyelidik (Creswell, 2014). Manakala, dalam kajian Ravitch dan Riggan (2012) pula menyatakan keseluruhan rangka kerja penyelidikan penting untuk menjawab dan mencapai objektif kajian.


Rekabentuk kajian adalah garis panduan bagi mendapatkan data kajian dan menganalisis data bagi menjawab setiap persoalan kajian (Ling, 2017). Terdapat tiga jenis rekebentuk kajian iaitu kualitatif, kuantitatif, dan gabungan. Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kaedah campuran, iaitu kuantitatif dan kualitatif, sebagaimana dijelaskan dengan mendalam dalam bahagian paradigma kajian. Berikut adalah rajah 3.1 reka bentuk kajian ini.



Rajah 3.1. Rekabentuk kajian

3.2.1 Paradigma Kajian

Kajian ini, menggunakan paradigma penyelidikan komprehensif yang menggabungkan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif untuk meneroka secara mendalam pemerkasaan ekonomi komuniti luar bandar melalui pendekatan keusahawanan batik. Paradigma penyelidikan kaedah campuran ini membolehkan kita memahami dan mentafsir persoalan kajian daripada perspektif dan tahap yang berbeza, meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil penyelidikan (Hussin et al.,2014).



Rajah 3.2. Explanatory Sequential Design

Universiti Utara Malaysia


Rajah 3.2 diatas menjelaskan pendekatan kaedah campuran popular yang diperkenalkan oleh Creswell dan Plano Clark (2018). Reka bentuk ini menjelaskan bahawa pada awalnya pengumpulan data bermula dengan kuantitif terlebih dahulu dan di analisis kemudian, diikuti pengumpulan data kualitatif beserta analisis. Pendekatan ini akan menjelaskan dapatan kuantitif dengan lebih lanjut. Bowen et al., 2017; pengumpulan dua jenis data yang belum diperolehi ini dengan menganalisis data secara berasingan (Creswell & Creswell, 2018),

Terdapat dua fasa yang terlibat dalam kajian ini seperti di rajah 3.3 kerangka kajian.

• Fasa Pertama - kuantitatif: pengumpulan data berangka menggunakan borang soal selidik melalui kaedah tinjauan atau eksperimen. Tujuannya untuk mengenal pasti corak, arah aliran atau perhubungan. Antara faktor yang dikaji adalah kemahiran kreatif, kemahiran vokasional, kemahiran keusahawanan, kolaborasi akademia dan industri, pengiktirafan agensi, persekitaran semula jadi dan persekitaran ekonomi. Fasa pertama kuantitatif diterangkan secara terperinci di 3.6 muka surat 112.


• Fasa kedua- kualitatif: Setelah menganalisis data kuantitatif, penyelidik mengumpul data kualitatif dengan pendekatan seperti temu bual untuk pandangan serta membantu menjelaskan dengan lebih mendalam penemuan kuantitatif tersebut. Fasa kedua kualitatif diterangkan di 3.10 di muka surat 132.

Universiti Utara Malaysia



Rajah 3.3. Kerangka Kajian

Universiti Utara Malaysia



Rajah 3.4. Fasa Kajian Campuran

Universiti Utara Malaysia

Rajah 3.4 adalah rajah yang menunjukkan fasa kajian campuran. Rajah tersebut menunjukkan reka bentuk kajian kaedah campuran (*mixed methods*) yang dilaksanakan secara berfasa. Secara konseptual, aliran rajah menggambarkan integrasi antara pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih komprehensif dan mantap. Pada fasa pertama, melibatkan pengumpulan data kuantitatif melalui prosedur soal selidik dalam kajian utama. Data kuantitatif ini bertujuan menguji, mengesahkan, dan mengukur dapatan awal daripada fasa kualitatif secara empirikal. Analisis statistik yang dijalankan membolehkan penyelidik mengenal pasti hubungan, pengaruh, atau tahap signifikan pemboleh ubah kajian.


Pada fasa kedua, kajian bermula dengan prosedur temu bual yang menghasilkan data kualitatif. Data ini berperanan sebagai asas penerokaan awal bagi memahami fenomena kajian secara mendalam, khususnya berkaitan konstruk, elemen, atau isu utama yang wujud dalam konteks perusahaan batik luar bandar. Hasil analisis kualitatif seterusnya digunakan untuk membentuk asas instrumen kajian, seperti pembinaan item soal selidik atau modul intervensi. Instrumen yang dibangunkan kemudiannya melalui proses ujian rintis, diikuti dengan analisis statistik bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan. Akhir sekali, kedua-dua set dapatan daripada fasa kualitatif dan kuantitatif disepadukan dalam bahagian dapatan kajian. Proses integrasi ini penting bagi memastikan interpretasi yang lebih menyeluruh, di mana kekuatan satu kaedah menyokong kelemahan kaedah yang lain. Pendekatan ini selaras dengan prinsip kajian kaedah campuran yang menekankan triangulasi, pengesahan silang, serta pemahaman fenomena secara holistik.

Universiti Utara Malaysia

Secara keseluruhannya, rajah tersebut memperlihatkan bahawa reka bentuk kajian menggunakan pendekatan yang sistematik, bermula dengan penerokaan kualitatif, diikuti pengesahan kuantitatif, dan diakhiri dengan integrasi dapatan. Reka bentuk ini sesuai digunakan dalam kajian pembangunan model atau modul kerana ia membolehkan penyelidik membina instrumen yang berasaskan realiti lapangan sebelum diuji secara statistik.

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di daerah Pendang Kedah. Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan kepada keperluan kajian dimana ia memfokuskan perusahaan tekstil atau batik yang telah dijalankan oleh komuniti ini, dan juga berdasarkan justifikasi sebagaimana dijelaskan dalam Bab 1 muka surat (14). Rajah 3.5 adalah peta lokasi Kampung Paya Mak Insun terletak di daerah Pendang Kedah.



Rajah 3.5. Peta Lokasi Kampung Paya Insun, Pendang Kedah

"Pendang" berasal daripada perkataan "Pendiat," yang bermaksud lubang atau parit yang digali khusus untuk menangkap dan menjinakkan gajah. Di telaga sejarah yang terletak berhampiran Balai Polis Daerah Pendang, gajah yang telah dijinakkan dibuang. Sejarah menunjukkan bahawa Kubang Anak Gajah adalah tempat di mana anak gajah dipelihara, dan Kampung Gajah Mati adalah tempat di mana gajah yang mati ditanam. Telaga ini adalah telaga asal yang tidak pernah kering walaupun semasa musim kemarau yang panjang. Daerah Pendang masih belum diterokai sepenuhnya, tetapi ia mempunyai sumber yang mencukupi untuk berkembang menjadi sebuah daerah yang maju pada masa hadapan. Sekiranya ia dapat dibangunkan dengan cara yang terancang dan berdisiplin (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah, 2024).

Rajah 3.6 adalah bengkel Komuniti Cyntok Bhatik di Kampung Paya Mak Insun, Pendang Kedah. Bengkel komuniti ini ialah Bengkel Che Ah Enterprise, terletak di Kampung Paya Mak Insun, Pendang Kedah. Pemilik perusahaan ini ialah Puan Basirah binti Abu Bakar yang merupakan anak jati Kampung Paya Mak Insun, Pendang, Kedah. Kemudahan bengkel ini ialah sebagai pusat jahitan, aktiviti membuat batik canting dan batik *tie and die* atau dekenali sebagai batik *eco-print* yang menggunakan sumber alam semula jadi seperti daun-daun, bunga, buah dan kayu. Penduduk sekitar komuniti Kampung Paya Mak Insun, Pendang, Kedah ini majoriti bekerja sekitar kampung.

Universiti Utara Malaysia



Rajah 3.6. Bengkel Komuniti Batik Cyntok di Kampung Paya Mak Insun, Pendang Kedah

3.4 Populasi Kajian

Populasi kajian merujuk kepada keseluruhan kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan relevan dengan objektif penyelidikan (Creswell & Creswell, 2018). Dalam konteks kajian ini, populasi terdiri daripada komuniti yang menetap di Kampung Paya Mak Insun, Pendang, Kedah, yang terbentuk dan berkembang selari dengan kewujudan awal perusahaan Cyntok Bhatik, iaitu sebuah perusahaan batik berskala kecil yang beroperasi secara komuniti. Kewujudan perusahaan ini bukan sahaja berfungsi sebagai entiti ekonomi, malah bertindak sebagai pemangkin kepada pembentukan ekosistem keusahawanan kreatif luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Pemilihan populasi ini adalah berasaskan pendekatan kesesuaian kontekstual *(context-specific population selection),* iaitu populasi yang secara langsung terlibat dengan aktiviti perusahaan batik dan mempunyai pengalaman autentik dalam proses penghasilan, pemasaran serta pengurusan perusahaan kreatif berskala kecil. Menurut Sekaran dan Bougie (2016), populasi yang dipilih hendaklah mempunyai ciri yang selari dengan tujuan kajian bagi memastikan dapatan yang diperoleh mempunyai kesahan luaran dan kebolehgunaan yang signifikan terhadap konteks yang dikaji.

Komuniti ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40**)**, suri rumah dan ibu tunggal yang menjadikan perusahaan batik sebagai sumber pendapatan tambahan atau utama. Penglibatan golongan ini selari dengan agenda pemerkasaan ekonomi luar bandar dan pengurangan kemiskinan melalui pendekatan keusahawanan kreatif (Kementerian Ekonomi Malaysia, 2023). Dalam konteks pembangunan luar bandar, penglibatan wanita, khususnya suri rumah dan ibu tunggal dalam aktiviti perusahaan mikro, dikenal pasti sebagai strategi penting dalam meningkatkan kesejahteraan isi rumah serta mobiliti sosial (UNESCO, 2013; United Nations, 2020).

Universiti Utara Malaysia

Dari perspektif teori pembangunan komuniti, perusahaan batik seperti Cyntok Bhatik boleh ditafsirkan sebagai bentuk community-based enterprise (CBE) yang menggabungkan elemen ekonomi, sosial dan budaya dalam satu kerangka pembangunan setempat (Peredo & Chrisman, 2006). Model ini memberi ruang kepada komuniti untuk membangunkan kemahiran kreatif (hard skills) seperti mencanting dan melukis batik, di samping kemahiran insaniah dan keusahawanan (soft skills) seperti komunikasi, pengurusan kewangan dan jaringan sosial. Hal ini selaras dengan konsep *creative entrepreneurship*, yang menekankan integrasi antara kreativiti, inovasi dan nilai ekonomi dalam sektor industri kreatif (Howkins, 2001; Henry, 2007).

Selain itu, pemilihan populasi daripada kumpulan B40 adalah signifikan kerana golongan ini sering berhadapan dengan kekangan modal, akses pasaran dan peluang latihan formal. Oleh itu, kajian terhadap populasi ini berpotensi menyumbang kepada pembinaan model kemahiran keusahawanan kreatif yang bersifat inklusif dan responsif terhadap realiti ekonomi luar bandar. Pendekatan ini juga menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 1 dan SDG 8) yang menekankan pengurangan kemiskinan serta pertumbuhan ekonomi inklusif (United Nations, 2020).

Secara keseluruhannya, populasi kajian ini dipilih kerana memenuhi tiga justifikasi utama:

1. Relevan secara konseptual – terlibat langsung dalam industri batik sebagai industri kreatif luar bandar;


2. Relevan secara sosioekonomi – terdiri daripada golongan B40, suri rumah dan ibu tunggal yang memerlukan pemerkasaan ekonomi;

3. Relevan secara empirikal – mempunyai pengalaman praktikal dalam aktiviti keusahawanan kreatif yang menyokong pembinaan model kajian.

Dengan demikian, populasi ini bukan sahaja mencerminkan realiti keusahawanan batik di kawasan luar bandar, malah menjadi asas penting dalam pembangunan model kemahiran keusahawanan kreatif yang kontekstual dan berimpak tinggi terhadap pembangunan ekonomi setempat.

Oleh itu, merujuk rajah 3.7 jadual penentu saiz oleh Krejcie and Morgan (1970) menyatakan sekiranya populasi sebanyak 100, saiz sampel yang diperlukan adalah 80 orang. Jadual Krejcie dan Morgan digunakan untuk menentukan saiz sampel minimum yang diperlukan dalam kajian ini, dengan menganggarkan aras keyakinan dan ketepatan yang diingini oleh penyelidik untuk populasi yang diketahui bilangannya (Krejie & Morgan, 1970). Jadual sample saiz ini di sokong dengan justifikasi saiz sampel oleh Lakens, (2022).

Universiti Utara Malaysia



Required Sample Size

Population Size	Confidence = 95%				Confidence = 99%			
	Margin of error				Margin of Error			
	5.0%	3.5%	2.5%	1.0%	5.0%	3.5%	2.5%	1.0%
10	10	10	10	10	10	10	10	10
20	19	20	20	20	19	20	20	20
30	28	29	29	30	29	29	30	30
50	44	47	48	50	47	48	49	50
75	63	69	72	74	67	71	73	75
100	80	89	94	99	87	93	96	99
150	108	126	137	148	122	135	142	149
200	132	160	177	196	154	174	186	198
250	152	190	215	244	182	211	229	246
300	169	217	251	291	207	246	270	295
400	146	265	318	384	250	309	348	391
500	217	306	377	475	285	365	421	485
600	234	340	432	565	315	416	490	579
700	248	370	481	653	341	462	554	672
800	260	396	526	739	363	503	615	763
1,000	278	440	606	906	399	575	727	943
1,200	291	474	674	1,067	427	636	827	1,119
1,500	306	515	759	1,297	460	712	959	1,376
2,000	322	563	869	1,655	498	808	1,141	1,785
2,500	333	597	952	1,984	524	879	1,288	2,173
3,500	346	641	1,068	2,565	558	977	1,510	2,890
5,000	357	678	1,176	3,288	586	1,066	1,734	3,842
7,500	365	710	1,275	4,211	610	1,147	1,960	5,165
10,000	370	727	1,332	4,899	622	1,193	2,098	6,239
25,000	378	760	1,448	6,939	646	1,285	2,399	9,972
50,000	381	772	1,491	8,056	655	1,318	2,520	12,455
75,000	382	776	1,506	8,514	658	1,330	2,563	13,583
100,000	383	778	1,513	8,762	659	1,336	2,585	14,227
250,000	384	782	1,527	9,248	662	1,347	2,626	15,555
500,000	384	783	1,532	9,423	663	1,350	2,640	16,055
1,000,000	384	783	1,534	9,512	663	1,352	2,647	16,317
2,500,000	384	783	1,536	9,567	663	1,353	2,651	16,478
10,000,000	384	784	1,536	9,594	663	1,354	2,653	16,560
100,000,000	384	784	1,537	9,603	663	1,354	2,654	16,584
300,000,000	384	784	1,537	9,603	663	1,354	2,654	16,586

Rajah 3.7. Penentu Saiz

(Sumber: Krejie & Morgan, 1970)

3.5 Persampelan Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bukan kebarangkalian iaitu sampel mudah *(Convinience sampling)*. Persampelan mudah ini dipilih berdasarkan ketersediaan atau berdekatan dengan penyelidik (Noor & Fuzi, 2024). Pendekatan ini sesuai dalam konteks komuniti setempat yang terlibat secara langsung dengan perusahaan batik dan memenuhi kriteria sasaran.

Pemilihan peserta dilaksanakan dengan bantuan pihak Che Ah Enterprise, Pendang, yang berfungsi sebagai penghubung antara penyelidik dan komuniti sasaran. Proses pemilihan dijalankan melalui beberapa peringkat:

1. Pengenalpastian populasi sasaran

Individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perusahaan batik dan jahitan dikenal pasti melalui rekod serta cadangan pihak pengurusan bengkel.

2. Saringan awal melalui temu bual ringkas

Temu bual dijalankan di Bengkel Jahitan dan Batik Che Ah Enterprise, Kampung Paya Mak Insun bagi memastikan peserta memenuhi kriteria seperti:

i. Terlibat dalam aktiviti membuat batik atau jahitan,
ii. Berminat menyertai latihan keusahawanan kreatif,
iii. Bersedia mengikuti keseluruhan sesi modul latihan keusahawanan


3. Persetujuan penyertaan

Peserta yang memenuhi kriteria diberikan penerangan tentang tujuan kajian, prosedur latihan, serta aspek kerahsiaan sebelum persetujuan bertulis diperolehi. Pendekatan ini selari dengan prinsip etika penyelidikan sosial yang menekankan ketelusan, kesukarelaan dan perlindungan hak peserta (Israel & Hay, 2006).

Universiti Utara Malaysia

3.6 Fasa Pertama- Kuantitatif

Kajian kuantitatif dipilih kerana ia bersesuaian dengan teori kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk melihat model kemahiran keusahawanan kreatif bagi industri batik. Set soal selidik diberikan kepada sampel yang telah dipilih dalam kajian ini.



Rajah 3.8. Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif

Universiti Utara Malaysia

Rajah 3.8 adalah berkaitan prosedur pengumpulan data kuantitatif. Penyelidik membuat permohonan kebenaran bagi menjalani penyelidikan. Kebenaran adalah daripada pihak Universiti iaitu Pusat Pengajian Awang Had Salleh, CAS, Universiti Utara Malaysia. Bagi memenuhi peraturan yang telah ditetapkan.Selepas mendapat persetujuan dan kebenaran daripada pihak Pusat Pengajian Awang Had Salleh, CAS, Universiti Utara Malaysia, penyelidik membuat permohonan kebenaran bagi menjalankan penyelidikan daripada Bengkel jahitan dan batik Che Ah Enterprise, Kampung Paya Mak Insun Kedah bagi mendapatkan kerjasama mereka bagi melaksanakan kajian ini.

Pemilihan peserta adalah dengan bantuan Che Ah Enterprise, Pendang dan pemilihan dibuat menerusi temubual di Bengkel Jahitan dan batik Che Ah Enterprise, Kampung Paya Mak Insun, Pendang, Kedah. Seterusnya, proses pembangunan modul latihan, dimana ia adalah berdasarkan dapatan kajian literatur yang memfokuskan kepada kemahiran kreatif, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan. Oleh yang demikian, ujian rintis kepada peserta yang terpilih juga dibuat. Hasil dapatan kajian rintis ini telah melalui semakan pakar dan membuat penambahbaikan. Prosedur pengedaran soal selidik (ujian pra-sebelum) dan (ujian pasca- selepas latihan keusahawanan kreatif. Akhir sekali, analisis data di buat dengan menggunakan *Statistical Package for the Sosial Sciences* (SPSS) version 27. Data ujian pra dan ujian pasca dianalisis secara ujian *t* berpasangan untuk melihat dapatan sebelum dan selepas ujian tersebut dijalankan.


Universiti Utara Malaysia

3.6.1 Fasa Teoritikal

Pada fasa pertama merujuk kepada objektif soalan kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran keusahawanan kreatif melalui industri batik. Tinjauan awal dibuat dari kajian-kajian literatur terdahulu berkaitan faktor dalam kemahiran keusahawanan kreatif

3.6.2 Fasa Pembinaan Modul

Pada peringkat seterusnya adalah untuk membangunkan enam modul latihan kepada golongan usahawan luar bandar. Berikut adalah rajah carta alir proses-proses pembangunan.



Rajah 3.9. Carta Alir RekaBentuk Modul

Pembangunan modul merupakan satu bahan untuk pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu bagi memudahkan peserta belajar dan menguasai modul ini dengan cepat dan tepat. Pembangunan modul ini berdasarkan kajian literatur yang berfokus pada faktor-faktor kemahiran kreatif.

3.6.3 Modul-Modul Latihan

Enam modul tersebut adalah modul i Lukis, modul i Canting, modul i Warna, modul i jahit, modul i kraf dan modul i usahawan. Modul ini dibangunkan bedasarkan kepada elemen yang diperolehi dari kerangka yang telah dibangunkan menerusi kajian literatur yang telah dibuat. Modul tersebut dijelaskan seperti berikut:


3.6.3.1 *Modul Melukis batik*



Rajah 3.10. Modul Melukis Batik

Rajah 3.10 adalah modul melukis batik ini merupakan modul yang memberikan panduan berkaitan cara melukis batik (Rujuk lampiran H). Dalam modul ini peserta akan diajar cara untuk melukis. Kemahiran melukis batik berbeza dengan melukis diatas kertas dan kanvas.

3.6.5.2 Modul Mencanting Batik




Universiti Utara Malaysia

Rajah 3.11. Modul Mencanting Batik

Rajah 3.11 adalah modul mencanting batik yang mana ianya merupakan modul yang memberikan panduan dengan jelas berkaitan cara mencanting batik (Rujuk lampiran I). Dalam modul ini peserta didedahkan dengan kemahiran untuk mencanting. Kemahiran mencanting merupakan sebagai satu latihan penambahbaikan dari segi teknikal cantingan dan memerlukan ketelitian cantingan.

3.6.5.3 Modul Mewarna Batik




Rajah 3.12. Modul Mewarna Batik

Rajah 3.12 adalah modul mewarna batik. Modul ini memberikan panduan berkaitan teknik untuk mewarna batik (Rujuk lampiran G). Dalam modul ini peserta didedahkan kemahiran untuk mewarna batik. Kemahiran mewarna merupakan sebagai satu latihan penambahbaikan dari segi teknikal dan ianya memerlukan ketelitian dan fokus yang tepat untuk mewarna.

Universiti Utara Malaysia


3.6.5.4 Modul Menjahit Pakaian



Rajah 3.13. Modul Menjahit Pakaian

Rajah 3.13 menunjukkan modul menjahit pakaian yang mana ianya memberikan panduan berkaitan cara menjahit pakaian wanita (Rujuk lampiran K). Dalam modul ini peserta didedahkan kemahiran asas untuk melukis pola pakaian, mengukur badan, memotong kain dan menjahit pakaian. Kemahiran jahitan ini sebagai satu latihan kemahiran dalam sektor tekstil dan pakaian.


3.6.5.5 Modul Membuat Kraf



Rajah 3.14. Modul Menjahit Kraf

Rajah 3.14 di atas merupakan modul menjahit kraf, di mana ianya memberikan panduan kepada peserta cara-cara membuat jahitan kraf. Dalam modul ini juga ada disertakan cara membuat bag batik dari awal hingga akhir. (Rujuk lampiran L).

3.6.6.6 Modul Keusahawanan



Rajah 3.15. Modul Keusahawanan

Rajah 3.15 menunjukkan modul keusahawanan, yang mana ianya mempunyai 8 sub topik utama berkaitan keusahawanan. Antaranya ialah keusahawanan satu kerjaya, potensi diri, matlamat diri, asas simpan kira, jualan atas talian, pengurusan diri dan komunikasi dalam perniagaan. Modul ini memberikan panduan berkaitan asas menjadi usahawan (Rujuk lampiran M).

Universiti Utara Malaysia

3.6.3 Pembangunan Instrumen Kajian

Dua instrumen kajian digunakan dalam kajian ini iaitu bagi kajian kuantitatif, instrumen soal selidik dan kajian kualitatif menggunakan temu bual separa struktur. Pada fasa kedua pula merujuk kepada objektif kedua kajian iaitu untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan modul yang telah dibina, sebelum pengkaji membangunkan model kemahiran keusahawanan kreatif bagi industri batik.

Setelah mengenalpasti kesemua faktor yang menyumbang kepada keusahawanan kreatif melalui industri batik, maka pengkaji seterusnya memberikan fokus kepada pembinaan modul yang digunakan oleh peserta kajian di dalam latihan yang diberikan. Hasil dari kesemua dapatan kajian ini, pengkaji telah membina model kemahiran keusahawanan kreatif bagi industri batik.

3.6.4 Pembinaan soal selidik

Pembinaan borang Soal selidik ini adalah adaptasi dari kajian Cyntok Bhatik. Borang ini melibatkan pecahan beberapa bahagian iaitu: Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Soal selidik berkaitan kemahiran bagi setiap 6 Modul). Manakala bahagian C adalah untuk melihat kursus dan kemahiran peserta. Set ujian pra diberikan sebelum latihan bermula dan ujian pasca diberikan kepada responden selepas latihan.

Borang soal selidik diedarkan kepada responden mempunyai tujuh skala jawapan pilihan berbentuk skala likert. Bagi setiap soalan yang dinyatakan dalam borang tersebut mempunyai pilihan skala yang dimaksudkan iaitu (1) "sangat tidak setuju", (2)"tidak setuju", (3) "agak tidak setuju", (4) "neutral", (5)"agak setuju", (6) setuju dan (7)" sangat setuju". Kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang sahih dan benar adalah penting dalam setiap kajian iaitu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Universiti Utara Malaysia

Sebelum soal selidik ini diedarkan ia perlu diuji terlebih dahulu kesahan dan kebolehpercayaannya agar setiap item yang dibina adalah sah ia dilihat mengukur apa yang hendak diukur dan boleh dipercayai ia mempunyai ketekalan dalam perkara yang diukur.

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi menilai keberkesanan instrumen soal selidik yang dibangunkan, khususnya dari segi kefahaman item, kesesuaian skala pengukuran, masa menjawab, serta kebolehpercayaan konstruk. Mengikut saranan Creswell (2014), kajian rintis penting untuk memastikan instrumen adalah sah *(valid)* dan boleh dipercayai *(reliable)* sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Dalam kajian rintis ini, seramai 30 orang responden dipilih secara persampelan kemudahan *(convinience sampling)* daripada kumpulan yang mempunyai ciri-ciri serupa dengan populasi sasaran kajian sebenar.

Universiti Utara Malaysia

Instrumen bagi kajian rintis ini terdiri daripada dua set utama modul, iaitu Modul Jahitan Pakaian dan Modul Keusahawanan. Bagi Modul Jahitan Pakaian, terdapat (7 item) bagi Jahitan Pakaian, (5 item) bagi Jahitan Kraftangan Kreatif, (5 item) bagi Melukis Batik, (5 item) bagi Mencanting Batik, dan (5 item) Mewarna Batik. Manakala bagi Modul Keusahawanan pula, jumlah item bagi Keusahawanan Satu Kerjaya adalah (9 item) Konsep Komunikasi dalam Perniagaan (5 item), Asas Pengurusan Diri (5 item), Mengenal Potensi Diri (5 item), Asas Jualan dan Jualan Atas Talian (6 item), Pengurusan Kewangan (5 item), Simpan Kira (5 item), dan Menetapkan Matlamat Diri (5 item). Kesemua item menggunakan skala Likert 7 mata, daripada 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 7 = Sangat Setuju.

Kajian rintis dilaksanakan secara bersemuka di pusat latihan komuniti. Penyelidik memberikan penerangan ringkas tentang tujuan kajian, cara menjawab soal selidik, dan memastikan peserta memahami setiap pernyataan. Masa yang diambil untuk melengkapkan soal selidik adalah antara 25 hingga 30 minit. Responden juga diminta memberikan maklum balas bertulis mengenai kejelasan item dan kesesuaian bahasa.

3.7.1. Analisis Kebolehpercayaan Soal Sealidik

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan nilai Cronbach's Alpha untuk setiap submodul. Pekali Alpha melebihi 0.70 dianggap memuaskan, manakala melebihi 0.80 dianggap baik (Nunnally & Bernstein, 1994). Berdasarkan maklum balas responden, penambahbaikan terhadap instrumen telah dibuat, termasuk:

- Menggantikan beberapa istilah teknikal jahitan dan batik kepada bahasa yang lebih mudah difahami.
- Menyusun semula item mengikut urutan logik proses pembelajaran.
- Menambah arahan jelas sebelum setiap bahagian soal selidik.
- Memastikan saiz tulisan dan jarak antara item sesuai untuk memudahkan pembacaan.

Kajian rintis ini menunjukkan bahawa semua soalan mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang baik, justeru instrumen ini sesuai digunakan untuk kajian sebenar. Seramai 30 orang peserta yang dipilih oleh Pengusaha bengkel jahitan Che Ah adalah berada di sekitar Kampung Paya Mak Insun. Proses rintis juga membantu mengenal pasti aspek teknikal dan kandungan yang perlu diperhalusi untuk meningkatkan kualiti pengukuran.

Jadual 3.1 dibawah adalah *Tafsiran (Interpretation) Cronbach's Alpha.* yang digunakan bagi menilai ketekalan dalaman *(internal consistency)* instrumen kajian. Kebolehpercayaan merujuk kepada tahap konsistensi sesuatu instrumen dalam mengukur konstruk yang sama secara berulang (Hair et al., 2019; Taber, 2018). Dalam konteks kajian ini, Cronbach's Alpha digunakan bagi menilai tahap keseragaman item-item dalam setiap konstruk kemahiran keusahawanan kreatif yang dibangunkan.

Secara umumnya, nilai Cronbach's Alpha berada dalam julat 0 hingga 1, di mana nilai yang lebih hampir kepada 1 menunjukkan tahap ketekalan dalaman yang lebih tinggi. Berdasarkan Jadual 3.1, tafsiran nilai alpha adalah seperti berikut:

α > 0.9 (Sangat Baik)

Nilai ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Item-item dalam konstruk tersebut mempunyai konsistensi dalaman yang kukuh dan hampir bebas daripada ralat pengukuran. Walau bagaimanapun, nilai yang terlalu tinggi (contohnya melebihi 0.95) boleh menunjukkan kemungkinan pertindihan item (item redundancy) (Hair et al., 2019). Oleh itu, penyelidik perlu memastikan setiap item mengukur dimensi yang berbeza tetapi masih dalam konstruk yang sama.

α = 0.8 – 0.9 (Baik)

Julat ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi dan diterima secara meluas dalam kajian sains sosial dan pendidikan. Nilai dalam kategori ini menandakan bahawa item-item mempunyai keseragaman yang baik dalam mengukur konstruk yang ditetapkan (Field, 2018).

Dalam kajian pembangunan model seperti kajian ini, nilai melebihi 0.80 dianggap memadai untuk menyokong kesahan konstruk pada peringkat awal pembangunan instrumen.

α = 0.7 – 0.8 (Boleh Diterima)

Nilai dalam julat ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan dan masih boleh diterima, khususnya bagi kajian eksploratori atau kajian rintis (pilot study) (Taber, 2018). Dalam konteks pembangunan modul atau model baharu, nilai sekitar 0.70 masih dianggap sesuai sebagai indikator awal ketekalan dalaman.

α = 0.6 – 0.7 (Boleh Dipertimbangkan tetapi Memerlukan Penambahbaikan)

Nilai dalam julat ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sederhana. Instrumen masih boleh digunakan, namun memerlukan semakan terhadap struktur item, pengguguran item yang lemah, atau penambahbaikan dari segi kejelasan bahasa dan kesesuaian kandungan (Hair et al., 2019).

Universiti Utara Malaysia

α < 0.6 (Tidak Boleh Diterima)

Nilai di bawah 0.60 menunjukkan ketekalan dalaman yang rendah dan instrumen tidak sesuai digunakan tanpa pengubahsuaian ketara. Nilai ini mencerminkan kemungkinan item tidak homogen atau tidak benar-benar mengukur konstruk yang sama.

Jadual 3.1

Tafsiran (Interpretation) Cronbach's Alpha

Julat Cronbach's Alpha	**Tafsiran *(Interpretation)***
>0.9	Sangat baik
0.8-0.9	Baik
0.7-0.8	Boleh diterima
0.6-0.7	Boleh dipertimbangkan, tetapi memerlukan penambahbaikan
>0.6	Tidak boleh diterima

Jadual 3.2

Soalan Kaji Selidik Kajian Rintis (n = 30)

Modul/Submodul	**Item**	**Nilai Cronbach's Alpha**	**Interpretasi**
Jahitan Pakaian	7	0.88	Baik
Jahitan Kraftangan Kreatif	5	0.87	Baik
Melukis Batik	5	0.85	Baik
Mencanting Batik	5	0.86	Baik
Mewarna Batik	5	0.87	Baik
Keusahawanan Satu Kerjaya	9	0.90	Sangat Baik
Konsep Komunikasi	5	0.89	Baik
Asas Pengurusan Diri	5	0.88	Baik
Mengenal Potensi Diri	5	0.86	Baik
Asas Jualan & Jualan Atas Talian	6	0.89	Baik
Pengurusan Kewangan	5	0.88	Baik
Simpan Kira	5	0.87	Baik
Menetapkan Matlamat Diri	5	0.85	Baik

Universiti Utara Malaysia

3.8 Kesahan Pakar

Modul ini mendapat pengesahan oleh dari dua orang pakar bidang yang berkaitan bidang iaitu seorang pensyarah dari akademik bidang keusahawanan dan seorang pakar dari industri bidang tekstil dan kraf. Rujuk lampiran N.

Jadual 3.3

Profil pakar

Pakar	Bidang	Pengalaman	Institusi atau Agensi
Pakar 1	Keusahawanan	Lebih daripada 6 tahun	CEDI UUM
Pakar 2	bidang tekstil dan kraf	Lebih dari 10 tahun	Syarikat Arena Cipta Klasik Berhad

Universiti Utara Malaysia

Setelah modul tersebut mendapat persetujuan dan verifikasi dan pengesahan dari dua pakar,penambahbaikan dibuat dan penyelidik mmembuat persediaan untuk latihan kemahiran keusahawanan kepada peserta yang terpilih. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada beberapa ciri iaitu terdiri daripada golongan B40 dan ibu tunggal.

3.9 Pelaksanaan Fasa Latihan Keusahawanan Kreatif

3.9.1 Pengedaran Soal Selidik Dan Panduan Kepada Peserta Atau Responden.

Fasa latihan keusahawanan kreatif ini melibatkan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Semasa fasa ini dijalankan, semua peserta dikehendaki hadir dan menyertai bengkel latihan keusahawanan kreatif ini sehingga selesai.

Sesi pendaftaran, pengenalan dan penerangan diberikan mengenai tujuan kajian, struktur soal selidik dan cara mengisi soalan dengan betul oleh tenaga pengajar terlebih dahulu. Seterusnya peserta dikehendaki menjawab soal selidik ujian pra yang diberikan sebelum meneruskan latihan. Peserta kajian diberikan bimbingan dan panduan untuk menjawab untuk memahami setiap soalan bagi memastikan mereka memberikan jawapan yang sesuai.

Universiti Utara Malaysia

Setelah selesai menjawab, peserta menghantar soal selidik tersebut. Kemudian diteruskan dengan latihan. Selepas tamat satu sesi latihan, peserta diberikan soal selidik ujian pasca pula untuk slot tersebut. Setelah selesai, borang tersebut dikutip semula. Proses pengedaran soal selidik ini dibuat untuk setiap modul sebelum dan selepas latihan mengikut slot. Sebelum tempoh pengumpulan maklumat berakhir, penyelidik menyemak data atau jawapan yang diterima bagi memastikan tiada data hilang dan tidak lengkap. Jika terdapat kekurangan, penyelidik akan mendapatkan respon daripada peserta. Kertas soalan akan dikumpulkan dan diasingkan mengikut ujian pra dan ujian pasca serta mengikut modul sesi latihan.

3.9.2 Sesi Latihan Kepada Peserta

Pelaksanaan Modul latihan digunakan intervensi dilaksanakan secara berstruktur dan berperingkat. Proses bermula dengan fasa persediaan yang memastikan kesahan kandungan modul serta kesediaan peserta. Ujian pra berfungsi sebagai ukuran garis dasar *(baseline measure).* Enam modul latihan bertindak sebagai pemboleh ubah bebas (intervensi), manakala perubahan skor mewakili kesan intervensi terhadap pemboleh ubah bersandar kemahiran keusahawanan kreatif. Hasil analisis statistik seterusnya digunakan untuk membangunkan model kemahiran keusahawanan kreatif yang empirikal.

Berikut gambar semasa sesi latihan dan sesi ujian pra dan ujian pasca dijalankan.



Rajah 3.16. Peserta diajar Untuk Melukis Motif Batik



Rajah 3.17. Peserta Belajar Mencanting Batik



Rajah 3.18. Peserta Melukis dan Memotong Pola Kain.



Rajah 3.19. Peserta Sedang Menjawab Soal Selidik Ujian Pra Dan Ujian Pasca



Rajah 3.20. Sesi Latihan Modul Keusahawanan Kreatif

3.9.3 Pengurusan Data soal selidik

Soal selidik yang diterima disusun mengikut nama dan koding menggunakan P001 sehingga P00100. Seterusnya saringan data dibuat untuk memastikan tiada data yang tidak lengkap dan tersalah isi.

3.9.4 Validasi data

Penyelidik menjalankan validasi terhadap data yang diterima. Soal selidik perlu dipastikan telah diisi dengan lengkap. Tindakan diambil sekiranya terdapat data yang salah dan tidak lengkap. Data yang tidak lengkap dan tidak dijawab tidak diambilkira untuk dianalisis.Setelah selesai pengumpulan data, analisis dibuat menggunakan perisian statistik yang sesuai iaitu SPSS 27. Data yang dianalisis adalah merangkumi demografik responden,bantuan yang diterima dan kursus yang pernah disertai. Manakala data deskriptif dianalisis menggunakan *simple pair t-test.*

Universiti Utara Malaysia

3.10 Pelaksanaan Fasa Kedua- Kualitatif


Fasa kualitatif ini adalah di mana ianya melibatkan kaedah temubual terhadap responden terlibat. Menerusi kajian ini, temubual separa berstruktur telah digunakan sebagai suatu kaedah untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan modul dan jenis-jenis kemahiran yang dipilih oleh peserta setelah mereka melalui latihan yang diberikan. Dapatan ini seterusnya dibuat perbandingan dengan dapatan kajian kuantitatif yang diperolehi. Dalam fasa kualitatif ini, seramai sembilan (9) orang peserta telah dilibatkan bagi menjawab soalan temubual yang telah dibina. Protokol temubual yang disediakan adalah sebagaimana dilampirkan (Lampiran D).

Pemilihan sembilan orang peserta bagi fasa kualitatif dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan *(purposive sampling).* Peserta dipilih daripada kumpulan responden kuantitatif yang telah mengikuti keseluruhan modul latihan dan melengkapkan ujian pra serta ujian pasca.

Pemilihan ini mengambil kira variasi tahap peningkatan skor kemahiran, iaitu tiga peserta dengan peningkatan tinggi, tiga sederhana dan tiga rendah. Pendekatan variasi maksimum ini bertujuan mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap pengalaman peserta serta menjelaskan dapatan kuantitatif secara mendalam. Bilangan sembilan peserta dianggap memadai berdasarkan prinsip ketepuan data (*data saturation*), iaitu apabila tiada tema baharu muncul daripada analisis temu bual (Guest et al., 2006). Pendekatan ini selaras dengan reka bentuk *explanatory sequential mixed-methods* yang mencadangkan pemilihan sampel kualitatif berdasarkan dapatan kuantitatif terdahulu (Creswell & Plano Clark, 2018).

Universiti Utara Malaysia

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk memahami makna atau individu atau kumpulan (Creswell dan Creswell, 2018). Selain itu, terdapat tiga fokus utama dalam mendapatkan data iaitu (1) menghadkan kajian melalui persampelan dan pengambilan bahan kajian, (2) maklumat melalui pemerhatian temubual (3) protokol diwujudkan bagi merekodkan maklumat.



Universiti Utara Malaysia

Rajah 3.21. Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif

Rajah 3.21 di atas adalah prosedur bagi fasa kedua iaitu fasa kualitatif. Langkah pertama ialah penyelidik mendapatkan surat kebenaran pengumpulan data dari pihak Universiti Utara Malaysia. Surat ini berfungsi sebagai dokumen sah yang mengesahkan bahawa kajian dijalankan di bawah pengawasan institusi akademik. Seterusnya penyelidik perlu mendapat kebenaran daripada pemilik atau pengusaha bengkel jahitan dan canting terletak di Kampung Paya Mak Insun, Kedah.

3.11 Prosedur Analisis Tematik

Merujuk pada penyelidikan yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik. Berikut adalah prosedur langkah demi langkah analisis tematik temu bual secara terperinci:

1. Transkripsi dan Pembiasaan Data:

Salin rakaman temu bual secara bertulis (transkripsi).

Baca transkrip berkali-kali untuk memahami data secara mendalam. Pilih

petikan penting yang mewakili persepsi responden.

2. Pengekodan

Pemeriksaan mendalam untuk mengenal pasti kata kunci atau elemen berulang. Tetapkan frasa atau perkataan pendek (kod) sebagai label kepada segmen data. Analisis dilakukan secara manual (menggunakan kad/nota) atau berbantukan perisian.

3. Pembangunan Tema

Susun kod-kod yang berkaitan ke dalam kategori atau kelompok yang lebih besar. Peralihan daripada kod terperinci kepada penciptaan tema yang lebih abstrak.

4. Konseptualisasi dan Tafsiran:

Mentakrifkan konsep yang muncul daripada tema. Mencari hubungan antara tema-tema yang telah dikenal pasti.

Universiti Utara Malaysia

5. Pembangunan Model Konseptual:

Membangunkan model atau perwakilan visual data dan menghubungkan tema dengan teori sedia ada.


6. Triangulasi Data:

Meningkatkan kebolehpercayaan kajian dengan membandingkan data temu bual dengan sumber lain seperti pemerhatian. Proses ini biasanya dilakukan secara berulang (iteratif) sehingga penyelidik mendapat gambaran menyeluruh tentang data tersebut.

UUM
Universiti Utara Malaysia

3.12 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang menggunakan kaedah yang berbeza iaitu kuantitatif dan kualitatif yang bertujuan bagi mengesahkan penemuan data agar dapat mengurangkan kecenderungan yang berkemungkinan wujud dalam satu kajian (Bowen, 2009; Noviar et al., 2019). Pengumpulan data ini melibatkan fasa pertama adalah pengumpulan data kuantitatif dan fasa kedua adalah pengumpulan data kualitatif. Justeru itu kajian ini menggunakan triagulasi data yang akan memberikan maklumat yang tepat dan mendalam seperti Rajah 3.19 di bawah:



Rajah 3.22 Trangulasi Kaedah Campuran

(Sumber: Creswell, 2014).

Dalam fasa pertama, soal selidik diedarkan kepada semua peserta semasa latihan keusahawanan dijalankan untuk melihat kemahiran sebelum dan selepas latihan keusahawanan dijalankan.

Seterusnya, dalam fasa kedua pula, pengkaji menjalankan sesi temu bual secara berstruktur bagi membuat perbandingan dapatan antara kedua-dua kaedah kutipan data tersebut. Kombinasi kedua-dua kaedah ini dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian yang diperolehi (Creswell & Creswell, 2018).

Semasa proses kutipan data kualitatif dibuat, pengkaji akan meneruskan proses temubual ini sehingga berlakunya ketepuan data. Ketepuan data temubual ini dapat dilihat apabila terdapat pengulangan jawapan untuk soalan yang sama. Maka penyelidik tidak akan meneruskan soalan kerana ketepuan data telah diperolehi. Seramai 9 orang responden telah ditemubual dan didapati jawapan berulang. Data yang mempunyai tema yang sama juga akan menjadikan pembinaan tema tidak berlaku sekali lagi (Jasmi, 2012; Hennink & Kaiser, (2022).

3.13 Analisis Data

Prosedur analisis data bagi kajian ini terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu analisis data kuantitatif dan analisis data kualitatif. Penganalisisan data kuantitatif dijalankan dengan menggunakan *IBM SPSS Statistic version 27*. Penganalisisan ini berpandukan objektif kajian. Manakala analisis data kualitatif pula dilakukan secara analisis tematik. Data analisis kualitatif ini digunakan bagi menyokong dapatan kuantitatif.

3.14 Rumusan

Bab ini menghuraikan secara komprehensif keseluruhan pendekatan metodologi yang digunakan dalam kajian bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai secara sistematik, terancang dan berasaskan prinsip penyelidikan saintifik.

Perbincangan dimulakan dengan penerangan terperinci tentang **reka bentuk kajian**, termasuk justifikasi pemilihan pendekatan campuran, jenis reka bentuk kajian kes serta rasional kesesuaiannya dengan persoalan dan objektif kajian. Penjelasan turut merangkumi struktur fasa kajian, pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar, serta kerangka konseptual yang memandu keseluruhan pelaksanaan kajian.

Seterusnya, bab ini memperincikan **lokasi kajian**, termasuk justifikasi pemilihan kawasan berdasarkan kesesuaian konteks dengan fokus kajian, ciri demografi, latar sosioekonomi, serta relevansinya terhadap pembangunan industri kreatif luar bandar. Huraian ini penting bagi menunjukkan kesepadanan antara konteks lapangan dengan konstruk yang dikaji, sekali gus meningkatkan kebolehgunaan dapatan kajian.

Perbincangan mengenai **populasi dan sampel kajian** dijelaskan dengan menyatakan ciri-ciri populasi sasaran, kriteria inklusi dan eksklusi, serta rasional pemilihan kumpulan responden. Kaedah persampelan yang digunakan persampelan mudah turut diperincikan bersama justifikasi teoritikal dan statistik. Penentuan saiz sampel dijelaskan berdasarkan jadual atau formula yang relevan, di samping mengambil kira tahap signifikan, kuasa statistik dan kebolehwakilan populasi.

Bahagian seterusnya menghuraikan secara mendalam proses **pembinaan modul intervensi**, termasuk asas teori yang mendasari pembangunan modul, analisis keperluan, perancangan kandungan, struktur sesi latihan, serta integrasi elemen kemahiran kreatif dan keusahawanan. Setiap modul diperincikan dari segi objektif pembelajaran, hasil pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran, aktiviti praktikal, serta kaedah penilaian. Proses ini turut melibatkan semakan pakar bagi memastikan kesepadanan kandungan dengan konstruk teori dan keperluan sasaran.

Dari aspek **kesahan dan kebolehpercayaan instrumen**, bab ini menerangkan prosedur penilaian kesahan kandungan melalui panel pakar. Ujian kebolehpercayaan pula dijelaskan melalui pekali Cronbach's Alpha bagi menentukan ketekalan dalaman instrumen. Interpretasi nilai kebolehpercayaan dihuraikan berdasarkan piawaian yang diterima dalam penyelidikan sosial.

Perbincangan mengenai **kajian rintis** merangkumi tujuan pelaksanaannya, prosedur pengumpulan data awal, analisis dapatan awal, serta penambahbaikan yang dibuat terhadap instrumen atau modul berdasarkan maklum balas responden dan analisis statistik. Dapatan kajian rintis turut dibincangkan dari segi tahap kefahaman item, tempoh pelaksanaan, dan isu-isu logistik yang dikenal pasti.

Bab ini juga menghuraikan secara sistematik **proses pengumpulan data, termasuk** prosedur pentadbiran soal selidik atau intervensi, garis masa pelaksanaan, etika penyelidikan persetujuan bermaklumat, kerahsiaan data, dan hak responden, serta kaedah penyimpanan dan penyemakan data bagi memastikan integriti dan ketepatan maklumat.

Seterusnya, proses **penganalisisan data kuantitatif dan kualitatif** diperincikan. Analisis kuantitatif melibatkan statistik deskriptif dan inferensi seperti ujian-t, berpasangan mengikut objektif kajian. Analisis kualitatif pula melibatkan proses analisis tematik, pengekodan, pembentukan tema, dan triangulasi data bagi meningkatkan kesahan dapatan. Integrasi dapatan daripada kedua-dua pendekatan dihuraikan sekiranya kajian menggunakan reka bentuk campuran.

Secara keseluruhannya, bab metodologi ini berfungsi sebagai pelan tindakan penyelidikan yang menyeluruh, memastikan setiap prosedur dijalankan secara terancang, telus dan berasaskan standard akademik yang tinggi. Perincian metodologi ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan, malah memperkukuh sumbangan kajian terhadap pembangunan ilmu serta amalan dalam bidang yang dikaji.

Universiti Utara Malaysia

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan analisis yang telah dibuat menggunakan pendekatan kedua-dua kaedah, iaitu secara kuantitatif dan juga kualitatif. Analisis data secara kuantitatif adalah mengunakan program *Statistical Programme for Social Sciences* (SPSS) 27.0, yang merangkumi analisis deskriptif dan ujian *t* berpasangan. Ujian ini dilakukan bagi menganalisis data bagi ujian pra dan pasca, semasa dan selepas latihan dan kursus keusahawanan batik kreatif dilaksanakan. Manakala bagi kaedah kualitatif pula, analisis secara tematik dilakukan terhadap transkripsi temubual bagi mendapatkan tema yang terdapat di dalam dapatan kajian tersebut.

Universiti Utara Malaysia

4.1.1 Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini melibatkan faktor-faktor yang telah dikenalpasti dan mempengaruhi peningkatan kemahiran keusawanan kreatif melalui sorotan kajian terdahulu. Berikut adalah dapatan bagi menjawab setiap objektif dalam kajian ini.

4.2 Objektif kajian 1: Mengenalpasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Keusahawanan Kreatif Melalui Industri Batik.

Analisis terhadap tinjauan literatur yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi peningkatan kemahiran keusahawanan kreatif melalui penglibatan dalam industri batik. Melalui analisis sistematik ke atas pelbagai kajian terdahulu berkaitan industri batik dan pembangunan komuniti luar bandar, terdapat (7) faktor yang telah dikenal pasti menyumbang kepada peningkatan kemahiran kreatif. Setiap faktor tersebut didapati terdapat dalam kebanyakan kajian lepas dan memainkan peranan yang signifikan dalam memperkukuh ekonomi komuniti luar bandar. Justeru, kesemua tujuh (7) faktor tersebut dipilih sebagai faktor yang mempengaruhi peningkatan kemahiran keusahawanan kreatif bagi industri batik di Pendang, Kedah, sebagaimana dinyatakan di bawah.

Universiti Utara Malaysia

4.2.1 Faktor 1: Kemahiran Kreatif

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa kemahiran kreatif dalam penghasilan batik khususnya dari segi rekaan motif, pemilihan warna, dan elemen estetik merupakan faktor penting yang memperkukuh nilai produk dan membolehkannya bersaing di pasaran lebih luas. Kajian oleh Aziz et al. (2020) dan Abdullah et al. (2022) menekankan bagaimana kreativiti dalam rekaan motif berteraskan budaya tempatan memberikan identiti yang kukuh kepada batik luar bandar.

Kajian Salleh et al. (2021) turut menunjukkan bahawa penghasilan corak yang inovatif dan unik dapat meningkatkan nilai pasaran batik, menjadikannya produk berdaya saing tinggi, terutamanya apabila dipasarkan ke pasaran urban atau antarabangsa. Mangnitud perubahan min bagi kemahiran kreatif dapat dilihat bahawa dengan analisis keberkesanan intervensi, sama ada menggunakan ujian statistik seperti ujian t berpasangan untuk memastikan perubahan ini signifikan secara statistik.

4.2.3 Faktor 2: Kemahiran Vokasional

Faktor kedua yang dikenal pasti ialah kemahiran vokasional, yang merangkumi aspek teknikal penghasilan batik seperti mencanting, pewarnaan, penyediaan lilin dan pengendalian peralatan. Kajian oleh Yusof dan Latif (2020) menunjukkan bahawa latihan vokasional yang tersusun secara langsung meningkatkan kualiti produk dan kecekapan pengeluaran. Nordin et al. (2022) pula mendapati bahawa penguasaan teknik pewarnaan dan pemilihan bahan asas seperti fabrik dan lilin menentukan keberhasilan produk yang mampan. Kemahiran ini penting bagi menjamin konsistensi dan reputasi produk batik luar bandar. Mangnitud perubahan min bagi kemahiran vokasional menunjukkan peningkatan kemahiran selepas latihan.

4.2.4 Faktor 3: Kemahiran Keusahawanan

Aspek keusahawanan merupakan tema ketiga yang konsisten dalam literatur sebagai penyumbang utama pemerkasaan ekonomi luar bandar. Kajian oleh Yusoff et al. (2022) dan Kamaruddin et al. (2021) membuktikan bahawa pengetahuan dalam pengurusan perniagaan, pemasaran digital dan literasi kewangan membolehkan pengusaha batik meningkatkan keuntungan dan ketahanan perniagaan.

Universiti Utara Malaysia

Kajian Azman & Zulkifli (2023) pula menekankan kepentingan pembangunan modul keusahawanan berasaskan komuniti yang membantu pengusaha mengenal pasti potensi pasaran dan memaksimumkan hasil perniagaan. Mangnitud perubahan min bagi kemahiran keusahawanan meningkat selepas latihan.

4.2.5 Faktor 4: Kolaborasi Akademia-Industri dalam Pemindahan Ilmu dan Inovasi

Tema keempat ialah kolaborasi antara institusi pendidikan tinggi dan pemain industri batik tempatan. Sharif et al. (2019) menunjukkan bahawa kolaborasi ini menyumbang kepada pembangunan reka bentuk baharu, peningkatan produktiviti dan penerapan teknologi baru.

Ismail et al. (2023) menekankan keberkesanan program pemindahan ilmu (KTP) dalam memperkukuh daya inovasi dan kemahiran pengusaha. Ramli & Chong (2021) pula mendapati bahawa penyelidikan bersama memberi impak langsung kepada pembangunan batik lestari.

4.2.6 Faktor 5: Pengiktirafan Agensi sebagai Pemangkin Keyakinan dan Akses Pasaran

Sokongan daripada agensi kerajaan seperti MARA, Kraftangan Malaysia, dan SME Corp telah dikenal pasti sebagai tema penting dalam membantu perkembangan industri batik luar bandar. Kajian Abdullah et al. (2021) menunjukkan bahawa pengiktirafan dan pensijilan produk dapat meningkatkan keyakinan pelanggan dan kredibiliti produk.

Kajian oleh Rashid et al. (2022) turut menyatakan bahawa pemberian geran serta penyertaan dalam ekspo tempatan dan antarabangsa membuka peluang jaringan dan akses pasaran yang lebih luas bagi usahawan luar bandar.

4.2.7 Faktor 6: Persekitaran Semulajadi sebagai Sumber dan Tarikan Ekopelancongan

Sumber alam sekitar seperti pewarna semula jadi, air sungai bersih dan persekitaran luar bandar yang tenang dikenal pasti sebagai faktor yang menyokong penghasilan batik lestari. Kajian Sulaiman et al. (2023) menunjukkan bahawa lokasi luar bandar yang mempunyai sumber organik memberi kelebihan kepada penghasilan batik ekologi. Kajian Zamri & Yusri (2022) pula mendapati bahawa penggunaan bahan pewarna dari tumbuhan tempatan bukan sahaja mesra alam, tetapi juga memberi nilai tambah kepada pengalaman pelancongan komuniti berasaskan seni dan warisan.

4.2.8 Faktor 7: Persekitaran Ekonomi Melalui Penglibatan Komuniti

Akhir sekali, faktor persekitaran ekonomi . Kajian Hassan et al. (2021) dan Iskandar et al. (2022) menunjukkan bahawa industri batik memberi impak kepada peningkatan taraf hidup, penciptaan pekerjaan, dan pengurangan penghijrahan penduduk muda. Kassim & Mustapa (2023) turut melaporkan bahawa industri kreatif seperti batik mampu menjana pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan apabila komuniti terlibat secara aktif.

Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan analisis secara sistematik terhadap kajian-kajian lepas, dapatlah disimpulkan bahawa faktor-faktor seperti kemahiran kreatif, kemahiran vokasional, kemahiran keusahawanan, sokongan agensi dan kolaborasi dengan akademia berfungsi secara sinergistik dalam memperkukuh ekonomi komuniti desa melalui industri batik. Penemuan ini menegaskan bahawa pendekatan holistik perlu diterapkan untuk menjadikan industri batik sebagai instrumen berkesan dalam pembangunan ekonomi luar bandar yang lestari dan berdaya saing.

4.3 Objektif Kajian 2: Menguji Keberkesanan Modul Keusahawanan Batik Dalam Meningkatkan Kemahiran Usahawan Luar Bandar Melalui Industri Batik

4.3.1 Maklumat Demografi Responden

Kajian ini adalah melibatkan seramai 100 orang peserta kesemuanya, namun responden yang hadir lengkap kesemua bengkel serta menjawab kesemua soal selidik adalah seramai 83 orang.

Peserta yang terlibat adalah dari komuniti luar bandar iaitu komuniti kampung Paya Mak Insun, Pendang Kedah. Maklumat responden yang dinyatakan disini adalah merangkumi jantina, umur, status perkahwinan, bilangan tanggungan, pendapatan, dan pekerjaan semasa. Jadual 4.1 merujuk kepada hasil analisis yang menunjukkan bahawa hampir 89.16% peserta adalah perempuan, hanya lebih kurang 10.84% peserta adalah dalam kalangan lelaki. Manakala, majoriti peserta adalah dalam julat umur antara 20 hingga 30 tahun (n=32; 38.6%), dan diikut rapat dengan julat umur antara 31 dan 40 tahun (n=24; 28.9%).

Manakala peserta yang berumur 51 tahun dan keatas dalam kategori lain-lain hanya (n=16;19.3%) dan umur dalam kategori 41-50 tahun hanya (n=11;13.3%). Daripada Jadual 4.1, jelas menunjukkan bahawa hampir 57.8% peserta telah berkahwin, 34.9% adalah bujang dan selebihnya adalah ibu tunggal iaitu seramai 7.2%.

Bagi maklumat bilangan tanggungan pula 47.0% menunjukkan bilangan tertinggi yang mewakili tiada tanggungan. Jumlah pendapatan isi rumah majoriti peserta kursus mempunyai pendapatan tertinggi sebanyak 62.7% yang bependapatan kurang daripada RM2,500.00 dan jumlah pendapatan kedua tinggi adalah RM2501.00 - RM 3170.00 iaitu sebanyak 7.2%. Diikuti dengan peserta yang hanya menjadi suri rumah sepenuh masa dan 27.7% tidak mempunyai pendapatan. Bagi maklumat pekerjaan semasa peserta, didapati majoriti peserta adalah terdiri daripada tukang jahit iaitu sebanyak 30.1%, terdapat juga peserta juga bekerja sendiri iaitu berniaga. Seterusnya terdapat sebanyak 14.5% adalah suri rumah dan 26.5% tiada pekerjaan.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.1

Maklumat demografik

		Jumlah (n=83)	Peratus %
Jantina	Lelaki	9	10.8
	Perempuan	74	89.2
Umur	20 - 30 tahun	32	38.6
	31 - 40 tahun	24	28.9
	41 - 50 tahun	11	13.3
	Lain	16	19.3
Status Perkahwinan	Bujang	11	34.9
	Berkahwin	48	57.8
	Ibu tunggal	6	7.2
Bilangan Tanggungan	1-2 orang	11	13.3
	3-4 orang	12	14.5
	5-6 orang	16	19.3
	7-8 orang	5	6
	Tiada tanggungan	39	47
Pendapatan	Kurang dari RM2500.00	52	62.7
	RM2501.00-RM3170.00	6	7.2
	RM3171.00-RM3970.00	1	1.2
	RM3971.00-RM4850.00	1	1.2
	Tiada Pendapatan	23	27.7
Pekerjaan semasa	Tukang Jahit	25	30.1
	Kerani	3	3.6
	Peniaga	9	10.8
	Penoreh Getah	1	1.2
	Estimator bengkel	1	1.2
	Pereka Batik	2	2.4
	Pembantu Kedai	2	2.4
	Suri Rumah	12	14.5
	Pelajar	1	1.2
	Setiausaha	1	1.2
	Pekerja Bakeri	1	1.2
	Pembantu Tadbir	2	2.4
	Tidak Bekerja	22	26.5
	Pekerja Am Pejabat	1	1.2

Universiti Utara Malaysia

4.3.2 Latihan atau Kursus

Berikut adalah berkaitan latihan dan kursus yang pernah dihadiri oleh peserta sebelum menghadiri latihan keusahawanan kreatif ini. Jadual 4.2 dibawah adalah maklumat latihan atau kursus keusahawanan yang pernah diikuti oleh peserta sebanyak 32.5% menyatakan Ya dan 67.4% menyatakan tidak pernah menghadiri sebarang latihan atau kursus keusahawanan. Hanya beberapa orang peserta iaitu 30.1% dilihat pernah menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh Risda 2.4%, IKBN 1.2%, Giat Mara 7.2%, Kolej Komuniti 2.4%, NCER 6.0%, JKM 1.2%, Kraftangan 2.4%, KEDA 1.2%, KEMAS 2.4%, Che Ah Enterprise 2.4%, kursus online 1.2% dan terdapat juga peserta yang tidak menghadiri sebarang kursus yang dihadiri.

Jadual 4.2

Maklumat Berkaitan Kursus/Latihan Responden

Latihan Atau Kursus		
Ya	27	32.5
Tidak	56	67.5
Jumlah	83	100
Kursus/Bengkel yang Dihadiri		
Risda	2	2.4
IKBN	1	1.2
Giatmara	6	7.2
KEMAS	2	2.4
NCER	5	6.0
JKM	1	1.2
Kraftangan	2	2.4
KEDA	2	1.2
KEMAS	1	2.4
Che Ah Enterprise	2	2.4
Tiada	58	69.9
Online	1	1.2
Jumlah	83	100

Universiti Utara Malaysia

4.3.3 Dana dan Bantuan, Agensi dan bentuk bantuan

Berikut adalah dana dan bantuan yang diterima peserta. Seterusnya adalah agensi serta organisasi yang terlibat dalam memberikan dana dan bantuan tersebut.Manakala bentuk bantuan juga turut dinyatakan. Jadual 4. 3 merujuk kepada peserta yang pernah menerima sebarang dana atau bantuan daripada agensi, organisasi atau NGO. Majoriti peserta adalah tidak menerima sebarang dana atau bantuan iaitu sebanyak 84.3%. Manakala yang menerima dana atau bantuan hanya lah sebanyak 15.6 % dan bantuan tersebut disumbangkan oleh beberapa agensi seperti Giat MARA 2.4%, JKM 1.2%, Risda 6.0%, KEDA 1.2%, NCER 2.4%. Manakala bentuk bantuan yang diterima oleh peserta, antaranya ialah bantuan peralatan, iaitu sebanyak 18.7%.

Jadual 4.3

Maklumat Dana/Bantuan Responden

Dana / Bantuan		
Ya	13	15.7
Tidak	70	84.3
Jumlah	83	100
Agensi / Organisasi		
Parlimen Pendang & Tokai	2	2.4
Risda	5	6.0
Giatmara	2	2.4
KEDA	1	1.2
NCER	2	2.4
JKM	1	1.2
Tiada	70	84.3
Jumlah	83	100
Bentuk Bantuan		
Peralatan	15	18.7
Lain-lain/ Tiada	68	81.93
Jumlah	83	100

Universiti Utara Malaysia

4.4 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis statistik deskriptif berfungsi untuk mendapatkan maklum balas nilai skor setiap min peserta berkaitan kemahiran kreatif yang mereka sertai. Setiap persetujuan tahap kemahiran kreatif, responden akan menyatakan tahap persetujuan tersebut dengan menggunakan tujuh skala seperti Jadual 4.4 di bawah:

Jadual 4.4

Skala Likert tujuh pemeringkatan

SKOR	Pemeringkatan
7	Sangat setuju
6	Setuju
5	Agak setuju
4	Neutral
3	Agak tidak Setuju
2	Tidak setuju
1	Sangat Tidak Setuju

(Sumber: Bhandari & Nikolopoulou, 2023)

Universiti Utara Malaysia

Bagi menguji keberkesanan modul yang digunakan, pengkaji telah mengadakan ujian pra dan ujian pasca ke atas semua responden terlibat, dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Menerusi kajian ini, terdapat tujuh (7) modul yang terlibat, iaitu; (i) Modul melukis batik (ii) Modul mencanting batik (iii) Modul Mewarna batik (iv) Modul Menjahit pakaian (vi) Modul Menjahit Kraf dan (vii) Modul Keusahawanan Kreatif yang mempunyai lapan sub topik iaitu (i) Keusahawanan satu kerjaya (ii) latihan komunikasi dalam perniagaan (iii) Latihan asas pengurusan diri (iv) Latihan potensi diri (v) Latihan matlamat diri (vi) Latihan pengurusan kewangan (vii) Latihan modul simpan kira (viii) Modul Asas jualan atas talian.

Berikut adalah hasil dapatan berdasarkan ujian pra dan ujian pasca yang telah dilakukan, dan dapatannya dibincangkan secara terperinci mengikut pecahan modul sebagaimana di bawah.

4.4.1 Modul Melukis batik

Modul melukis batik ini bertujuan untuk memberikan garis panduan pada pengguna untuk memahami konsep melukis motif batik. Selain itu, pengguna juga akan memahami cara kemahiran untuk melukis motif batik. Jadual 4.5 adalah perbezaan min ujian pra dan ujian pasca hasil latihan bagi modul melukis batik. Dalam modul ini peserta akan mempelajari cara melukis motif batik. Antara motif yang dipelajari adalah motif flora, geometri, abstrak dan fauna. Motif yang diajar adalah motif-motif asas yang mudah difahami peserta, sebagaimana dijelaskan dalam Bab 3. Skor perbezaan min tertinggi adalah item yang ke-5 iaitu "Saya faham teknik melukis di atas kain dengan betul" iaitu 3.301.

Universiti Utara Malaysia

Manakala, item yang menunjukkan nilai perbezaan min kedua tertinggi pula adalah yang ke dua iaitu "Saya tahu proses untuk melakar motif" dengan nilai 3.277 diikuti dengan item keempat iaitu "Saya tahu alatan yang digunakan untuk melukis di atas kain" dengan nilai perbezaan min 3.229.

Seterusnya, bagi item ketiga pula, "Saya tahu jenis kain yang sesuai untuk melukis" dengan nilai perbezaan min 3.024. Akhir sekali, nilai perbezaan min terendah yang dicatatkan adalah 2.916 iaitu item pertama "Saya tahu melukis di atas kain".

Oleh itu, hasil mendapati kebanyakan pengguna lebih tahu perkara berkaitan proses untuk melakar motif bagi melukis batik berbanding pengetahuan melukis di atas kain.

Jadual 4.5

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Melukis Batik

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1 Saya tahu melukis di atas kain.	2.686	5.602	2.916
2. Saya tahu proses untuk melakar motif	2.349	5.626	3.277
3. Saya tahu jenis kain yang sesuai untuk melukis	2.361	5.385	3.024
4. Saya tahu alatan yang digunakan untuk melukis di atas kain	2.554	5.783	3.229
5. Saya faham teknik melukis di atas kain dengan betul	2.397	5.698	3.301

Universiti Utara Malaysia

Statistik inferensi pada jadual 4.6 di bawah adalah hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul melukis batik. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.619, manakala skor ujian pra ialah 2.469. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)=-20.051$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.619>2.469). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran melukis batik. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran melukis batik mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.6

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Melukis Batik

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Lukis	2.4699	1.49027	-20.051	82	.000	1.43096	Kesan Besar
Pasca Lukis	5.6193	.76866					

4.4.2 Modul Mencanting batik

Modul mencanting batik bertujuan untuk peserta memahami konsep mencanting batik. Selain itu, peserta dapat mengaplikasikan cara mencanting batik. Jadual 4.7 merujuk kepada dapatan hasil ujian modul mencanting batik. Modul ini peserta perlu mengenal peralatan yang digunakan dalam proses mencanting batik. Peserta juga diajar cara menggunakan perlatan tersebut semasa latihan keusahawanan kreatif dijalankan. Skor tertinggi ialah bagi item 4 iaitu "Saya tahu bahan-bahan (kelengkapan) untuk mencanting" dengan nilai perbezaan min sebanyak 3.626. Selain itu, bagi item ketiga "Saya tahu cara mencanting di atas kain" mencatatkan nilai perbezaan min kedua tertinggi iaitu sebanyak 3.614. Di samping itu, item yang mendapat nilai perbezaan min sebanyak 3.482 adalah item kelima "Saya tahu cara mematikan warna kain". Manakala bagi item kedua dan pertama mencatatkan nilai perbezaan min yang sedikit berkurang dari nilai-nilai item yang lain iaitu masing-masing sebanyak 3.409 dan 3.277. Dapat disimpulkan bahawa, para peserta mengenali bahan-bahan yang digunakan untuk mencanting batik berbanding pengetahuan lain secara lebih mendalam seperti jenis-jenis cantingan batik dan konsep proses itu sendiri.

Jadual 4.7

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mencanting Batik

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1 Saya tahu apa itu mencanting	2.542	5.819	3.277
2. Saya tahu jenis-jenis canting	2.048	5.457	3.409
3. Saya tahu cara mencanting di atas kain	2.108	5.722	3.614
4. Saya tahu bahan-bahan (kelengkapan) untuk mencanting	2.108	5.734	3.626
5. Saya tahu cara mematikan warna kain	1.987	5.469	3.482

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.8 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul mencanting batik. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.641, manakala skor ujian pra ialah 2.159. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)=-22.172$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.619>2.159). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran mencanting batik. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran mencanting batik mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.8

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mencanting Batik

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Canting	2.1590	1.36498	-22.172	82	.000	1.43069	Kesan Besar
Pasca Canting	5.6410	.81436					

4.4.3 Modul Mewarna Batik

Modul mewarna batik adalah modul yang berfokus kepada pemahaman konsep mewarna batik. Selain itu peserta juga dapat mengenali alatan dan bahan untuk mewarnakan batik. Jadual 4.9 di bawah merujuk kepada modul mewarna batik. Dalam modul ini peserta diajar untuk mengenali dan mengaplikasikan cara mewarna batik secara berperingkat. Pada item kedua dengan perbezaan min tertinggi (3.037) mendapati para peserta tahu tentang cara mencampur dan membancuh warna. Para peserta pada item keempat pula dilihat mempunyai pengetahuan dalam teknik sapuan berus untuk mewarna dengan nilai perbezaan min 3.024. Diikuti dengan item kelima iaitu sebahagian peserta tahu mematikan warna kain dengan jumlah perbezaan min 3. Namun, sedikit berlainan dengan item pertama iaitu "Saya tahu teknik mewarna batik" dengan perbezaan min 2.928.Begitu juga item ketiga yang merupakan item dengan nilai terendah iaitu 2.808 di mana sebahagian peserta sahaja mengetahui jenis warna untuk digunakan mewarna batik. Oleh itu, hampir keseluruhan peserta memahami konsep mewarna batik dan mengenali alatan berserta bahan yang digunakan untuk mewarna batik.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.9

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mewarna Batik

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya tahu teknik mewarna batik	2.686	5.614	2.928
2. Saya tahu cara mencampur dan membancuh warna	2.722	5.759	3.037
3. Saya tahu jenis warna	2.963	5.771	2.808
4. Saya tahu teknik sapuan berus untuk mewarna	2.722	5.746	3.024
5. Saya tahu cara mematikan warna kain	2.650	5.650	3

Jadual 4.10 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul mewarna batik. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.708, manakala skor ujian pra ialah 2.749. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)$=--14.859, p< .001. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.708>2.749). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran mewarna batik. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran mewarna batik mempunyai peningkatan yang besar.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.10

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mewarna Batik

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Canting	2.7494	1.70676	-14.859	82	.000	1.81424	Kesan Besar
Pasca Canting	5.7084	1.00598					

4.4.4 Modul Menjahit Pakaian

Modul menjahit pakaian ini mengandungi konsep asas jahitan. Modul ini juga memudahkan peserta mengenal alatan jahitan, cara mengukur dan menjahit pakaian asas dengan mudah. Jadual 4.11 adalah merujuk kepada modul menjahit. Dalam modul ini peserta diajar cara mengambil ukuran badan dengan mudah. Peserta juga diajar cara membuat draf pola baju dan memotong serta menjahit pakaian. Kebanyakan peserta didapati mempunyai pengetahuan dalam membuat pola dengan nilai perbezaan min 2.59 diikuti dengan item keempat iaitu "Saya tahu cara menggunting kain dengan betul" iaitu nilai perbezaan minnya adalah 2.53.

Selain itu, analisis menunjukkan peningkatan pengetahuan peserta dalam penggunaan pita pengukur dengan nilai perbezaan min 2.434. Di samping itu, bagi item pertama pula, nilai perbezaan min yang dicatatkan adalah 2.325. Lain pada itu, item kedua dengan soalan "Saya tahu membuat dan mencatat ukuran" telah mencatatkan nilai perbezaan min 2.241. Seterusnya, pada soalan ketujuh, segelintir peserta juga didapati mempunyai pengetahuan tentang jahitan dengan nilai perbezaan min 2.277.

Akhir sekali, dapat dilihat bahawa item keenam menunjukkan nilai perbezaan min terendah iaitu 2.229. Kesimpulannya, pengetahuan peserta bagi modul jahitan berada ditahap yang memberangsangkan dari segi amali dan teori.

Jadual 4.11

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menjahit Pakaian

Soalan	**Min Ujian Pra**	**Min Ujian Pasca**	**Perbezaan Min**
1.Saya tahu cara mengambil ukuran badan	3.277	5.602	2.325
2. Saya tahu membuat dan mencatat ukuran yang diambil	3.409	5.650	2.241
3. Saya tahu membuat pola	3.012	5.602	2.59
4. Saya tahu cara menggunting kain dengan betul	3.253	5.783	2.53
5. Saya tahu menggunakan pita pengukur	3.421	5.855	2.434
6. Saya tahu dan kenal alatan jahitan	3.771	6	2.229
7. Saya mempunyai ilmu dalam bidang jahitan	3.253	5.530	2.277

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.12 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul menjahit pakaian wanita batik. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.717, manakala skor ujian pra ialah 3.342. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -14.096$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.717>3.342). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran menjahit pakaian wanita batik. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran menjahit pakaian wanita batik mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.12

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menjahit Pakaian

Universiti Utara Malaysia

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Jahit	3.3425	1.83882	-14.096	82	.000	1.53517	Kesan Besar
Pasca Jahit	5.7177	.91336					

4.4.5 Modul Menjahit Kraf

Modul menjahit kraf adalah untuk peserta memahami konsep asas kraf. Selain itu, Peserta dapat mengenali alatan untuk membuat kraf seperti menjahit kraf beg menggunakan kain batik yang telah dihasilkan. Jadual 4.13 merupakan analisis ujian pra dan ujian pasca bagi modul menjahit kraf.

Dalam latihan modul ini, peserta menghasilkan sebuah beg dari kain batik. Jadual ini adalah dapatan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul jahitan produk kraftangan kreatif. Didapati skor ujian tertinggi adalah merujuk kepada item 5 iaitu "saya tahu tujuan kemasan akhir untuk kraf kreatif" dengan perbezaan min 2.819. Semasa ujian pra skor ujian adalah 2.903 dan telah meningkat selepas ujian pasca iaitu 5.722.

Skor kedua tertinggi ialah item ke 4 iatu "saya faham kepentingan mempelajari kraf kreatif" dengan perbezaan min sebanyak 2.47. Semasa ujian pra jumlah skor adalah 2.915 dan selepas ujian pasca 5.385. Skor ketiga tertinggi adalah bagi item 1 iaitu "saya tahu jenis-jenis kraf". Skor semasa ujian pra adalah 2.867 dan ujian pasca 5.301 dengan perbezaan min 2.434. Manakala item ke tiga pula ialah "saya tahu menjahit produk kraf kreatif" telah mendapat skor ujian pra 3.024 dan ujian pasca 5.253. Perbezaan min soalan ini ialah 2.229. Item kedua adalah soalan skor terendah iaitu "saya tahu melakar pola beg kraf" dengan skor ujian pasca 2.867 dan skor ujian pasca 4.927 dengan perbezaan min hanya 2.434. Secara kesimpulannya item 5 mendapat skor tertinggi yang ketara kerana peserta mudah faham dan tahu tujuan kemasan akhir untuk kraf kreatif. Bagi item kedua yang mempunyai skor terendah pula peserta merasa kesukaran untuk melukis sebuah pola bag kraf kerana mereka masih belum mahir dan faham untuk melakar pola tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.13

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menjahit Kraf

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1 Saya tahu jenis-jenis kraf	2.867	5.301	2.434
2.Saya tahu melakar pola beg kraf	3.012	4.927	1.915
3.Saya tahu menjahit produk kraf kreatif	3.024	5.253	2.229
4. Saya faham kepentingan mempelajari kraf kreatif	2.915	5.385	2.47
5. Saya tahu tujuan kemasan akhir untuk kraf kreatif	2.903	5.722	2.819

Jadual 4.14 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul menjahit kraf batik. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.313, manakala skor ujian pra ialah 2.944. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -20.051$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.313>2.944). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran menjahit kraf batik. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran menjahit kraf batik mempunyai peningkatan yang besar.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.14

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menjahit Kraf

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Jahit Kraf	2.9446	1.46581	-20.051	82	.000	1.34036	Kesan Besar
Pasca Jahit Kraf	5.3133	1.10881					

4.4.6 Jadual Keseluruhan Perbezaan Min Kemahiran Kreatif Batik

Secara keseluruhannya didapati perbezaan min bagi ujian pra dan ujian pasca bagi keseluruhan model latihan kemahiran batik. Jadual 4.15 merujuk kepada dapatan ujian pra bagi lima (5) modul keusahawanan batik iaitu modul melukis batik, modul mencanting batik, modul mewarna batik, modul jahitan dan modul jahitan kraf. Berikut adalah dapatan skor bagi ujian pra yang telah dijalankan. Modul jahitan ini mendapat skor tertinggi iaitu 3.34 (1.838). Rata- rata peserta didapati sudah biasa dan mempunyai pengalaman dan pendedahan dalam bidang jahitan.

Seterusnya adalah modul jahitan kraf, Skor ujian pra bagi modul menjahit kraf adalah sebanyak 2.94 (1.465), peserta didapati mempunyai kemahiran sederhana dalam jahitan kraf. Manakala, nilai min modul mewarna batik ialah 2.74(1.706) ini menunjukkan peserta mempunyai pengetahuan yang asas dalam mewarna batik. Bagi modul melukis batik min ujian pra hanya mendapat 2.46 (1.490) menunjukan kemahiran awal mereka lebih rendah dalam melukis batik kerana melukis adalah mudah.

Akhir sekali, nilai min bagi modul mencanting batik iaitu 2.15 (1.364), ini bermakna peserta kurang pendedahan dan pengalaman sebelum latihan berkaitan mencanting batik diberikan. Secara keseluruhannya data ujian pra menunjukkan peserta hanya mempunyai pendedahan yang tinggi dalam bidang jahitan dan menjahit kraf, namun pengalaman peserta dalam mencanting dan melukis batik agak rendah.

Hasil dapatan ujian pasca pula menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta telah meningkat, iaitu setelah peserta mengikuti latihan keusahawanan kreatif batik dengan lengkap. Modul mewarna batik mempunyai nilai-*t iaitu t=-14.859* dan tahap signifikan *p=0.000.* Min bagi Modul mewarna batik ialah 5.70 (1.005).

Oleh itu, min modul mewarna batik mempunyai pencapaian yang tertinggi. Seterusnya, modul mencanting batik nilai *t* iaitu *t=-16.100* dan tahap signifikan *p=0.000.* Modul mencanting batik adalah kedua tertinggi dengan min 5.64 (0.814) yang menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mencanting batik.

Bagi modul melukis batik pula, *nilai-t* adalah *t=-20.051* dan tahap signifikan *p=0.000.* min modul ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.61 (0.768). Modul jahitan kraf*,* nilai *t* bagi modul ini *t=-16.100* dan tahap signifikan *p=0.000.* Nilai min pula adalah 5.31 (1.108) menjelaskan bahawa peserta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam jahitan kraf. Modul yang terakhir iaitu modul jahitan. Hasil dapatan mendapati nilai *t* bagi modul jahitan ialah *t=-14.096* dan tahap signifikan *p=0.000.* Modul jahitan dengn nilai min 5.11 (0.913) menunjukkan nilai min yang kekal dalam kemahiran jahitan ini.

Secara kesimpulannya, modul mencanting batik menunjukkan hasil pembelajaran yang mendapat skor paling tinggi, diikuti oleh modul melukis dan mewarna batik. Semua modul menunjukkan peningkatan yang ketara secara statistik (p <.001), menunjukkan keberkesanan latihan.

Jadual 4.15

Perbezaan Min Bagi Keseluruhan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kemahiran Kreatif Batik

Nombor Item	**Min Ujian Pra (SD)**		**Min Ujian Pasca (SD)**		**Perbezaan Min Ujian Pre dan Pasca**	***t***	***p***
Modul melukis batik	2.46	(1.490)	5.61	(.768)	3.15	-20.051	.000
Modul mencanting batik	2.15	(1.364)	5.64	(.814)	3.49	-22.172	.000
Modul mewarna batik	2.74	(1.706)	5.70	(1.005)	2.96	-14.859	.000
Modul Jahitan	3.34	(1.838)	5.71	(.913)	2.37	-14.096	.000
Modul Jahitan Kraf	2.94	(1.465)	5.31	(1.108)	2.37	-16.100	.000

4.4.7 Sokongan Teori Kemahiran Kreatif Batik

Teori Modal Insan *(Human Capital Theory)* dipelopori oleh Schultz (1961) dan Becker (1964), yang menegaskan bahawa pelaburan dalam pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran akan meningkatkan produktiviti individu serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Universiti Utara Malaysia

Modal insan merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, kecekapan, pengalaman dan atribut individu yang mempunyai nilai ekonomi dan boleh dipertingkatkan melalui latihan formal atau tidak formal. Menurut Becker (1993), latihan yang diberikan kepada individu akan meningkatkan keupayaan mereka menghasilkan output yang lebih berkualiti dan bernilai tinggi. Dalam konteks industri kreatif, modal insan bukan sahaja melibatkan kemahiran teknikal tetapi juga kemahiran kreatif, inovatif dan keusahawanan.

4.4.8 Modul Keusahawanan Kreatif

Modul keusahawanan ini telah dibahagikan kepada lapan (8) pecahan sub topik iaitu i) Modul keusahawanan satu kerjaya ii) Modul komunikasi dalam perniagaan iii) Modul asas pengurusan diri iv) Modul mengenal potensi diri v) Modul bagaimana menetapkan matlamat diri vi) Modul pengurusan kewangan vii) Modul simpan kira viii) Modul Asas jualan dan jualan atas talian.

Universiti Utara Malaysia

4.4.8.1 Modul Keusahawanan Satu Kerjaya

Modul ini adalah untuk peserta memahami konsep keusahawanan sebagai satu kerjaya. Peserta juga perlu tahu kemahiran menjadi usahawan dan pserta boleh mengenalpasti kebolehan mereka untuk menjadi seorang usahawan.

Jadual 4.16 merujuk kepada fokus usahawan sebagai satu kerjaya. Peserta diberikan latihan untuk memahami dan mengenali jenis keusahawanan sebagai satu kerjaya. Nilai perbezaan min tertinggi adalah 1.939 berkenaan item tiga “Saya faham perbezaan antara tanggungan tidak terhad”.

Perbezaan min kedua tertinggi pula adalah 1.856 iaitu bagi item kedua “Saya tahu dua jenis perniagaan” diikuti dengan nilai perbezaan min bagi item keempat iaitu 1.855 dengan mewakili pengetahuan peserta tentang bentuk pemilikan perniagaan.

Di samping itu, bagi item kelima pula, kebanyakan peserta juga mengetahui tentang ciri-ciri yang perlu ada pada seorang usahawan dengan nilai perbezaan min 1.783. Tambahan pula, sebahagian peserta juga mempunyai pengetahuan yang jelas tentang keusahawanan menjadikan nilai perbezaan min tercatat sebanyak 1.615. Seterusnya, bagi item pertama, iaitu “Saya tahu kebolehan saya dalam keusahawanan” dengan catatan nilai perbezaan min 1.205 menunjukkan peserta mempunyai keupayaan masing-masing untuk menjadi seorang usahawan.

Peserta juga dilihat mempunyai hasrat untuk menjadi usahawan dengan nilai perbezaan min 1.109. akhir sekali, bagi kedua-kedua item kesembilan dan kelapan yang menunjukkan nilai perbezaan min terendah masing-masing sebanyak 0.94 dan 0.759. oleh itu, peserta rata-rata memahami dan mempunyai pengetahuan berkenaan asas bidang keusahawanan.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.16

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Keusahawanan Satu Kerjaya

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya tahu kebolehan saya dalam keusahawanan	4.096	5.301	1.205
2. Saya tahu dua jenis perniagaan	3.698	5.554	1.856
3. Saya faham perbezaan antara tanggungan terhad dan tanggungan tidak terhad	3.530	5.469	1.939
4. Saya tahu bentuk pemilikan perniagaan	3.831	5.686	1.855
5. Saya mengetahui ciri - ciri yang perlu ada pada seorang usahawan	4	5.783	1.783
6. Saya mempunyai pengetahuan yang jelas tentang keusahawanan	3.939	5.554	1.615
7. Saya mempunyai hasrat untuk memulakan perniagaan saya sendiri	4.975	6.084	1.109
8. Saya memerlukan bimbingan dalam memulakan perniagaan saya sendiri	5.554	6.313	0.759
9. Saya mempunyai modal untuk memulakan perniagaan saya sendiri	3.493	4.433	0.94

Jadual 4.17 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul keusahawan satu kerjaya. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.654, manakala skor ujian pra ialah 3.898. Nilai yang diperolehi adalah t (82)= -18.900, $p < .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.654>3.898).

Universiti Utara Malaysia

Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran keusahawan satu kerjaya. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran keusahawan satu kerjaya mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.17

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Keusahawanan Satu Kerjaya

Ujian	**Purata Min**	**Sisihan Piawai (SD)**	**Nilai t** ***(t-value)***	**df**	**Nilai P** ***(p-value)***	**Cohen's d**	**Keputusan**
Pra Satu kerjaya	3.8983	3.8983	-18.900	82	.000	.84663	Kesan Besar
Pasca satu kerjaya	5.6546	5.6546					

Universiti Utara Malaysia

4.4.8.2 Modul Komunikasi Dalam Perniagaan

Modul komunikasi dalam perniagaan merupakan satu modul merujuk kepada keutamaan komunikasi dalam perniagaan. Jadual 4.18 merujuk kepada modul Komunikasi dalam Perniagaan. Latihan yang diberikan kepada peserta dengan menggunakan modul ini adalah untuk melihat kefahaman peserta berkaitan komunikasi dalam perniagaan. Kemahiran komunikasi amat penting dalam perniagaan kerana ia mempermudahkan urusan jual beli.

Bagi item dengan jumlah perbezaan min tertinggi iaitu item kelima, nilai yang tercatat adalah 2.277 membawa kepada tahap ilmu komunikasi dalam perniagaan para peserta berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, para peserta dilihat mengetahui jenis-jenis komunikasi dalam perniagaan dengan nilai perbezaan min adalah 2.012.

Namun begitu, nilai perbezaan min bagi item pertama iaitu “Saya tahu makna komunikasi” menunjukkan pengurangan kepada 1.819. Sebahagian peserta didapati mengetahui tujuan berkomunikasi dalam perniagaan dengan nilai perbezaan min 1.747. Akhir sekali, item dengan nilai perbezaan min terendah adalah item kedua, menunjukkan tidak semua peserta tahu bahawa berkomunikasi itu merupakan satu kepentingan dalam perniagaan dengan dapatan sebanyak 1.643. Secara kesimpulannya peserta telah tahu betapa pentingnya kemahiran berkomunikasi untuk menjadi usahawan.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.18

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Komunikasi Dalam Perniagaan

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya tahu makna komunikasi	4.289	6.108	1.819
2. Saya sedar bahawa komunikasi penting di dalam kehidupan kita	4.67	6.313	1.643
3. Saya tahu tujuan komunikasi	4.433	6.180	1.747
4. Saya tahu jenis-jenis komunikasi	3.975	5.987	2.012
5.Saya mempunyai ilmu dalam komunikasi	3.409	5.686	2.277

Jadual 4.19 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul komunikasi dalam perniagaan. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 6.185, manakala skor ujian pra ialah 4.057. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -13.093$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (6.185>4.057). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran komunikasi dalam perniagaan. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran komunikasi dalam perniagaan mempunyai peningkatan yang besar.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.19

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Komunikasi Dalam Perniagaan

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra komunikasi	4.0578	1.66353	-13.093	82	.000	1.48047	Kesan Besar
Pasca komunikasi	6.1855	.52152					

4.4.8.3 Modul Asas Pengurusan Diri

Modul Asas Pengurusan Diri adalah satu modul latihan yang memerlukan peserta mengetahui dan memahami asas pengurusan diri mereka. Berdasarkan jadual 4.20, para peserta diuji dengan tahap kesediaan mereka dalam tatacara pengurusan diri. Bagi item tertinggi iaitu item pertama "Saya tahu mengenai ilmu asas pengurusan" dengan catatan nilai perbezaan min sebanyak 2.289 menunjukkan para peserta sudah sebati dengan ilmu asas pengurusan diri. Seterusnya, bagi item ketiga, para peserta dilihat bersedia dengan sumber-sumber yang ada berkenaan pengurusan diri dengan nilai perbezaan min kedua tertinggi iaitu 1.795.

Selain itu, bagi item keempat pula, "Saya tahu bagaiman menguruskan masa dengan baik" menunjukkan sebahagian peserta sangat peka dengan masa menjadikan catatan perbezaan min adalah 1.675. Di samping itu, setiap peserta mempunyai cara yang tersendiri dalam memperbaiki diri, namun tidak bagi semua peserta menjadikan nilai perbezaan min yang didapati adalah sebanyak 1.434.

Universiti Utara Malaysia

Akhir sekali, item kelima jelas menunjukkan bahawa hanya sebahagian peserta sahaja yang menyedari ilmu pengurusan diri sangat penting dalam kehidupan seharian dengan nilai perbezaan min 1.301. Oleh itu, penting bagi setiap peserta mempunyai perancangan yang tersendiri dalam mengurus diri masing-masing ke arah yang lebih baik.

Jadual 4.20

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Diri

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya tahu mengenai ilmu asas pengurusan	3.361	5.650	2.289
2. Saya sedar ilmu pengurusan diri sangat penting	4.915	6.216	1.301
3. Saya tahu sumber-sumber yang saya ada	3.602	5.397	1.795
4. Saya tahu bagaimana menguruskan masa dengan baik	4.108	5.783	1.675
5. Saya tahu bagaimana untuk memperbaiki diri saya	4.421	5.855	1.434

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.21 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul pengurusan diri. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.985, manakala skor ujian pra ialah 4.069. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -16.272$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.985>4.069).

Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini

telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran pengurusan diri. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran pengurusan diri mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.21

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Diri

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Pengurusan	4.0699	1.38896	-16.272	82	.000	1.07255	Kesan Besar
Pasca Pengurusan	5.9855	.62374					

Universiti Utara Malaysia

4.4.8.4 Modul Mengenal Potensi Diri

Modul ini memerlukan peserta bersedia untuk mengenali potensi diri mereka dengan mengetahui kekuatan serta kelemahan diri masing-masing. Berdasarkan jadual 4.22, para peserta dinilai dari aspek potensi yang ada pada diri masing-masing. Antaranya, rata-rata peserta mengetahui potensi yang ada pada diri masing-masing iaitu item kelima dengan catatan perbezaan min sebanyak 1.663. Selain itu, kebanyakan peserta sedar bahawa setiap kelemahan yang ada pada diri mereka memberikan masalah kepada mereka. Nilai perbezaan min yang tercatat adalah 1.614.

namun, hanya sebahagian peserta sahaja dilihat menyedari kelemahan yang ada pada diri masing-masing seperti yang ditunjukkan pada item kedua dengan nilai perbezaan min 1.566. daripada item ketiga pula dapat dilihat bahawa tidak semua peserta dapat mengenal pasti peluang-peluang yang terhasil dari kekuatan mereka sendiri dengan nilai perbezaan min 1.542 diikuti oleh item pertama dengan nilai perbezaan min terendah iaitu 1.47 menunjukkan kurangnya kesedaran peserta berkenaan kekuatan diri masing-masing.

Jadual 4.22

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Mengenal Potensi Diri

Soalan	**Min Ujian Pra**	**Min Ujian Pasca**	**Perbezaan Min**
1. Saya sedar mengenai kekuatan diri saya	4.084	5.554	1.47
2. Saya sedar mengenai kelemahan yang ada pada diri saya	4.156	5.722	1.566
3. Saya tahu apakah peluang-peluang yang ada hasil daripada kekuatan diri saya	3.939	5.481	1.542
4. Saya sedar kelemahan diri saya akan memberikan masalah kepada saya	4.301	5.915	1.614
5. Saya tahu potensi yang ada pada diri saya	4.108	5.771	1.663

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.23 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul latihan potensi diri. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.862, manakala skor ujian pra ialah 3.973. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -12.376$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.862>3.973). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran potensi diri. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran potensi diri mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.23

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Potensi Diri

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Potensi	3.9735	1.55666	-12.376	82	.000	1.39065	Kesan Besar
Pasca Potensi	5.8627	.59831					

4.4.8.5 Modul Menetapkan Matlamat Diri

Modul ini memberikan kepada peserta pendedehan tentang bagaimanana untuk mengenalpasti penetapan bagi matlamat kerjaya mereka. Berdasarkan jadual 4.24, para peserta modul dinilai dari sudut kebolehan dalam mencapai matlamat diri. Bagi item dengan nilai perbezaan min tertinggi iaitu item kelima "Saya tahu bagaimana menetapkan matlamat dengan menggunakan pendekatan SMART" dicatatkan sebanyak 2.771.

Diikuti dengan item keempat, “Saya pernah mendengar pendekatan SMART”, nilai perbezaan min yang tercatat adalah 2.373 menunjukkan tidak semua peserta tahu mengenai pendekatan SMART, namun, ramai yang menggunakannya. Seterusnya, peserta dinilai dari segi perancangan mereka pada lima tahun akan datang pada item pertama. Perbezaan min yang dicatatkan adalah 1.639 menunjukkan sebahagian peserta mempunyai perancangan yang tersendiri buat diri mereka bagi lima tahun ke hadapan. Bagi item kedua pula, sebahagian peserta sahaja mempunyai cita-cita yang jelas dengan nilai perbezaan min sebanyak 1.518. Namun, yang paling ketara menunjukkan nilai perbezaan min terendah adalah item ketiga dengan nilai -2.277 iaitu semua peserta tidak tahu bagaimana untuk mencapai cita-cita mereka.

Jadual 4.24

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Menetapkan Matlamat Diri

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya mempunyai perancangan untuk 5 tahun yang akan datang	4.144	5.783	1.639
2. Saya mempunyai cita-cita yang jelas	4.253	5.771	1.518
3. Saya tahu bagaimana untuk mencapai cita-cita saya	8.036	5.759	-2.277
4. Saya pernah mendengar pendekatan SMART	3.361	5.734	2.373
5. Saya tahu bagaimana menetapkan matlamat dengan menggunakan pendekatan SMART	3.024	5.795	2.771

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.25 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul matlamat diri. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.828, manakala skor ujian pra ialah 3.597. Nilai yang diperolehi adalah t (82)= -14.130, p< .001. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.828>3.597). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai t negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran matlamat diri. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran matlamat diri mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.25

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Matlamat Diri

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Matlamat	3.5976	1.45987	-14.130	82	.000	1.43866	Kesan Besar
Pasca Matlamat	5.8289	.85033					

4.4.8.6 Modul Pengurusan Kewangan

Modul ini membincangkan tentang bagaimana peserta dapat menguruskan kewangan dengan baik. Jadual 4.26 merujuk kepada peserta yang didedahkan dengan modul pengurusan kewangan. Dalam modul tersebut, peserta ditanya berkenaan pengetahuan peserta dalam mengira kos seperti ditunjukkan pada item pertama. Perbezaan min yang dicatatkan adalah sebanyak 2.084 iaitu nilai yang tertinggi dalam proses penilaian peserta.

Di samping itu, peserta juga tahu bagaimana untuk mengira keuntungan. Merujuk kepada item kedua, perbezaan min yang diperoleh adalah 2.024 iaitu menunjukkan peserta dapat mengira keuntungan yang diperoleh. Selain itu, bagi item ketiga pula, nilai perbezaan min mencatatkan penurunan kerana tidak semua peserta tahu mengira titik pulang modal yang mereka keluarkan.

Seterusnya, hanya segelintir peserta dilihat mempunyai pengetahuan dalam mencatat atau merekodkan wang tunai keluar dan masuk dengan catatan nilai perbezaan min 1.772 diikuti dengan item kelima iaitu "Saya tahu menyediakan invois" yang menunjukkan nilai perbezaan min yang terendah sebanyak 1.614 sahaja. Oleh itu, ramai peserta yang sedia maklum dengan tatacara mengurus kewangan mereka baik dari segi perkiraan kos dan keuntungan termasuklah mencatat aliran keluar dan masuk wang.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.26

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Kewangan

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya tahu mengira kos	3.156	5.240	2.084
2. Saya tahu mengira keuntungan	3.289	5.313	2.024
3. Saya tahu mengira titik pulang modal	3.096	5	1.904
4. Saya tahu mencatat/merekodkan wang tunai keluar dan masuk	3.228	5	1.772
5. Saya tahu menyediakan invois	3.084	4.698	1.614

Jadual 4.27 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul kewangan. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.419, manakala skor ujian pra ialah 2.98. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -22.057$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.419>2.898). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran kewangan. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran kewangan mempunyai peningkatan yang besar.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.27

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Pengurusan Kewangan

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Kewangan	2.8988	1.15921	-22.057	82	.000	1.04108	Kesan Besar
Pasca kewangan	5.4193	.77435					

4.4.8.7 Modul Simpan Kira

Modul ini membimbing peserta untuk mengetahui cara membuat asas simpan kira. Pendedahan ini penting kerana peserta akan faham bagaimana untuk merekodkan keuntungan perniagaan mereka. Merujuk kepada jadual 4.28, modul ini memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan simpan kira wang perniagaan. Bagi item yang mencatatkan nilai perbezaan min tertinggi adalah item pertama iaitu 1.891.

Peserta dilihat memahami cara untuk merekod transaksi perniagaan. selain itu, item ketiga pula, "Saya faham tentang catatan bergu" mencatatkan nilai perbezaan min sebanyak 1.879 iaitu sedikit rendah berbanding item pertama. Di samping itu, modul ini sedikit sebanyak memberikan pemahaman kepada peserta tentang cara membaca imbangan duga dengan nilai perbezaan min 1.819. Seterusnya, item kelima iaitu "Saya faham membaca penyata kewangan" oleh setiap peserta menunjukkan perbezaan min sebanyak 1.771 yang berkurang berbanding item sebelumnya yang membawa maksud kepada tahap pemahaman peserta sedikit berkurangan.

Akhir sekali, item yang mendapat nilai perbezaan min terendah iaitu item kedua “Saya faham membaca untung dan rugi” dengan sebanyak 1.571. Oleh itu, para peserta dilihat lebih memahami cara merekod transaksi perniagaan berbanding membaca untung dan rugi perniagaan yang boleh dikatakan agak rumit bagi peserta.

Jadual 4.28 adalah berkaitan latihan simpan kira. Ia menunjukkan skor min ujian pra dan ujian pasca. Skor min menunjukkan perbezaan markah ujian pra dan ujian pasca. Berdasarkan jadual, keputusan menunjukkan bahawa skor min peserta adalah berbeza. Dapat dilihat bahawa skor min ujian pasca ialah 4.913, manakala skor min ujian pra ialah 2.744 skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (4.913>2.744). Secara kesimpulannya didapati peratusan min peserta bertambah baik setelah melalui ujian pasca.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.28

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Simpan Kira

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Saya faham cara merekod transaksi perniagaan	3.060	4.951	1.891
2.Saya faham membaca untung dan rugi	3.289	5.168	1.571
3. Saya faham tentang catatan bergu	2.795	4.674	1.879
4. Saya faham membaca imbangan duga	2.807	4.626	1.819
5. Saya faham membaca penyata kewangan	3.216	4.987	1.771

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.29 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul asas simpan kira. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 4.913, manakala skor ujian pra ialah 2.744. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -15.627$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (4.913>2.7446). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran simpan kira. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran simpan kira mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.29

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Simpan Kira

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Kira	2.7446	1.19442	-15.627	82	.000	1.43866	Kesan Besar
Pasca Kira	4.9133	1.21943					

4.4.7.8 Modul Asas Jualan dan Jualan atas Talian

Modul Asas Jualan dan jualan atas talian merupakan satu modul yang mempunyai objektif untuk membantu peserta bagaimana membuat asas jualan dan apakah cara untuk membantu memasarkan produk mereka. Merujuk kepada jadual 4.30, modul asas jualan dan jualan atas talian telah membantu peserta untuk mempelajari teknik pemasaran dan jualan secara atas talian.

Universiti Utara Malaysia

Antara teknik yang diajar dalam bengkel kemahiran kreatif ini ialah asas pemasaran menggunakan telefon android untuk memasarkan produk secara atas talian menggunakan applikasi *tik tok, shopee, facebook* dan lain-lain aplikasi yang memudahkan peserta memahami asas jualan atas talian.

Hasil skor modul ini mendapati skor tertinggi adalah bagi item 4 iaitu "Saya tahu ciri-ciri poster iklan" dengan perbezaan min 1.843. Walaupun demikian, item kelima mencatatkan sedikit penurunan iaitu hanya 1.807 nilai perbezaan min peserta yang tahu membuat poster ringkas bagi tujuan pengiklanan.

Di samping itu, bagi teknik pemasaran secara poster, item keenam dilihat menjadi tanda tanya kepada peserta iaitu terdapat segelintir peserta sahaja yang tahu tentang kepentingan iklan untuk tujuan perniagaan dengan catatan skor perbezaan min 1.458. selain itu, skor bagi item ketiga iaitu "Saya tahu kegunaan aplikasi media sosial untuk perniagaan" pula menunjukkan nilai perbezaan min sebanyak 1.422.

Hal ini dapat dilihat bahawa ramai pengguna media sosial hanyalah menjadi pengguna pasif iaitu melihat konten semata-mata tanpa menggunakan media sosial secara aktif untuk mempromosikan perniagaan mereka. Namun, skor yang kedua terendah dapat dilihat pada item kedua "Saya tahu menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter" yang mana item tersebut dari segi penggunaan teknologi yang semakin meluas kini tidak sepatutnya mendapat skor sedemikian iaitu sebanyak 1.06. Hal ini mungkin terjadi disebabkan oleh faktor usia peserta atau tahap pendedahan peserta yang kurang peka terhadap penggunaan media sosial.

Universiti Utara Malaysia

Akhir sekali, item pertama "Saya biasa dengan pembelian atau penjualan atas talian" dengan skor perbezaan min yang tercatat sebanyak 0.964 menjadikan kebanyakan peserta tidak biasa dengan pembelian dan penjualan atas talian.

Oleh itu, modul ini dapat memberikan sedikit sebanyak ilmu berkaitan dengan jualan terutama jualan atas talian yang semakin meningkat bahkan menjadi pekerjaan tetap bagi sebahagian umat manusia di seluruh dunia.

Jadual 4.30

Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Asas Jualan Dan Jualan Atas Talian

Soalan	Min Ujian Pra	Min Ujian Pasca	Perbezaan Min
1. Sayabiasa dengan pembelian atau penjualan atas talian	4.469	5.433	0.964
2. Saya tahu menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook/ Instagram/ Twitter	4.373	5.433	1.06
3. Saya tahu kegunaan aplikasi media sosial untuk perniagaan	3.927	5.349	1.422
4. Saya tahu ciri-ciri poster iklan	3.566	5.409	1.843
5. Saya tahu membuat poster ringkas untuk tujuan pengiklanan	3.421	5.228	1.807
6. Saya tahu kepentingan iklan untuk tujuan perniagaan	4.168	5.626	1.458

Jadual 4.31 di bawah adalah statistik inferensi hasil ujian-t yang menunjukkan keputusan skor ujian pra dan ujian pasca bagi modul asas jualan dan jualan atas talian. Dapat dilihat bahawa skor ujian pasca ialah 5.620, manakala skor ujian pra ialah 3.709. Nilai yang diperolehi adalah $t(82)= -20.028$, $p< .001$. Skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra (5.620>3.709). Secara kesimpulannya didapati latihan ini meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta.

Universiti Utara Malaysia

Nilai *t* negatif menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian pra. Ini membuktikan bahawa latihan kemahiran kreatif ini telah memberikan pemahaman dan kesan positif kepada peserta terhadap kemahiran asas jualan dan jualan atas talian. Analisis bagi cohen's d terhadap kemahiran asas jualan dan jualan atas talian mempunyai peningkatan yang besar.

Jadual 4.31

Keputusan Ujian-t berpasangan dan Kesan Saiz bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Asas Jualan Dan Jualan Atas Talian

Ujian	Purata Min	Sisihan Piawai (SD)	Nilai t *(t-value)*	df	Nilai P *(p-value)*	Cohen's d	Keputusan
Pra Jualan	3.7094	1.41154	-20.028	82	.000	1.17647	Kesan Besar
Pasca Jualan	5.6206	.98147					

4.4.8.9 Jadual Keseluruhan Perbezaan Min Kemahiran Kreatif Keusahawanan

Keseluruhan perbezaan min bagi ujian pra dan ujian pasca bagi semua model latihan kemahiran Keusahawanan. Jadual 4.32 merujuk kepada dapatan ujian pra bagi lapan (8) modul keusahawanan. Modul keusahawanan tersebut merangkumi lapan pecahan sub topik. Antara topik yang terlibat adalah (i) Keusahawanan satu kerjaya (ii) latihan komunikasi dalam perniagaan (iii) Latihan asas pengurusan diri (iv) Latihan potensi diri (v) Latihan matlamat diri (vi) Latihan pengurusan kewangan (vii) Latihan modul simpan kira (viii) Modul Asas jualan atas talian.

Berikut adalah penerangan dan interpretasi skor min bagi ujian pra yang diperolehi sebelum peserta mengikuti latihan modul keusahawan ini. Skor ujian pra penting kerana ia sebagai indikator awal bagi pengetahuan, kemahiran terhadap pengisian modul. Perbandingan skor dapat menjelaskan kekuatan dan kelemahan peserta dalam latihan keusahawanan ini. Hasil dapatan mendapati skor ujian pra tertinggi adalah modul pengurusan diri dengan min=4.06 (18.88). Penemuan ini menjelaskan bahawa peserta sebelum latihan telah tahu untuk menguruskan diri. Modul komunikasi dalam perniagaan pula mendapat min=4.05 (16.63). Peserta tahu dan mempunyai pengalaman berkomunukasi. Modul potensi diri dengan min=3.97(15.56) menunjukkan peserta pada tahap kesedaran kendiri yang sederhana. Bagi modul keusahawanan satu kerjaya min=3.89(.926), diikuti modul jualan atas talian min 3.70(14.11), peserta Bagi modul matlamat diri mencapai min 3.59 (14.5). Bagi modul kewangan min=2.89(4.5) dan modul simpan kiri min=2.89(11.5) dan terakhir adalah modul simpan kira min=2.74 (11.94).

Universiti Utara Malaysia

Manakala bagi latihan dan ujian pasca keusahawanan pula mendapati modul pertama iaitu modul komunikasi dalam perniagaan di tempat pertama min 6.18(.521). Peningkatan yang ketara. Peserta juga telah memahami bahawa komunikasi dalam perniagaan penting. Komunikasi merupakan satu elemen asas dalam perniagaan.
Bagi Modul asas pengurusan diri min 5.98(.623) ini kerana peserta lebih mahir dalam menguruskan diri mengikut keutamaan.

Manakala modul potensi diri min=5.86 (.598), peserta telah mengenalpasti potensi diri mereka. Modul matlamat diri pula menunjukkan min=5.82(.850), didapati peserta tahu matlamat mereka.

Modul keusahawanan satu kerjaya pula, min=5.65 (.526), peserta telah diberikan pendedahan berkaitan kerjaya sebagai usahawan. Modul jualan atas talian ini penting dengan peningkatan min=5.62(.981).

Seterusnya, modul pengurusan kewangan min=5.41(.774), peserta telah mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kewangan dan akhir sekali, modul simpan kira min 4.91(1.219) merupakan modul yang mempunyai min terendah.

Jadual 4.32

Keputusan Ujian-t berpasangan bagi Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Modul Kemahiran Keusahawanan

Ujian	**Min Ujian Pra (SD)**		**Min Ujian Pasca (SD)**		**Perbezaan Min (Ujian Pra dan Ujian Pasca)**	**Nilai t** ***(t-value)***	**Nilai P** ***(p-alue)***
Modul Keusahawanan satu Kerjaya	3.89	(.926)	5.65	(.526)	1.76	-18.900	.000
Modul Komunikasi dalam perniagaan	4.05	(1.663)	6.18	(.521)	2.13	-13.093	.000
Modul Asas pengurusan diri	4.06	(1.388)	5.98	(.623)	1.92	-16.681	.000
Modul Potensi diri	3.97	(1.556)	5.86	(.598)	1.89	-12.376	.000
Modul Matlamat diri	3.59	(1.459)	5.82	(.850)	2.23	-14.130	.000
Modul Pengurusan kewangan	2.89	(1.15)	5.41	(.774)	2.52	-22.057	.000
Modul Simpan Kira	2.74	(1.194)	4.91	(1.219)	2.17	-15.627	.000
Modul Jualan atas talian	3.70	(1.411)	5.62	(.981)	1.92	-20.028	.000

Universiti Utara Malaysia

4.4.8.10 Sokongan Teori Modal Insan dan Keusahawanan Sosial

4.4.8.10.1 Ujian Pra

Berdasarkan ujian pra, skor min tertinggi dicatatkan bagi Modul Asas Pengurusan Diri (min=4.06), diikuti Modul Komunikasi dalam Perniagaan (min=4.05) dan Modul Potensi Diri (min=3.97).

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebelum intervensi latihan, peserta telah memiliki tahap modal insan asas yang sederhana dalam aspek pengurusan diri dan komunikasi. Menurut Teori Modal Insan (*Human Capital Theory*) oleh Becker (1964), kemahiran, pengetahuan dan kebolehan individu merupakan bentuk pelaburan yang meningkatkan produktiviti dan keupayaan ekonomi seseorang. Skor pra yang sederhana dalam modul berkaitan pengurusan diri dan komunikasi menunjukkan bahawa peserta telah memiliki modal insan asas hasil pengalaman sosial dan pendidikan terdahulu. Walau bagaimanapun, skor rendah dalam Modul Pengurusan Kewangan (min=2.89) dan Modul Simpan Kira (min=2.74) mencerminkan jurang modal insan teknikal dalam aspek pengurusan kewangan dan literasi perniagaan.

Jurang ini selari dengan hujah teori bahawa tanpa latihan formal dan intervensi sistematik, modal insan dalam aspek teknikal keusahawanan tidak berkembang secara optimum. Oleh itu, intervensi latihan berperanan sebagai mekanisme pelaburan tambahan dalam modal insan peserta.

Universiti Utara Malaysia

4.4.8.10.2 Ujian Pasca

Keputusan ujian pasca menunjukkan peningkatan ketara dalam semua modul. Modul Pengurusan Kewangan mencatatkan peningkatan min tertinggi (perbezaan min=2.52), diikuti Modul Matlamat Diri (2.23) dan Modul Simpan Kira (2.17). Peningkatan ini menunjukkan bahawa latihan yang diberikan telah berjaya meningkatkan kapasiti teknikal dan kognitif peserta secara signifikan. Berdasarkan kerangka Teori Modal Insan, peningkatan ini membuktikan bahawa latihan yang distrukturkan bertindak sebagai pelaburan pendidikan yang meningkatkan kompetensi produktif individu.

Latihan bukan sahaja meningkatkan pengetahuan deklaratif, tetapi juga kemahiran prosedural yang diperlukan dalam aktiviti keusahawanan sebenar. Nilai *t* yang tinggi contohnya Modul Pengurusan Kewangan, t = -22.057 menunjukkan kesan intervensi yang sangat kuat. Hal ini mengukuhkan premis bahawa pembangunan modal insan melalui latihan sistematik mampu meningkatkan tahap kebolehpasaran dan kebolehupayaan keusahawanan peserta.

Universiti Utara Malaysia

4.4.9.10 Sokongan Teori Keusahawanan Sosial

Dapatan ini juga boleh ditafsir melalui lensa Teori Keusahawanan Sosial, yang menekankan pembangunan individu bukan sahaja untuk keuntungan ekonomi, tetapi juga untuk penciptaan nilai sosial dan kesejahteraan komuniti.

Modul seperti Potensi Diri, Matlamat Diri dan Keusahawanan sebagai Kerjaya menunjukkan peningkatan signifikan selepas latihan. Peningkatan ini mencerminkan perubahan orientasi peserta daripada sekadar memahami konsep keusahawanan kepada membina identiti sebagai agen perubahan sosial.

Menurut perspektif keusahawanan sosial, usahawan bukan sekadar pencipta keuntungan, tetapi individu yang mengenalpasti peluang untuk menyelesaikan masalah sosial melalui inovasi. Latihan yang dijalankan telah memperkukuh kesedaran kendiri, hala tuju dan aspirasi peserta, yang merupakan elemen asas dalam pembentukan niat keusahawanan sosial *(social entrepreneurial intention).*

Peningkatan dalam Modul Jualan atas Talian (perbezaan min=1.92) juga menunjukkan kesiapsiagaan peserta untuk memanfaatkan platform digital sebagai medium penciptaan nilai ekonomi dan sosial, selaras dengan transformasi ekonomi digital semasa.

Universiti Utara Malaysia

4.5 Kemahiran Peserta

Jadual 4.34 di bawah menunjukkan faktor kemahiran yang mempengaruhi pemerkasaan ekonomi bagi peserta terlibat. Dapat dilihat bahawa, peratusan tertinggi adalah dimana peserta memilih latihan jualan atas talian iaitu sebanyak 21.7% manakala latihan kedua tertinggi pula adalah jahitan pakaian, iaitu sebanyak 15.5%. Seterusnya, latihan ketiga tertinggi adalah latihan komunikasi dalam perniagaan iaitu sebanyak 12.3% dan seterusnya adalah latihan keusahawanan iaitu sebanyak 10.5%.

Peserta telah menjawab lebih dari satu jawapan. Peserta telah memilih jawapan lebih daripada satu kerana faktor-faktor tersebut antara yang membantu mereka untuk menjana pendapatan mereka.

Jadual 4.33

Peratusan Bagi Kemahiran Peserta

Kemahiran	Peratus
Latihan keusahawanan	10.5%
Jualan atas talian *(facebook, shopee, tiktok)*	21.7%
komunikasi dalam perniagaan	12.3%
pengurusan kewangan	4.3%
jahitan pakaian	15.5%
jahitan produk kraf	8.3%
melukis batik	9.0%
canting batik	9.7%
mewarna batik	8.7%
Jumlah	100%

Universiti Utara Malaysia

4.6 Peratusan Kursus Kemahiran

Jadual 4.37 di bawah menunjukkan bahawa peserta telah mengikuti pelbagai kursus yang berkaitan. Kursus yang paling popular ialah kursus jahitan pakaian, diikuti kursus keusahawanan dan fotografi. Peratusan kursus tertinggi adalah Jualan atas talian *(facebook, shopee, tiktok) iaitu 21.7%.* Walau bagaimanapun, terdapat kepelbagaian kursus yang diikuti responden, walaupun dengan bilangan kecil.

Majoriti besar responden (44 orang, 53%) tidak menyertai sebarang kursus baharu, menggambarkan perlunya usaha meningkatkan penglibatan komuniti dalam latihan kemahiran terkini.

Jadual 4.34

Peratusan Kursus Kemahiran

Jenis kursus		**N**	**Peratus**
Kursus kemahiran lain	Kursus jahitan pakaian	8	9.6%
	kursus perniagaan	3	3.6%
	kursus Fotografi	1	1.2%
	kursus Keusahawanan	4	4.8%
	kursus Percetakan tshirt batik	2	2.4%
	kursus Batik tanah	1	1.2%
	kursus Fashion and dressmaking	1	1.2%
	kursus Teknik Pemasaran	1	1.2%
	kursus Buat Roti	1	1.2%
	kursus Jahitan langsir	1	1.2%
	kursus Kerepek	1	1.2%
	kursus *Facebook & Tik Tok*	2	2.4%
	kursus Perniagaan online	3	3.6%
	kursus produk kraf	2	2.4%
	kursus makanan	1	1.2%
	kursus batik printing	2	2.4%
	Kursus jahitan kemeja batik	1	1.2%
	Kursus jahitan tudung	1	1.2%
	Kurus jahit manik	1	1.2%
	Kursus sarung bantal batik	1	1.2%
	Kursus buat biskut dan kek	1	1.2%
	Tiada kursus baru disertai	44	53.0%
	Jumlah	83	100%

4.7 Kursus Kemahiran

Jadual 4.38 menunjukkan beberapa kursus terkini yang disertai oleh peserta. Peserta telah memilih lebih dari satu kursus. Berdasarkan keputusan data analisis, pengkaji telah menyisih dan menyusun semula mengikut kategori kursus yang hampir sama. Didapati bahawa peserta menyertai beberapa kursus utama.

Universiti Utara Malaysia

Secara kesimpulan dapat dilihat seramai 44 orang peserta tidak menyertai sebarang kursus. Ini mungkin mereka tidak mendapat maklumat atau hebahan daripada mana-mana pihak ataupun tidak mempunyai masa untuk menyertai mana-mana kursus.

Dari jadual 4.35 berikut, kategori kursus yang majoriti dipilih oleh peserta adalah kursus jahitan. Dapat dilihat kecenderungan peserta berminat dalam kurus jahitan iaitu kursus jahitan pakaian, jahitan baju kemeja batik, kursus jahitan manik, kursus jahitan sarung bantal, kursus jahitan tudung, kursus *Fashion and dressmaking* dan kursus jahitan langsir. Kategori kedua adalah berfokuskan kepada batik. Pelbagai kursus batik yang disertai peserta antaranya ialah kursus percetakan t-shirt batik, kursus Batik tanah, kursus batik printing dan kursus produk kraf batik. Kategori ketiga pula ialah bidang keusahawanan iaitu melibatkan kursus perniagaan, kursus Fotografi, kursus keusahawanan, kursus teknik temasaran, kursus *Facebook dan Tik Tok* dan kursus perniagaan online. Kursus keempat ialah kursus kursus lain iaitu dalam bidang makanan seperti kursus membuat roti, kursus kerepek, kursus makanan frozen dan kursus buat biskut dan kek.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.35

Kursus Kemahiran

Kategori Kursus	Jenis Kursus	Bilangan
kursus Jahitan	Kursus jahitan pakaian	8
	Kursus jahitan kemeja batik	1
	Kursus jahitan tudung	1
	Kurus jahit manik	1
	Kursus sarung bantal batik	1
	kursus *Fashion and dressmaking*	1
	kursus Jahitan langsir	1
kursus batik	kursus Percetakan tshirt batik	2
	kursus Batik tanah	1
	kursus batik printing	2
	kursus produk kraf batik	2
Kursus Keusahawanan	Kursus perniagaan	3
	kursus Fotografi	1
	kursus Keusahawanan	4
	kursus Teknik Pemasaran	1
	kursus *Facebook dan Tik Tok*	2
	kursus Perniagaan online	3
kursus makanan	kursus Buat Roti	1
	kursus Kerepek	1
	kursus makanan frozen	1
	Kursus buat biskut dan kek	1
kursus lain	Tiada Kursus	44

Universiti Utara Malaysia

4.8 Demografi Responden Temubual

Analisis demografi peserta penting dalam temubual ini untuk memahami latar belakang responden yang terlibat dan bagaimana faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kemahiran mereka dalam keusahawanan kreatif ini. Seramai 8 orang responden perempuan yang menunjukkan bahawa mereka mendominasi dalam konteks kajian ini dan hanya seorang responden lelaki. Maklumat demografi peserta temubual adalah seperti berikut:

Jadual 4.36

Demografi Responden Temubual

Responden	Jantina	Umur	Pekerjaan
R1	Perempuan	42 Tahun	Suri Rumah
R2	Perempuan	27 Tahun	Suri Rumah
R3	Perempuan	50 Tahun	Peniaga
R4	Lelaki	28 Tahun	Usahawan kecil
R5	Perempuan	32 Tahun	Kerani
R6	Perempuan	55 Tahun	Pesara
R7	Perempuan	35 Tahun	Ibu tunggal
R8	Perempuan	40 Tahun	Peniaga Gerai
R9	Perempuan	38 Tahun	Peniaga

Universiti Utara Malaysia

4.9 Dapatan Temubual

Bagi menyokong lagi dapatan kuantitatif kajian ini, pengkaji telah mengadakan temubual terhadap sembilan (9) orang peserta yang mewakili pelbagai latar belakang yang terlibat. Dapatan temubual telah mengenal pasti tiga (3) tema utama sebagaimana dinyatakan di bawah.

4.9.1 Tema 1: Kursus Jahitan Pakaian

Subtema: Minat terhadap kemahiran jahitan, potensi menjana pendapatan dari rumah, permintaan bermusim dan tempatan

Responden 1 (Suri rumah, 42 tahun):

> *"Saya memang dari muda suka menjahit, tapi sebelum ni tak pernah ada peluang nak belajar betul-betul. Bila ada kursus ni, saya terus daftar. Sekarang saya dah mula ambil upah jahit baju kurung dan langsir dari jiran-jiran."*

Universiti Utara Malaysia

Responden 2 (Ibu muda, 27 tahun):

> *"Saya pilih jahitan sebab saya nak buat baju sendiri dan juga untuk anak-anak. Lagipun saya nampak ramai kawan saya yang dah jana pendapatan dengan kemahiran menjahit dari rumah je."*

Responden 3 (Peniaga kecil, 50 tahun):

> *"Saya ambil kursus jahitan sebab saya nak tambah kemahiran. Sekarang musim raya, ramai nak tempah baju. Jadi saya ambil peluang ni untuk tambah pendapatan."*

Kesemua peserta memilih kursus ini kerana minat dan kesedaran terhadap peluang pasaran dalam komuniti mereka. Kemahiran ini mudah diurus dari rumah dan sesuai untuk wanita, terutamanya suri rumah dan ibu muda. Mereka juga melihat potensi jangka panjang dalam menjadikannya sumber pendapatan tetap.

4.9.2 Tema 2: Kursus Keusahawanan

Subtema: kurangnya ilmu dalam pengurusan perniagaan, minat memulakan perniagaan sambilan, hasrat untuk aktif secara ekonomi selepas bersara

Responden 4 (Belia lepasan SPM, 28 tahun):

> *"Saya ambil kursus keusahawanan sebab saya nak mula bisnes kecil-kecilan. Tapi saya tak tahu macam mana nak kira kos, nak daftar perniagaan. Kursus ni banyak bantu saya faham benda-benda tu."*

Responden 5 (Kerani, 32 tahun):

> *"Walaupun saya dah kerja, saya tetap nak berniaga sambilan. Tapi saya tak tahu cara nak urus masa, promosi produk dan sebagainya. Dalam kursus ni saya belajar buat pelan pemasaran dan kawal bajet."*

Responden 6 (Pesara, 55 tahun):

> *"Saya ambil kursus ni sebab saya nak manfaatkan masa lepas pencen. Saya ada tanah dan nak buat projek pertanian kecil-kecilan. Kursus keusahawanan ni ajar kita buat strategi bisnes, jadi saya lebih yakin nak mula."*

Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan dapatan temubual diatas, kursus keusahawanan memberi ruang kepada peserta dari pelbagai latar belakang untuk membina keyakinan dan memperoleh ilmu asas memulakan perniagaan. Peserta menunjukkan kesedaran bahawa kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi tanpa pengetahuan pengurusan dan strategi perniagaan.

4.9.3 Tema 3: Kursus Perniagaan (Pengurusan dan Operasi)

Subtema: Pengurusan kewangan dan stok, penggunaan sistem dan rekod jualan, perancangan perniagaan jangka panjang

Responden 7 (Ibu tunggal, 35 tahun):

> *"Saya dah mula berniaga makanan dari rumah, tapi semua saya buat ikut rasa je. Dalam kursus ni saya belajar macam mana nak kira harga jual, buat kira-kira untung rugi, dan urus pelanggan. Banyak beza lepas belajar."*

Responden 8 (Pemilik gerai, 40 tahun):

> *"Saya dah berniaga lama, tapi baru sekarang tahu pentingnya ada sistem. Lepas masuk kursus perniagaan ni, saya mula guna buku rekod jualan harian dan susun stok dengan lebih baik."*

Responden 9 (Peniaga, 38 tahun):

> *"Saya ambil kursus ni sebab saya nak berniaga secara serius. Saya belajar buat pelan perniagaan, urus modal, dan faham keperluan pelanggan. Sekarang saya sedang rancang nak buka kedai kecil."*

Berdasarkan dapatan temubual diatas, peserta kursus perniagaan terdiri daripada mereka yang telah pun menjalankan perniagaan kecil tetapi tanpa pengetahuan formal.

Universiti Utara Malaysia

Kursus ini membantu menstrukturkan operasi harian, meningkatkan kecekapan dan menjadikan perniagaan mereka lebih sistematik serta berdaya saing.

4.10 Tema Dapatan Temubual

Secara keseluruhannya, dapatan jadual 4.40 menunjukkan bahawa program kemahiran yang ditawarkan memberi kesan positif kepada peserta dari segi peningkatan efikasi kendiri, ilmu pengurusan perniagaan, dan juga tindakan susulan pasca latihan *(real action)*. Program ini juga membuktikan keberkesanan pendekatan latihan berasaskan komuniti dalam memperkasa ekonomi tempatan secara praktikal dan berimpak tinggi.

Jadual 4.37

Tema Dapatan Temubual

Tema	Fokus Utama	Peserta	Impak
Jahitan Pakaian	Minat dan pendapatan rumah	R1, R2, R3	Mula ambil tempahan dari rumah
Keusahawanan	Asas perniagaan & keyakinan	R4, R5, R6	Daftar SSM, rancang bisnes sendiri
Perniagaan	Pengurusan dan struktur	R7, R8, R9	Guna rekod jualan, rancangan buka kedai

Universiti Utara Malaysia

4.11 Objektif 3: Membina Model Kemahiran Keusahawanan Kreatif melalui Industri Batik.

Pembinaan model ini adalah merupakan sintesis daripada dapatan empirikal (data kuantitatif dan kualitatif) serta kerangka teori *hard skill* dan *soft skill* yang menjadi asas kepada kajian ini. Selain itu, model ini juga dibina berasaskan pendekatan sistemik dan holistik dengan menggabungkan:

- **Input** (sumber dan kekuatan dalaman desa),
- **Proses** (intervensi modul dan latihan),
- ***Output*** (peningkatan kompetensi), dan
- ***Outcome*** (pemerkasaan ekonomi jangka panjang).

Pengkaji juga telah membuat jadual perbandingan antara dapatan terdahulu (7 faktor) dengan dapatan semasa dari kajian sebenar berdasarkan dapatan kualitatif. Terdapat tiga (3) tema utama yang diperolehi daripada dapatan kualitatif tersebut, sebagaimana huraian yang dibuat dalam Jadual 4.40 di bawah. Model kemahiran keusahawanan kreatif ini dengan secara terperici dalam bab 5 .

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.38

Perbandigan Dapatan Kuantitatif Dan Kualitatif

Faktor daripada Tinjauan Literatur & Analisis Awal (7 faktor)	**Tema daripada Dapatan Kualitatif (3 kursus)**	**Hubungan & Penjelasan**
1. Kemahiran Kreatif	Kursus batik	Kemahiran kreatif dalam rekaan & batik merupakan manifestasi kemahiran yang meningkatkan nilai tambah produk.
2.Kemahiran Vokasional	Kursus Jahitan Pakaian	Jahitan pakaian berasaskan batik adalah bentuk kemahiran vokasional khusus yang diperkukuh melalui latihan.
3.Kemahiran Keusahawanan	Kursus Keusahawanan	Latihan ini menyasarkan pembangunan minda usahawan, strategi pemasaran, dan pengurusan risiko perniagaan.
4.Kolaborasi Akademia–Industri	Kursus Keusahawanan & Kursus Perniagaan	Kandungan kursus dibentuk melalui kerjasama pihak akademia, industri tekstil, dan agensi kerajaan.
5. Pengiktirafan Agensi	Kursus Perniagaan (Pengurusan & Operasi)	Kursus ini meningkatkan profesionalisme operasi perniagaan, memudahkan pengusaha memenuhi piawaian & kelayakan untuk pengiktirafan rasmi.
6. Persekitaran Semula Jadi	Tidak muncul sebagai tema utama	Walaupun penting, faktor ini tidak muncul secara langsung dalam dapatan kualitatif sebagai intervensi latihan.
7.Persekitaran Ekonomi	Bukan tema utama	Persekitaran ekonomi faktor ini tidak muncul secara langsung dalam dapatan kualitatif sebagai intervensi latihan.

Universiti Utara Malaysia

4.12 Rumusan

Bab empat ini, telah membincangkan dengan jelas tentang dapatan kajian secara sistematik berdasarkan reka bentuk kajian kaedah campuran *(mixed methods).* Sejajar dengan pendekatan *explanatory sequential design*, dapatan kuantitatif dibentangkan terlebih dahulu, diikuti dengan dapatan kualitatif yang bertujuan menjelaskan dan memperkukuh penemuan kuantitatif. Perbincangan merangkumi tiga komponen utama iaitu:

1. Dapatan kuantitatif berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemahiran keusahawanan kreatif.

2. Dapatan ujian pra dan ujian pasca bagi menilai keberkesanan modul latihan.

3. Dapatan kualitatif hasil temu bual separa berstruktur yang menyokong dan memperincikan hasil analisis kuantitatif.

Universiti Utara Malaysia

BAB LIMA

PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan ringkasan kajian serta perbincangan bagi dapatan kajian yang berlandaskan objektif kajian dan persoalan kajian yang telah dibina berdasarkan teori-teori kajian lalu. Permulaan perbincangan berkaitan dapatan seperti yang di jelaskan dalam Bab Empat. Seterusnya, implikasi kajian serta cadangan bagi memperkasakan ekonomi desa oleh pihak yang berkepentingan. Beberapa cadangan kajian akan datang juga telah disenaraikan untuk digunakan sebagai panduan oleh pengkaji pada masa akan datang agar kajian yang lebih komprehensif dapat dibuat dan seterusnya berakhir dengan penutup bagi bab ini, iaitu kesimpulan keseluruhan kajian.

Universiti Utara Malaysia

5.2 Ringkasan Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan dengan berpandukan kepada tiga (3) objektif utama kajian, dengan melibatkan teori *hard skill* dan juga teori *soft skill* bagi menjelaskan perkaitan antara setiap pemboleh ubah kajian yang terlibat. Secara khususnya, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemerkasaan ekonomi luar bandar melalui industri batik. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau sejauhmanakah Modul Keusahawanan Batik berkesan dalam meningkatkan kemahiran usahawan luar bandar. Selain itu, menerusi kajian ini juga, pengkaji membina Model kemahiran keusahawanan kreatif bagi perusahaan batik.

Kajian ini adalah menggunakan pendekatan kaedah campuran, di mana melibatkan kajian kuantitatif dan juga kualitatif. Kajian ini adalah berbentuk kajian kes, melibatkan lokasi kajian terletak di Bengkel Jahitan dan batik Che Ah Enterprise, Kampung Paya Mak Insun Pendang, Kedah. Peserta kajian adalah seramai 100 orang kesemuanya, namun hanya 83 orang sahaja yang terlibat sepenuhnya, dari peringkat awal kajian sehinggalah akhirnya, yang mana melibatkan beberapa sesi latihan dan soal selidik ujian pra dan ujian pasca menggunakan modul yang telah dibina. Bagi mendapatkan data kualitatif pula, seramai sembilan (9) orang responden yang terlibat melalui sesi temubual yang telah dibuat, menggunakan teknik persampelan bertujuan.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada urutan objektif dan soalan kajian.

5.3.1 Faktor-Faktor Peningkatan Kemahiran Keusahawanan Kreatif bagi Industri Batik

Kajian ini telah mengenal pasti tujuh (7) faktor utama yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi peningkatan kemahiran keusahawanan kreatif melalui industri batik. Penemuan ini tidak hanya memberikan fokus kepada dapatan kajian lepas semata-mata, tetapi juga turut memperluaskan kefahaman terhadap bagaimana faktor-faktor ini saling memperkuatkan satu sama lain dalam konteks setempat. Huraian berikut memperincikan peranan dan interaksi setiap faktor, serta dibuat perbandingan dengan dapatan-dapatan kajian lepas, mengikut setiap faktor yang terlibat.

Faktor yang pertama adalah melibatkan **kemahiran kreatif**. Kemahiran kreatif merangkumi keupayaan peserta dalam menghasilkan motif batik yang unik, bernilai estetika tinggi dan sesuai dengan citarasa semasa pasaran. Kajian ini mendapati bahawa kreativiti tidak lagi bersifat eksklusif kepada elemen artistik semata-mata, tetapi menjadi satu bentuk modal budaya (Bourdieu, 1986) yang boleh ditukar kepada nilai ekonomi. Penemuan ini mengukuhkan dapatan Mohd Zaki et al. (2021) yang menekankan bahawa kreativiti tempatan adalah aset dalam membentuk identiti produk desa yang memiliki nilai eksklusif di pasaran luar. Dalam konteks ini, kreativiti bukan sahaja dilihat sebagai ekspresi seni, tetapi juga sebagai strategi komersial yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi. Ini seiring dengan konsep *entrepreneurial creativity* (Fillis & Rentschler, 2010) yang menjelaskan bagaimana kreativiti menjadi komponen teras dalam pembangunan keusahawanan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta yang mengikuti Modul Keusahawanan Batik memperlihatkan peningkatan signifikan dalam kreativiti rekaan batik. Mereka mampu menghasilkan corak yang lebih kontemporari, unik dan mempunyai nilai estetika tinggi. Keupayaan ini telah memberikan kelebihan daya saing kepada produk mereka di pasaran luar. Penemuan ini selari dengan kajian Mohd Zaki et al. (2021) yang menekankan bahawa kreativiti tempatan dalam rekaan batik merupakan elemen penting dalam menembusi pasaran pelancongan dan eksport. Begitu juga dengan Musa dan Yahya (2019) yang mendapati kreativiti rekaan merupakan antara pendorong utama jualan batik tempatan di Pantai Timur.

Universiti Utara Malaysia

Kajian luar negara seperti Fillis dan Rentschler (2010) turut mengesahkan bahawa kreativiti adalah tunjang kepada keusahawanan dalam industri kreatif. Mereka menyatakan bahawa kreativiti bukan sekadar ekspresi seni, tetapi menjadi faktor penentu kepada adaptasi pasaran. Sebaliknya, Rosli dan Zainol (2022) menyatakan bahawa kekangan seperti kekurangan sumber dan latihan menjadi penghalang utama kreativiti di luar bandar. Namun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dengan pendekatan latihan kontekstual seperti modul ini, kekangan tersebut dapat diatasi. Kesimpulannya, kajian ini bukan sahaja menyokong dapatan lepas tetapi memperluas perspektif bahawa kreativiti boleh dibina secara sistematik dalam kalangan usahawan luar bandar.

Faktor yang kedua adalah **kemahiran vokasional**. Aspek ini merujuk kepada penguasaan teknikal dalam proses penghasilan batik seperti mencanting, mencelup, merancang corak, dan kawalan kualiti. Dapatan menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran ini meningkat secara signifikan selepas pelaksanaan Modul Keusahawanan Batik. Peningkatan ini membuktikan bahawa latihan berstruktur memainkan peranan penting dalam pembentukan modal insan luar bandar (Becker, 1964). Kemahiran vokasional yang dibangunkan melalui modul ini menunjukkan kesan langsung kepada peningkatan produktiviti, efisiensi operasi, dan keyakinan diri usahawan. Ini menyokong kajian oleh Hadi dan Noraini (2020) yang mendapati latihan kemahiran memberi kesan berpanjangan kepada kemandirian usahawan luar bandar. Tambahan pula, kemahiran teknikal ini merupakan elemen *"hard skills"* yang berfungsi sebagai prasyarat untuk menembusi pasaran.Aspek ini merujuk kepada penguasaan teknikal seperti mencanting, pencelupan dan penyediaan fabrik.

Universiti Utara Malaysia

Kajian menunjukkan peningkatan signifikan kemahiran teknikal selepas peserta mengikuti latihan, sekali gus membolehkan mereka menghasilkan batik berkualiti tinggi. Dapatan ini menyokong kajian Hadi dan Noraini (2020) yang mendapati latihan teknikal berstruktur dapat meningkatkan produktiviti usahawan luar bandar. Ia turut selari dengan pendekatan *Human Capital Theory* (Becker, 1964) yang menyatakan bahawa pelaburan dalam latihan meningkatkan kecekapan dan hasil ekonomi. Namun, berbeza dengan kajian Zulkifli dan Sulaiman (2017) yang menyatakan bahawa latihan teknikal sering tidak konsisten dan tidak memberi kesan jangka panjang, kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan dapat dicapai jika latihan direka bentuk berdasarkan keperluan sebenar komuniti. Oleh itu, dapatan ini membuktikan bahawa kemahiran teknikal yang relevan dengan industri setempat dan disampaikan melalui pendekatan praktikal boleh membina kapasiti vokasional secara mampan.

Faktor yang ketiga adalah **kemahiran Keusahawanan**. Kemahiran ini merangkumi aspek pengurusan perniagaan, pemasaran digital, strategi penjenamaan, dan keupayaan membuat keputusan perniagaan. Kajian mendapati bahawa peserta yang menguasai kemahiran ini menunjukkan tahap literasi perniagaan yang lebih baik, yang seterusnya membolehkan mereka membuat keputusan komersial yang lebih strategik dan berdampak. Penemuan ini memperkukuh teori keusahawanan sosial (Dees, 2001) yang menegaskan keperluan keusahawanan sebagai pendekatan untuk menyelesaikan masalah sosial dan ekonomi setempat. Kajian ini juga memperkukuh dapatan Rosli dan Zainol (2022) yang mendapati bahawa keupayaan keusahawanan dapat membentuk minda usahawan luar yang progresif, kompetitif dan inovatif.

Universiti Utara Malaysia

Kemahiran ini melibatkan pengurusan kewangan, pemasaran, perancangan perniagaan dan penggunaan platform digital. Kajian ini menunjukkan bahawa peserta mempunyai peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus perniagaan secara lebih profesional. Ini menyokong dapatan Mitra (2008) yang menekankan pentingnya keupayaan keusahawanan dalam membina strategi perniagaan yang berkesan. Kajian Rosli dan Zainol (2022) juga menunjukkan bahawa usahawan desa yang diberi latihan keusahawanan lebih mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran

.

Kajian ini turut memperluaskan kajian oleh Ismail dan Rahman (2021), yang mendapati bahawa kemahiran perniagaan digital penting untuk menembusi pasaran luar. Dalam kajian ini, peserta yang diberi pendedahan kepada e-dagang mampu menjual produk mereka melalui media sosial dengan lebih berkesan. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan boleh dibina secara berperingkat melalui latihan kontekstual, dan merupakan elemen penting dalam pemerkasaan ekonomi luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Seterusnya faktor keempat adalah **kolaborasi akademia dan industri**. Salah satu dapatan penting ialah keperluan kolaborasi antara institusi pengajian tinggi dan pemain industri dalam membangunkan potensi komuniti luar bandar. Penglibatan akademik dalam bentuk penyelidikan, latihan, dan pemindahan teknologi telah mempercepatkan proses pemerkasaan. Intervensi ini bukan sahaja membina kapasiti teknikal, tetapi juga memberi legitimasi kepada produk luar bandar.

Penemuan ini menyokong model *Quadruple Helix* (Carayannis & Campbell, 2009) yang menekankan peranan keempat-empat entiti, iaitu kerajaan, industri, akademia dan komuniti, dalam inovasi berteraskan pembangunan sosioekonomi.

Kajian ini memberikan bukti empirikal bahawa gabungan ilmu akademik dan amalan industri memperkukuh keupayaan masyarakat untuk bersaing dalam pasaran terbuka. Kajian mendapati bahawa penglibatan institusi pengajian tinggi dan agensi industri dalam latihan serta bimbingan memperkukuh keyakinan dan kemahiran peserta. Kolaborasi ini telah membuka akses kepada jaringan pasaran dan inovasi baharu. Dapatan ini menyokong kerangka *Quadruple Helix* (Carayannis & Campbell, 2009) yang menekankan kepentingan jaringan antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti. Kajian oleh Jalil et al. (2020) menunjukkan bahawa program latihan yang melibatkan universiti lebih berkesan dalam meningkatkan literasi perniagaan komuniti.

Namun, kajian oleh Hanafi dan Nasir (2018) menunjukkan bahawa kolaborasi akademia-industri sering gagal di luar bandar akibat jurang komunikasi dan logistik. Kajian ini menolak tanggapan tersebut dengan membuktikan bahawa kolaborasi dapat berlaku dengan berkesan jika direka secara rapi dan saling memerlukan. Ini menunjukkan bahawa sinergi antara pihak berkepentingan dapat menjadi pemangkin kepada pembinaan kapasiti usahawan luar bandar.

Faktor kelima adalah **pengiktirafan agensi**. Penglibatan agensi seperti MARA, Kraftangan Malaysia, dan Pusat Ekonomi Digital Desa memberikan kredibiliti dan pendedahan berkaitan pasaran kepada pengusaha batik luar bandar.

Universiti Utara Malaysia

Pengiktirafan ini memberi kesan motivasi dan psikososial kepada peserta, seiring dengan konsep *psychological empowerment* (Spreitzer, 1995), yang merangkumi aspek makna, keberkesanan, autonomi dan impak.

Kajian ini memperlihatkan bahawa pengiktirafan luaran menjadi pemangkin kepada peningkatan motivasi intrinsik usahawan, di samping membuka akses kepada peluang pendanaan, bimbingan dan jaringan perniagaan. Ini turut disokong oleh kajian Hashim dan Yusof (2021) yang menekankan pentingnya sokongan institusi dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan luar bandar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan peserta dalam program-program agensi seperti MARA, NCER, dan Kraftangan Malaysia memberi kesan besar terhadap motivasi, keyakinan diri dan kredibiliti perniagaan mereka. Pengiktirafan ini juga membuka peluang kepada penjenamaan dan akses pasaran. Kajian ini menyokong dapatan Hashim dan Yusof (2021) yang menunjukkan bahawa bantuan dan pengiktirafan institusi meningkatkan keberkesanan latihan keusahawanan. Ini juga seiring dengan konsep *Psychological Empowerment* oleh Spreitzer (1995) yang menekankan keperluan pengiktirafan untuk meningkatkan kawalan dan makna terhadap kerja.

Namun, berbanding kajian oleh Salleh dan Rahman (2017) yang mendapati penglibatan agensi bersifat satu hala dan tidak responsif, kajian ini menunjukkan bahawa hubungan dua hala yang aktif antara agensi dan komuniti dapat mewujudkan kesan yang lebih bermakna dan lestari.

Universiti Utara Malaysia

Bagi faktor yang berikutnya, iaitu faktor **persekitaran semula jadi**. Aspek ini merangkumi keindahan alam, sumber asli seperti air sungai untuk basuhan, serta identiti budaya setempat yang menjadi nilai tambah kepada penghasilan batik luar bandar. Persekitaran ini bukan sahaja menjadi sumber input, tetapi juga menjadi elemen penjenamaan produk. Berdasarkan teori pembangunan *endogenus* (Stimson et al., 2006), sumber dalaman komuniti seperti alam sekitar dan budaya perlu dioptimumkan sebagai asas pembangunan lestari.

Kajian ini menunjukkan bagaimana naratif setempat dan keunikan geografi dimanfaatkan dalam strategi pemasaran dan penghasilan batik yang bersifat *'place-based'*. Akhir sekali, kajian ini menunjukkan bahawa melalui kombinasi faktor-faktor dalam model, peserta mengalami peningkatan pendapatan, akses pasaran yang lebih luas, dan penglibatan aktif dalam aktiviti ekonomi. Mereka juga menunjukkan tahap kemandirian yang lebih tinggi berbanding sebelum latihan.

Universiti Utara Malaysia

Persekitaran fizikal dan budaya lokal dikenal pasti sebagai sumber nilai dalam pembangunan produk batik. Penggunaan sumber air semula jadi, naratif budaya dan identiti lokal telah memperkukuh nilai autentik produk peserta. Kajian ini menyokong prinsip *Endogenous Development* (Stimson et al., 2006) yang menekankan kekuatan lokal sebagai asas pembangunan mampan. Ini turut selari dengan dapatan Kamarudin et al. (2020) yang menunjukkan bahawa produk yang menonjolkan nilai tempatan lebih mudah mendapat tempat di pasaran khusus.

Namun, berbeza dengan beberapa kajian yang memfokuskan kepada persekitaran sebagai kekangan seperti kekurangan infrastruktur, kajian ini menunjukkan bahawa persekitaran dapat dijadikan sebagai aset ekonomi jika digabungkan dengan elemen kreatif dan strategi pemasaran. Ini menekankan pentingnya pembangunan yang berpaksikan kepada kekuatan dalaman komuniti, bukannya bergantung sepenuhnya kepada sumber luar.

Faktor terakhir adalah faktor **persekitaran ekonomi**. Dapatan menunjukkan bahawa impak paling ketara ialah peningkatan pendapatan, kemandirian ekonomi, dan pengurangan pergantungan kepada bantuan luar. Ini menepati objektif utama kajian iaitu untuk membina satu pendekatan pemerkasaan ekonomi yang berasaskan kekuatan dalaman komuniti. Secara keseluruhan, interaksi antara semua faktor di atas membentuk satu ekosistem pembangunan luar bandar yang seimbang antara keupayaan dalaman *(endogenous capacity)* dan sokongan luaran *(exogenous support).* Ia sekali gus menyokong pendekatan pembangunan berasaskan aset komuniti (Kretzmann & McKnight, 1993) yang menekankan kekuatan sedia ada dalam komuniti sebagai asas transformasi.

Kajian ini menunjukkan bahawa melalui kombinasi faktor-faktor dalam model, peserta mengalami peningkatan kemahiran, akses pasaran yang lebih luas, dan penglibatan aktif dalam aktiviti ekonomi. Mereka juga menunjukkan tahap kemandirian yang lebih tinggi berbanding sebelum latihan.

Universiti Utara Malaysia

Namun begitu, dapatan ini memperluas perbincangan sedia ada dengan menggabungkan dimensi kemahiran teknikal, kreativiti, dan jaringan sokongan institusi ke dalam satu model pemerkasaan yang menyeluruh. Berbanding pendekatan bersifat sektoral, model ini menunjukkan bahawa pemerkasaan berlaku apabila faktor dalaman dan luaran digembleng secara serentak dan sistematik.

Secara keseluruhannya, model yang dibina oleh pengkaji dikenal pasti dapat memperkukuh pemahaman bahawa pemerkasaan ekonomi luar bandar ialah hasil daripada interaksi kompleks antara kemahiran individu, sokongan ekosistem, dan aktivasi sumber lokal. Ia bukan berlaku secara spontan, tetapi merupakan proses yang perlu dirancang secara strategik, berasaskan realiti komuniti, dan didorong oleh kolaborasi pelbagai aktor sosial dan institusi.

5.3.2 Keberkesanan Modul Keusahawanan Batik

Universiti Utara Malaysia

Keberkesanan Modul Keusahawanan Batik kreatif yang dibangunkan dalam kajian ini telah dianalisis melalui pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa modul ini berjaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap usahawan luar bandar dalam tiga (3) domain utama: teknikal, keusahawanan dan insaniah.

5.3.3 Penguasaan Ilmu dan Kemahiran Teknikal *(Hard Skills)*

Analisis ujian pra dan ujian pasca telah menunjukkan berlakunya peningkatan yang signifikan dalam kemahiran teknikal seperti teknik mencanting, mewarna, penyesuaian corak, serta kualiti penghasilan batik. Ini membuktikan bahawa modul yang berasaskan pembelajaran aktif dan latihan praktikal mampu menyampaikan kemahiran dengan lebih berkesan.

Penemuan ini selari dengan pendekatan *experiential learning* (Kolb, 1984) yang menekankan kitaran pembelajaran melalui pengalaman langsung. Dalam konteks ini, peserta terlibat secara aktif dalam penghasilan batik melalui bimbingan fasilitator dan latihan lapangan. Ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan teknikal, tetapi juga membentuk kepercayaan diri yang tinggi dalam mengurus proses penghasilan produk.

Universiti Utara Malaysia

5.3.4 Pembangunan Keusahawanan dan Pengurusan *(Entrepreneurial Literacy)*

Peserta yang mengikuti modul menunjukkan peningkatan ketara dalam aspek pengurusan perniagaan seperti perancangan kewangan, analisis kos, penjenamaan, strategi pasaran dan penggunaan platform digital seperti e-dagang dan media sosial. Ini selaras dengan teori *entrepreneurial capability* (Mitra, 2008) yang menekankan bahawa pembangunan keusahawanan bukan sekadar menyediakan kemahiran, tetapi juga memperkukuh keupayaan membuat keputusan strategik dalam konteks ketidaktentuan perniagaan. Modul ini telah berjaya memperlengkap peserta dengan literasi yang mencukupi untuk bersaing di pasaran terbuka.

Sebagai contoh, temu bual mendapati bahawa beberapa peserta telah memulakan akaun perniagaan atas talian selepas mengikuti latihan, dan berjaya menjual produk batik ke luar negeri. Ini membuktikan bahawa intervensi melalui modul dapat mendorong perubahan tingkah laku keusahawanan (*entrepreneurial behaviour change*), dan seterusnya menyumbang kepada pemerkasaan ekonomi secara langsung.

5.3.5 Peningkatan Kemahiran Insaniah *(Soft Skills)*

Unsur kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, daya tahan, kerjasama dan pengurusan masa turut diberi perhatian dalam modul ini. Melalui aktiviti berkumpulan, pembentangan dan latihan simulasi, peserta diberi ruang untuk membina keyakinan, kemahiran sosial dan semangat keusahawanan kolektif. Kajian ini memperkukuh teori *soft skills empowerment* (Robles, 2012) yang menyatakan bahawa kejayaan seseorang usahawan bukan sahaja bergantung pada kemahiran teknikal, tetapi juga pada kebolehan mengurus emosi, interaksi dan pengaruh sosial.

Universiti Utara Malaysia

Keupayaan peserta untuk menghadapi cabaran, membuat keputusan secara kolaboratif dan menyesuaikan diri dalam persekitaran perniagaan yang berubah-ubah telah meningkat selepas latihan. Selain itu, pengaruh *soft skills* ini turut menyokong proses pemerkasaan sebagaimana ditakrif oleh Zimmerman (2000), iaitu penguasaan ke atas keputusan dan tindakan yang memberi kesan kepada kehidupan sendiri dan komuniti.

5.3.6 Relevansi Kontekstual Modul

